

# Citra Budaya

EDISI KHAS

Jabatan Kebudayaan & Kesenian Negara (ISSN 2462-1285 Tahun Ke-14 Bil 2/2022)




**MOHAMAD RAZY  
PROMOSI BUDAYA  
DALAM FILEM**



**FAUZIAH  
MENDIDIK  
LEGASI**



**SUKARNO  
ENSIKLOPEDIA  
BERGERAK**



**HAJI MESRAN MOHD YUSOP  
DULU DESPATCH  
KINI KETUA PENGARAH**

SELAMAT DATANG  
WELCOME

**JKKN**  
JABATAN KEBUDAYAAN  
& KESENIAN NEGARA  
جابتن کبودایان دان کسنین نگارا

NATIONAL DEPARTMENT FOR CULTURE & ARTS

CAWANGAN DOKUMENTASI & PENERBITAN  
DOCUMENTATION & PUBLICATION DIVISION



# *Sidang Penerbit*

Ketua Pengarah

**Haji Mesran Mohd Yusop**

Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Perancangan)

**Mohd Amran Mohd Haris**

Ketua Editor

**Zubariah Abdullah**

Editor Bersekutu

**Abie Abdullah**

Ketua Penyelaras Penerbitan/Penolong Editor

**Wan Mohd Ruzaini Wan Chik**

Penyelaras Artikel

**Nik Mohd Fadly Nik Mat**

**Mohd Zanidizam Mohd Dila**

**Normila Mohd Said**

**Mohd Zuhairi Ibrahim**

**Muhammad Faizal Ruslee**

**Amirulazam Ibrahim**

**Suhaimi Abdul Rahim**

**Siti Rohayu Mohamad**

**Farah Damayanty Ahmad**

Reka Bentuk Halaman

**Aby Kamaruddin**

Fotografi

**Muhammad Asyraf Rezali**

Gambar Kulit Hadapan

**Abdullah Deen Mohd Zain**

Promosi dan Pengiklanan

**Baffi Hera Abu Bakar**

Pengedaran

**Nor Faiza Arshad**

Penerbit

**Cawangan Dokumentasi dan Penerbitan**

**Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara**

**Aras 16, 18, 19, 26, 27, 30 dan 34**

**Lot 1001, Menara TH Perdana**

**Jalan Sultan Ismail,**

**50250 Kuala Lumpur**

**Telefon : 03-26148200**


**Faks : 03-2697 0884**

**E-mel : info@jkkn.gov.my**

**5** | **15 TAHUN IMPAK**  
DI BAWAH 3 MENTERI

**10** | **JKKN BUKAN SEKADAR**  
TARI MENARI

**15** | **BUDAK TABLIGH**  
PENCINTA SENI



**20** | **SANGGUP BASAH**  
**BERMANDI HUJAN**

**25** | **ABDUL KADIR SHEIKH FADZIR**  
**SUMBER INSPIRASI**

**32** | **DNA SENI BUDAYA**  
KUAT MENGALIR

**35** | **MENJUAL SENI DI PLATFORM**  
**TIKTOK**

**38** | **CUNGKIL PELAPIS**  
**PENERUS WARISAN**

**41** | **CINTA FAUZIAH**  
TAK PERNAH PADAM

**46** | **LESTARI WARISAN MELALUI**  
**TEKNOLOGI TERKINI**



**49** | **MELENTUR BULUH**  
**DARI USIA REBUNG**

**51** | **SUKARNO**  
SI ENSIKLOPEDIA BERGERAK



**56** | **MENJANA EKONOMI**  
MELALUI FKRIK

**60** | PESTA ANGIN TIMUR  
ANGKAT WARISAN TRADISI



**63** | PANGGUNG SENI TRADISIONAL  
LANGKAH PEMULIHARAAN SENI

**66** | ROSNAN NORDIN  
IDEA SEKEPING TISU

**70** | INSENTIF JKKN  
SEMARAK INDUSTRI

**74** | BAFTI HERA  
ULANG ALIK 280KM SEHARI



**78** | ILB MENERAJU  
INDUSTRI SENI

**81** | SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA  
PENANDA ARAS PRODUSER

**84** | SYAFINAZ SELAMAT  
TAMBAH BAIK SILIBUS

**88** | SAMPAI BILA MAHU BERADA  
DI POSISI SAMA?



**92** | MOTAC ANTARA TUNJANG UTAMA  
SENI BUDAYA

**96** | TEKNOLOGI SEIRING  
PERSEMBAHAN SENI



**100** | EKSPRESI ARTISTIK MENORA  
DR KANIT SRIPAORAYA

**106** | BONEKA BATANG BESI  
TAMBAH VARIASI

# 15 TAHUN IMPAK DI BAWAH 3 MENTERI



**TUAN** Haji Mesran Mohd Yusop, sebagaimana panggilan mesranya Mesran, ada banyak sebab untuk sentiasa merasa terhutang budi dengan tiga tokoh ini yang pernah mendukung pentadbiran kerajaan, iaitu Allahyarham Tan Sri Sabbaruddin Chik, Tan Sri Abdul Kadir Sheikh Fadzir dan Tan Sri Dr. Rais Yatim.

Padanlah apabila beliau sering mengungkap tempoh 15 tahun bersama ketiga-tiga pemimpin yang turut mewarnai senario politik negara itu sebagai pengalaman paling bermakna dalam hidup.

Ikuti temubual Citra Budaya bersama Haji Mesran yang berlangsung di pejabatnya di Menara TH Perdana, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

**Tuan Ketua Pengarah Jabatan Warisan sebelum dilantik Ketua Pengarah JKKN, berkuatkuasa 7 Disember 2020, bukan? Tetapi menarik untuk mengimbau bahawa Tuan juga bekas Pegawai Khas menteri, bukan seorang, tetapi tiga menteri kanan.**

Ya, saya mula menimba pengalaman bekerja di bawah menteri sebagai Pegawai Khas kepada Tan Sri Sabbaruddin Chik, seawal tahun 1995 - 1997 ketika Allahyarham menjadi Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Dari tahun 1997 - 1999 pula sebagai Setiausaha Akhbar dan rakan sepejabat saya ialah Yang Amat Berhormat Dato' Seri Ismail Sabri Yaakob yang ketika itu Setiausaha Politik.

Saya bersama Allahyarham sehingga 1999, sebelum jawatan berkenaan diambil alih oleh Tan Sri Abdul Kadir. Bertukar menteri, saya tidak sangka akan turut dilamar Tan Sri Abdul Kadir pula dan saya melihat bagaimana program pelancongan dan seni budaya Malaysia mencapai kemuncaknya selama saya bersamanya sehingga 2003.

Selepas Tan Sri Abdul Kadir berubah portfolio, saya menyertai Tan Sri Dr. Rais Yatim yang mengambil alih kementerian yang sama dan kemudian dikenali sebagai Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KEKWA). Belum lama bersamanya, saya ditugaskan ke JKKN Sabah tetapi tidak sampai setahun, saya dipanggil pulang untuk mengendalikan pejabat Negeri Sembilan, namun pada masa sama kembali menjadi Pegawai Khas beliau.

Ini termasuk semasa beliau bertukar portfolio, menjadi Menteri Luar Negara pada 2008 sebelum beliau dilantik mengetuai Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan. Saya kekal menjadi Pegawai Tugas-Tugas Khas beliau sehingga 2010.

**Bersama Allahyarham Tan Sri Sabbaruddin yang juga Setiausaha Agung UMNO, ketika itu apa pandangan Tuan terhadapnya?**

Saya melihat Allahyarham sebagai orang yang bertanggungjawab memberi saya pendedahan sebagai seorang pegawai kerajaan. Dan bercampur pula dengan orang politik, menjadi Pegawai Khas, beliau mengajar saya tentang disiplin.

Allahyarham seorang yang sangat menepati masa, sesuatu yang tidak kita jangkakan dulu. Disiplin ini mungkin kerana Allahyarham juga bekas pegawai kerajaan, pernah menjadi Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor sebelum bergelar menteri.

Cara Allahyarham bekerja macam orang kerajaanlah. Seperkara yang saya suka, Allahyarham bijak mengendalikan situasi, misalnya membabitkan liputan media terhadap majlis yang dihidanginya. Allahyarham biasanya bertegas, kalau ada isu lain yang mahu ditanya selain majlis berkenaan, media harus bertanya pada waktu lain.

**Ada antara momen yang tidak boleh dilupakan bersama Allahyarham?**

Allahyarham suka *shopping* (ketawa). Semasa saya pertama kali mengikutnya ke London dan Allahyarham suka, antaranya ke Oxford Street. Saya mandalah tahu, ikut ke kompleks beli belah dan dengan gaji yang sekitar RM1,600 berbanding tukaran matawang Pound, segalanya mahal bagi saya.

Tiba masa untuk menjelaskan bayaran, Allahyarham bertanya, "Eh, mana you punya (barang)?" Saya tidak tahu Allahyarham mahu belanja, jadi hanya sempat mengambil tali leher.

"I bayar untuk you," katanya. Sejak itu, saya tahulah dan setiap kali Allahyarham *shopping*, saya akan *survey* yang mana saya mahukan dan Allahyarham akan bayar sekali untuk saya.



Bekerja dengan tiga menteri - Allahyarham Tan Sri Sabbaruddin Chik, Tan Sri Abdul Kadir Sheikh Fadzir dan Tan Sri Dr. Rais Yatim antara pengalaman berharga buat Haji Mesran.

### Di sebalik apa yang dipamer Allahyarham, apa yang paling mengesankan buat Tuan?

Allahyarham tidak garang, namun tegas. Di luar masa bekerja, Allahyarham bagaimanapun seorang yang suka berjenaka. Pernah, kami berada di dalam lif dan Allahyarham melangkah masuk dan bertanya: "You ada joke baru? Kalau you tak ada, I ada." Allahyarham sentiasa membuat kami tertawa dengan jenaknya.

Seperkara yang saya cukup ingat, Allahyarham suka melawat pejabat di bawah kementeriannya. Rasanya tiada menteri lain begitu dan itu membuat saya bertambah hormat kepadanya. Mungkin kerana sudah terbiasa sebagai orang kerajaan, jadi tabiat Allahyarham meninjau orang buat kerja.

Allahyarham meninggalkan pengaruh besar dalam cara saya bekerja, membuat saya lebih berdisiplin. Sikap disiplinnya itu benar-benar meraih rasa hormat terhadapannya, boleh tanya Perdana Menteri hari ini, Dato' Seri Ismail Sabri Yaakob yang merupakan Setiausaha Politik Allahyarham ketika itu (senyum).

Saya sempat bertemu Allahyarham, tahun lalu dan ketika itu Allahyarham duduk di kerusi roda. Masih dengan sikap positifnya, beliau beria-ia memberitahu: "Kaki I elok saja ni, tetapi berdiri je yang tak boleh." Dan itu kali terakhir kami bertemu sebelum Allahyarham meninggal dunia akibat Covid-19 tidak lama

selepas itu.

Apa yang boleh saya katakan, Allahyarham sebagai menteri yang bertanggungjawab membina infrastruktur seni budaya sepanjang memegang portfolio Menteri Kebudayaan, Kesenian Dan Pelancongan. bagaimanapun saya melihat sektor pelancongan dan budaya begitu menyerlah dibawah etadbiran Tan Sri Abdul Kadir. Loghat utara yang pekat, selain penampilan kemas dengan *bow tie* yang menjadi identiti beliau, Tan Sri Abdul Kadir ada cara tersendiri tetapi saya akui, beliau seorang yang bukan mudah untuk dikenalkan.

### Apa yang orang mungkin tidak tahu mengenai Tan Sri Abdul Kadir?

Garang. Sesetengah orang mungkin lari kerana tidak tahan bekerja dengannya sehinggakan ketika itu, ada frasa popular, 'Siapa dapat bekerja dengan Kadir dua bulan, orang itu hebat.' Saya bertahan empat tahun walaupun saya sudah dimarahi seawal hari pertama bekerja. Jadi, kenapa tidak menarik diri saja? Berhenti.

Saya sebenarnya lebih dulu berkawan baik dengan adik beliau, iaitu Dato' Abdul Aziz Sheikh Fadzir.

"Hang nak kerja dengan abang aku, aku tabik," katanya kepada saya apabila mengetahui saya bersetuju bekerja dengan Tan Sri Abdul Kadir. Beliau seolah memberi amaran apabila berkata,"I

*know my brother.”*

Saya beritahu, saya hanya mahu mencari pengalaman tetapi jujur saya katakan, seandainya saya tahu apa yang saya perlu lalui, saya pun tidak mahu bekerja dengannya (ketawa). Bagi saya, itu sebenarnya sudah ditentukan Allah dan semasa hari pertama bertemu beliau di MPSA (Majlis Perbandaran Shah Alam), saya dimarahi di depan orang tetapi kalau bercakap dengan orang biasa, beliau cukup berlembut.

### **Apa yang paling diingati selama bersama Tan Sri Abdul Kadir?**

Beliau adalah orangnya yang mengajar saya erti sabar, juga disiplin. Beliau mendidik saya untuk fokus dalam kerja kerana beliau sendiri seorang yang sangat tekun bekerja. Ini terserlah menerusi kejayaan kempen yang sehingga kini, menjadi jenama popular Malaysia yang mengangkat industri pelancongan negara seperti Citrawarna, Malaysia Truly Asia dan Cuti-Cuti Malaysia.

### **Bagaimana pula karakter paling menonjol mengenai Dr. Rais?**

Orangnya suka menulis. Sepanjang saya menjadi Pegawai Khas, apabila berada di hotel dalam banyak lawatan kerja kami, selagi beliau berada di dalam biliknya jangan haraplah untuk keluar. Sebab kita perlu ada apabila beliau mahu berhubung.

Seperkara lagi yang menonjol, kerana kami sama-sama berdarah Minang, kalau berbual beliau gemar berbahasa Minang dan semangat serta kecintaannya pada budaya sangat mendalam. Itulah dia, tidak dibuat-buat.

### **Secara peribadi, apa yang boleh berbeza mengenai Dr. Rais berbanding dua menteri lain yang pernah Tuan bekerja?**

Apa yang saya paling suka mengenai Dr. Rais ialah beliau seorang yang teratur, cukup tersusun. Berbanding Tan Sri Abdul Kadir, misalnya Dr. Rais tidak akan memarahi kita secara terang-terangan atau berkasar dengan kita. Beliau kalau marah pun masih menggunakan bahasa, tetapi sebenarnya lagi makan dalam (ketawa).

Saya tahu beliau marah apabila beliau



Enam tahun sebagai Pegawai Khas Tan Sri Dr. Rais Yatim.

mula bercakap dalam Bahasa Melayu kerana biasanya kami berkomunikasi dalam bahasa Minang. Sebaik beliau mula berbahasa Melayu saja, kami pun tahulah beliau sedang m arah. Ada perkara yang mungkin beliau tidak setuju tetapi kalau beliau okay, kami cakap Minang saja.

### **Dr. Rais juga dikenali sebagai seorang budayawan, mungkin ada frasa yang paling kerap diungkapnya atau meninggalkan kesan kepada Tuan?**

Sepertimana dua menteri yang pernah saya bekerja, sebelum itu Dr. Rais juga seorang yang berdisiplin. Disiplin, saya kira adalah kunci kejayaan dan ciri-ciri kepimpinan yang perlu ada pada seseorang pemimpin. Cuma dalam soal membuat keputusan, beliau sering melontarkan alasan 'akal tidak datang sekali, pemikiran tidak datang serentak.' Dan ayat berkenaan paling kerap keluar daripada mulutnya bagi menjelaskan satu-satu keputusan yang dibuat lebih awal mungkin berubah kemudiannya.

Sebab perubahan keputusan itu akan dipengaruhi idea yang mungkin datang kemudiannya. Itu realitinya. Begitupun, beliau sangat tegas. Sukar, atau sebenarnya tidak pernah mendengar beliau memarahi atau menggunakan bahasa kesat. Cukup beradab dalam pertuturannya.

Enam tahun saya menjadi Pegawai Khas, bersama Tan Sri Dr. Rais, saya juga Pegawai Kebudayaan pertama yang bukan daripada skim PTD dibawa ke Kementerian Luar sebagai Pegawai Tugas-tugas Khas yang diperkenalkan pada tahun 2008 apabila beliau bertukar portfolio. Saya akui, mulanya serba salah namun saya dinasihati bukan senang untuk meraih kepercayaan sampai

begitu sekali. Lagi pun apabila ditawarkan menteri, takkan saya mahu menolak.

Alhamdulillah, banyak yang saya belajar selama hampir setahun di situ. Semasa beliau mula jadi Menteri Luar, Pulau Batu Putih baru saja terlepas daripada negara. Berlatar dalam bidang perundingan membuatkan beliau seorang yang teliti dan serius apabila mahu melakukan sesuatu.

Tapi tidak seperti Tan Sri Sabbaruddin atau Tan Sri Abdul Kadir, Tan Sri Dr. Rais jarang berjenaka. Cuma ada masanya, ada benda yang boleh membuat beliau ketawa atau gembira. Namun itulah bagusnya beliau ini tidak suka memarahi kita, itu yang buat kita seronok kerja.



Haji Mesran bersama rakan-rakan ketika menziarahi Tan Sri Sabbaruddin Chik di rumahnya.



## 'JKKN BUKAN SEKADAR TARI MENARI'

"**SAYA** tidak nampak siapa yang boleh jadi hero macam Tan Sri Dr Rais Yatim," kata Ketua Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), Haji Mesran Mohd Yusop, merujuk bekas menteri itu yang juga diketahui sebagai pejuang budaya.

Enam tahun berkhidmat sebagai Pegawai Khas, selain pernah menjadi Pegawai Tugas-tugas Khas semasa pemimpin yang kini bergelar Senator dan dilantik Yang di-Pertua Dewan Negara itu mengetuai beberapa kementerian, beliau berpandangan usaha mengangkat seni budaya harus menjadi suatu gerakan berterusan. Jelasnya, perlu ada kesedaran terutama bagi pihak kerajaan untuk menghidupkan seni budaya yang merupakan akar bangsa.

"Sebut JKKN, sebahagian menganggap kami sebagai jabatan tari menari saja. Betul tak?" katanya, ada nada kecewa di situ. "Sedangkan apa yang kami buat adalah pembangunan. Ikutkan, kami mahu hidupkan program seni budaya ini, masuk ke ceruk kampung seperti yang

pernah dibuat dulu, iaitu menghidupkan Program Merakyatkan Seni dan Budaya (PMS).

"Kami ingin buat sesuatu, namun ada kekangan. Selain hal bajet, usaha terbantut kerana kami di kelilingi mereka yang tiada minat. Seperti Kurikulum Baharu Sekolah Rendah bagi membangunkan seni budaya dalam kalangan pelajar-pelajar kecil dengan tujuh program dibina untuk mendidik. Adakalanya juga program yang kami kendalikan telah ditetapkan hanya melibatkan sekelompok peserta sahaja.

"Itu tidak adil. Bagaimana kita hendak mengembangkan seni budaya apabila kita fokus satu tempat saja?"

Usaha seumpama Program Merakyatkan Seni, cetusan idea Dr Rais itu, menurut Haji Mesran antara yang berjaya dan perlu dipupuk. Ia digerakkan Dr Rais yang dilantik menjadi Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KEKWA) pada 2004 sebelum bertukar ke Kementerian Luar pada 2008. Setahun kemudian,

beliau menerajui Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan sehingga 2013.

“Bagi merakyatkan budaya, untuk membuat rakyat mencintai budaya, bukan setakat menganjurkan persembahan. Ia memerlukan usaha yang memberi kesedaran kepada masyarakat, bukan di bandar tetapi harus bermula di kampung.

“Persembahan sebenarnya tempelan dan apa yang perlu diberi penekanan adalah pendekatan. Kami perkenalkan kepada orang kampung, di ceruk-ceruk, di pedalaman tentang seni budaya kita. Kami buat program, maklumkan apa itu seni budaya, beri penjelasan. Buat bengkel, misalnya dan persembahan sebagai penambahan kerana sebagai manusia, kita juga mahu berhibur,” katanya.

Selain Dr Rais, pandangan Mesran juga didukung hasil pengalamannya berkhidmat untuk dua menteri kanan, seawal 1995 sebagai Pegawai Khas Allahyarham Tan Sri Sabbaruddin Chik yang ketika itu Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan sebelum portfolio bertukar tangan ke Tan Sri Abdul Kadir Sheikh Fadzir pada 1999.

Dilantik sebagai Ketua Pengarah JKKN, berkuatkuasa 7 Disember 2020, ujian getir

menanti Mesran.

“Sayangnya saya masuk ketika era pandemik baru bermula. Pada 2019, saya masih Ketua Pengarah (KP) Jabatan Warisan dan kami tidak menjangka pertukaran saya ke JKKN memaksa saya menjadi KP dalam talian (*online*). Itu realitinya. Bagi saya, ia adalah satu kerugian sebab tidak dapat meneruskan (perancangan) sepertimana yang kita buat sebelum ini,” katanya dalam temubual yang berlangsung di pejabatnya di Menara TH Perdana, Kuala Lumpur.

Mesran dan seluruh jabatannya, akunya menarik nafas lega apabila kerajaan, pada April 2022 mula melonggarkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang membolehkan pengajuran acara fizikal.

“Bagi saya, ia adalah satu rahmat. Khususnya saya, selaku ketua jabatan yang terpaksa memimpin jabatan secara maya. Saya minta semua rakan di jabatan supaya mempercepatkan program. Sebab saya hanya ada masa sehingga awal 2023 dan bersara. Alhamdulillah, acara fizikal pertama JKKN, iaitu Iftar @KL pada April lalu meraih kejayaan. Biar pun masih dengan keangan dan pematuhan SOP, Iftar dihadiri lebih 40,000 pengunjung, lebih daripada yang kami jangkakan.



Program Iftar@KL dilihat sebagai antara identiti JKKN yang berjaya.



Tuan Haji Mesran menyaksikan aksi gimik pelancaran Rhythm of Kinabalu 2022 di Kota Kinabalu, Sabah.

"Ini diikuti Pesta Angin Timur Perlis @Hibrid 2022 pada 20 dan 21 Mei, disusuli Festival Kesenian Rakyat Kelate antara 17 hingga 18 Jun. Biarpun agak di saat akhir, tempoh dua tahun pandemik membuatkan orang tertanti-nantikan program seumpama ini, sekali gus menjadi tumpuan.

"Iftar@KL kini dilihat sebagai identiti JKKN yang seharusnya bukan sekadar terbabit dalam seni budaya tetapi sebagai badan yang menjalankan proses pembangunan itu. Seperti Iftar@KL, sedikit sebanyak dapat mengimbangi sifat seni budaya, sifat duniawi itu," katanya.

Ia adalah antara lapan Program Pelancongan Budaya yang dilaksanakan JKKN, bermula pertengahan April lalu dan disusuli Festival Kota Selatan pada 4 - 6 Ogos kemudian Festival Permainan Malaysia di Dataran Merdeka (23 hingga 25 September) bagi memartabatkan kembali permainan tradisional.

Ini diikuti *Rhythm of Kinabalu* (29 - 30 Oktober) bagi menyemarakkan dan memelihara kesenian tradisi Sabah. Antara 4 hingga 6 November pula, berlangsung Festival Gendang Sarawak sebagai usaha menyemarakkan dan memelihara seni budaya, di samping memartabatkan keunikan Gendang

Sarawak dan ini diakhiri Festival Seni Hidup atau *Living Arts Cultural Festival* di Pusat Pelancongan Malaysia (MaTic) dan menjadi satu-satunya acara yang menghimpunkan kesenian yang telah diiktiraf Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO), dan Warisan Kebangsaan.

### BUDAYA BERFIKIR DI LUAR KOTAK

Kekangan yang disebut Haji Mesran awal tadi, terutama tentang keterbatasannya kerana menjadi 'KP online', beliau mengakui sedikit kecewa namun baginya kehendak alam adalah di luar bidang kuasa manusia. Menurutnya apa yang perlu dilakukan sekarang ialah untuk menumpukan 100 peratus perhatian kepada usaha pemulihan, termasuk melaksanakan beberapa program walaupun tiada dalam jadual 2022.



Tuan Haji Mesran menyampaikan hadiah kepada salah seorang pemenang semasa program Festival Permainan Malaysia@Kuala Lumpur 2022.

“Saya cuba ikhtiarkan sebelum pencen,” tekadnya. “Contohnya, Festival Orang Asal dengan kerjasama Menara Kuantan untuk dijadikan acara tahunan, di tepi Sungai Pahang dan sudah dipersetujui Kerajaan Negeri, sekali gus menjadikan sukan air sebagai tarikan pelancongan.

“Juga Jelajah Budaya dengan bermotosikal kuasa besar, bukan kerana saya peminat motosikal kuasa besar. Itu yang telah disalahertikan, melihatnya bersifat peribadi walhal ia cara menarik minat orang bandar ke luar daerah sambil menyelami budaya.

“Motosikal kuasa besar sebagai tarikan komersil, sambil menyelam minum air. Kita mahu mengimarahkan seni budaya kepada masyarakat besar kerana golongan ini sangat terasing daripada seni budaya kita. Jadi, setiap perhentian kami bermalam, adakan persembahan kesenian. Kami kena buat (program) luar daripada kebiasaan,” katanya.

Ada lagi kelompok, menurutnya yang lama ditinggalkan perlu didekati kembali, iaitu program kesenian Islam seperti menerusi pertandingan nasyid, marhaban dan berzanji. Susulan kejayaan Iftar@KL, beliau gembira kepercayaan diberikan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk JKKN terbabit dalam penganjuran seperti Maulud Nabi, majlis Tilawah Al-Quran dan Persidangan Ulama’ Asia Tenggara 2022.

Negara, diakui menikmati kemuncak pelancongan dan seni budayanya semasa Kementerian diketuai Tan Sri Abdul Kadir yang memperkukuhkan

Malaysia dengan jenama seperti Cuti Cuti Malaysia dan Citrawarna, antaranya.

“Benar, apa yang dilakukan Tan Sri Abdul Kadir memang terserlah namun saya tidak tahu apakah ia perlu diteruskan. Setiap menteri, tentunya ada kaedah masing-masing namun saya akui, kaedah beliau sangat berkesan walaupun beliau dengan caranya yang garang dan tegas.

“Saya sendiri sampai tiga kali minta berhenti kerja, tetapi baru sekarang inilah saya nampak impaknya. Seperti Allahyarham Tan Sri P. Ramlee, semasa hidup di akhir hayatnya tidak dipedulikan tetapi selepas pemergiannya, baru orang nampak kesannya,” katanya.

### ORANG POLITIK KENA MAIN PERANAN

Keberkesanan usaha negara jiran seperti Thailand dan Indonesia, misalnya dalam memacu industri pelancongan dan seni budaya mereka, bukan saja dalam pengembangan ekonomi malah akar bangsa, menurut Mesran, memerlukan Malaysia untuk melihat kembali perkara ini.

“Orang politik kena mainkan peranan,” katanya, seraya menekankan kepentingan untuk ‘punya pemimpin yang minat pada seni budaya’ termasuk sokongan media arus perdana sebagai medium penyebaran.

Jika sebaliknya, beliau mengakui bimbang lama kelamaan seni budaya di Malaysia akan makin terkebelakang.



Pesta Angin Timur Perlis 2022 diadakan secara hibrid kerana negara masih dalam proses endemik ketika itu.

Kekangan seperti isu bajet, tambahnya perlu diberi perhatian kerana ia mencerminkan kesungguhan kerajaan dalam memelihara akar bangsa, selain *political will* dan membudayakan berfikir di luar kotak.

Jelasnya, penganjuran seperti Festival Kesenian Rakyat Kelate juga perlu diperbanyakkan kerana ia tidak hanya menghidangkan persembahan semata-mata, malah boleh dilihat dalam konteks perpaduan rakyat.

“Tambah lagi dalam berdepan dunia tanpa sempadan, kita memerlukan program seperti Jelajah Budaya menggunakan motosikal kuasa besar, misalnya yang diminati anak-anak muda. Dekati dengan cara berbeza, cara mereka tetapi kami perlukan bajet atau jadikan jabatan yang menjaga seni budaya di atas kertas saja,” katanya.

**“Bagi merakyatkan budaya, bukan setakat menganjurkan persembahan tapi memerlukan usaha yang memberi kesedaran kepada masyarakat, bukan di bandar tetapi harus bermula di kampung.”**

JKKN, menerusi Belanjawan lalu, diperuntukkan bajet RM2.7 juta untuk diagihkan ke 14 negeri, selain ibu pejabat. Berdasarkan situasi semasa, ia tentu tidak memungkinkan kelancaran setahun perancangan yang dilihat memerlukan sekurang-kurangnya RM1 juta bagi setiap negeri.

“Jika diberi bajet, sudah tentu banyak yang boleh digerakkan. JKKN perlu mengikis persepsi ia hanya jabatan tari menari dan kita memerlukan bantuan, khususnya media yang berpengaruh ke atas masyarakat. Lihat proses JKKN dalam membangunkan seni budaya, misalnya seperti pendidikan.

“Seni budaya seolah hidup segan mati tidak mahu. Saya bimbang kerana kita sedang melawan dunia yang terbuka luas. Sukar kalau di peringkat ini pun kita gagal. Jepun, misalnya anak-anak mereka seawal usia lima, enam tahun dididik pasal budaya. Begitu juga Indonesia. Kita perlu berjiwa besar dan jangan nanti sudah terhantuk baru tengadah,” katanya, penuh makna.



# BUDAK TABLIGH

## PENCINTA SENI

**BIAR** cuba untuk tidak membilang hari yang berbaki kurang setahun sebagai Ketua Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), sesekali beliau terpaksa akur dengan keresahan yang bermain di fikiran. Sebaik menggalas jawatan itu yang berkuatkuasa 7 Disember 2020, banyak sebenarnya yang ingin dilaksanakannya.

"Saya diibaratkan KP (Ketua Pengarah) *online* dan saya tidak menyukainya kerana saya tahu saya boleh berikan lebih daripada ini," akui Haji Mesran Mohd Yusop yang menyifatkan dua tahun pertama beliau memegang jawatan itu berdepan cabaran tidak diduga ekoran pandemik yang melanda dunia.

Selain perubahan yang memaksa dunia membiasakan dirinya dengan norma baharu, termasuk Malaysia dengan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat dan hanya baru-baru ini diberi kelonggaran, agensi seperti JKKN antara yang harus berdepan dengan kekangan bajet disebabkan pengaruh ketidaktentuan ekonomi pula.

Jelasnya, sebagai Muslim yang meletak kepercayaan dan penyerahan mutlak pada Yang Maha Esa, tentu saja tidak wajar untuk berterusan menyalahkan pandemik yang menyaksikan banyak perubahan diadaptasi.

Cuba untuk tidak terus kecewa lantaran situasi yang memerlukan berusaha sedaya kreatif, menghidupkan budaya dan seni menerusi program secara dalam talian, misalnya beliau tekad untuk memanfaatkan kesempatan yang sangat terhad.

Lalu, berbekalkan semangat dan keyakinan, juga pengalaman yang ditimba termasuk menjadi orang yang bertanggungjawab memperjuangkan penyenaian seni mempertahankan diri Melayu, silat ke dalam UNESCO selain mendapatkan pengiktirafan buat seni songket. Susulan itu, beliau berazam untuk meninggalkan satu tanda yang boleh dibanggakan sebagai KP JKKN.

“Saya sudah diamanahkan (jawatan KP), rugilah kalau saya buat sambil lewa. Sudahlah masa tidak banyak, soal bajet pula menghambat. Usaha pemulihan jadi tidak mudah apabila idea yang cuba dilaksanakan, misalnya kembara bermotosikal kuasa besar ke daerah-daerah seni tertentu sebaliknya dipertikaikan pihak tertentu.

“Niat saya, juga pasukan, disalah erti. Hanya kerana saya peminat motosikal berkuasa besar, kembara sebegini dianggap tidak lebih sebagai memenuhi minat peribadi walhal saya melihatnya sebagai pendekatan komersial untuk mengangkat seni dan budaya. Inilah antara cabaran yang harus kami di JKKN tempuhi,” katanya

Enggan menyerah, Mesran tidak mem-



Bersama Encik Zakaria, Ketua Unit KESATRIA di ITM Shah Alam.

buang masa sebaik kerajaan mengemukakan kelonggaran untuk persembahan fizikal dalam usaha merancakkan semula pertumbuhan ekonomi negara. Seawal Mei lalu, antara yang dilancarkan ialah lima siri Program Citra Malaysia, *Colours of Malaysia* menerusi persembahan asli dan autentik Malaysia yang menampilkan keunikan dan kepelbagaian dalam kesenian dan kebudayaan Malaysia bagi dilaksanakan secara berkala oleh Kumpulan Kesenian JKKN dari seluruh negeri.

Dimulai ‘Wow, Meriahnya Raya 2.0’ di Dataran Foodcourt, Presint 14 Putrajaya, program yang dilihat dapat menerap dan memperkenalkan, serta mendidik masyarakat akan kepentingan seni budaya seraya menarik minat pelan-

cong di dalam dan luar negara bagi mempromosi budaya Malaysia itu diteruskan pada 29 Julai lalu dengan Akul Zapin Turasi (Zapin Eksperimental) di Panggung Bandaraya Kuala Lumpur.

Selepas dilaksanakan secara dalam talian, Mesran menekankan pendekatan semasa yang bersifat tular bagi program yang memasuki tahun ketiga penganjurannya yang bersambung pada 30 September 2022 menerusi 'Nostalgia 90-an' di La Park Jalan Conlay, Pavilion, Kuala Lumpur. Ini diikuti dua siri terakhir di Panggung Bandaraya Kuala Lumpur iaitu Warna (Kemeriahan Sambutan Perayaan Deepavali) pada 29 Oktober, dan Koleksi Inspitari (karya ibu pejabat) pada 5 November 2022.

Seni dan budaya, m e n u r u t n y a sudah berdarah daging dalam dirinya sejak di bangku sekolah. Membesar dengan kecenderungan pada ilmu agama, membuatkan beliau berusaha melihat percambahan warisan dan khazanah bangsa dan negara dalam perspektif berbeza.

"Ikutkan, minat terhadap budaya seni ini dipupuk sejak sekolah lagi. Saya bukan saja mengetuai pancaagam sekolah, malah menjadi Pengerusi Pancaagam Sekolah. Saya main saksa-fon dan klarinet.

"Kali terakhir saya bermain klarinet tahun 1990, jika tidak silap. Masa itu sempena sambutan Hari Guru, semasa saya menjadi guru sementara atau guru sandaran. Saya buat persembahan untuk peringkat Selangor di Dewan MBSA (Majlis Bandaraya Shah Alam)," katanya, santai berbual di pejabatnya di Kuala Lumpur.

Masih dengan kenangan zaman perse-

kolahannya, akui Mesran, beliau adalah seorang pelajar yang 'sangat aktif, memegang pelbagai jawatan' termasuk sebagai Timbalan Ketua Pengawas selepas menolak jawatan Ketua Pengawas demi menghormati rakannya yang merupakan anak seorang pemimpin.

### AKTIF PEGANG PELBAGAI JAWATAN

"Kalau suruh bertanding, saya (tentu) menang sebab di sekolah, orang lebih kenal saya. Saya popular!" katanya, separuh berjenaka yang menjadikan temubual tambah santai.

"Guru disiplin seorang Ustaz, dia tanya apakah saya mahu jadi Ketua Pengawas atau Timbalan? Saya jawab, Timbalan je Ustaz. Saya kata lagi, bagi Ketua Pengawas pada kawan tu... dia anak wakil rakyat. Lagi pun saya ada empat jawatan lain."

Ruang tempat kami berbual pagi itu, berderai lagi dengan tawa. Keperibadiannya menyenangkan. Sering dalam bicarannya diselang-seli humor dan tidak hairanlah menggap tegurannya, walaupun boleh jadi tegas masih diterima dengan berlapang dada oleh mereka yang berurusan dengannya.

Juga kemesraan yang cepat terjalin, mungkin kerana ketulusan yang menyerlah. Ia turut menyuburkan perhubungan yang terus utuh

walaupun ramai kalangan teman lamanya hari ini meraih posisi penting dalam pentadbiran kerajaan dan korporat, antaranya Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Tan Sri Azhar Azizan Harun dan Datuk Nancy Shukri, mantan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya.

Berpijak di bumi yang nyata, anak jati



Muzik telah mesra dengan Mesran sejak dalam remaja.

Hulu Langat dan dibesarkan di Kg. Melayu Batu Caves Selatan ini mengakui beliau bukanlah dilahirkan dalam keluarga senang.

“Pekerjaan pertama saya pun sebagai *despatch* di Menard Cosmetic di Sungei Wang Plaza (Kuala Lumpur) pada 1983,” katanya.

Kesusahan mendorongnya untuk memperbaiki hidup dan beliau berjaya melanjutkan pengajiannya ke Institut Teknologi Mara (kini, Universiti Teknologi Mara atau UiTM) dan merupakan lulusan bidang Muzik.

“Saya sebenarnya SPM gred 3. *Third grader* dengan agregat 42. Saya tidak malu mengakuinya. Sepuluh subjek, tiga kredit 6, satu lulus dan enam gagal. Masa itu pun, bukan saya yang pergi tengok keputusan tetapi bapa saudara yang kebetulan guru di Sekolah Menengah Kampung Batu di Jalan Ipoh,” katanya.

Bagaimanapun semasa di Sekolah Menengah, beliau sempat mengambil peperiksaan muzik secara teori dan fizikal di Trinity College of Music, London (Praktikal) dan ABRSM (The Associated Board of the Royal Schools of Music, London) dalam bahagian teori. Sijil muzik inilah yang melayakkan beliau masuk ITM.

Keputusannya memilih jurusan muzik

sempat menjadi buah mulut semasa di ITM memandangkan keperibadian Mesran yang dilihat dalam kelompok ‘budak tabligh.’

“Orang tahu Mesran ini bukan orang buat muzik, patutnya ambil kursus Islamik. Sayalah orangnya yang akan bawa ustaz untuk ceramah, jenis pergi Jumaat pakai kopiah. Sampai satu ketika, saya hampir mahu berhenti daripada pengajian sebab orang mengata macam-macam.

“Saya berjumpa seorang ustaz, Ustaz Azhari Othman al Hafiz. Beliau tanya saya, apakah saya mahu jadi pemuzik? Saya kata, tidak. Saya tidak terfikir pun nak jadi pemuzik, tetapi hanya mahu belajar ilmu Allah. Kata beliau, kalau begitu teruskan saja,” imbaunya.

Sepanjang menuntut di ITM, menurutnya, beliau hanya bermain muzik pada waktu lapang, biasanya petang atau malam untuk memasuki studio, berlatih. Seperti mana zaman persekolahan, akunya lagi, beliau lebih aktif berpersatuan.

“Saya adalah Presiden Kolej Delima, orang kata kolej paling cerdas, paling popular,” katanya, senyum seolah mengingati peristiwa lucu. “Ada lapan kolej, iaitu lima lelaki dan tiga perempuan, termasuk ROTU (Pasukan Latihan Pegawai Simpanan), di bawah



Bersama rakan-rakan Kumpulan Brassband KESATRIA, ITM Pahang sekitar tahun 1987.

saya. Pernah ditawarkan jadi wakil pelajar, saya tak hendak. Pegang ini (jaga kolej) pun sudahlah.”

**“Sayalah orangnya yang bawa ustaz untuk ceramah, jenis pergi Jumaat pakai kopiah. Sampai satu ketika, saya hampir mahu berhenti sebab orang mengata macam-macam.”**

Jerih mahu menghabiskan pengajian membuatnya syukur beliau tidak mengikut kata hatinya untuk berhenti.

“Untungnya apabila diteruskan (pengajian), saya ditawarkan pula ke Amerika Syarikat di bawah Young Lecturers Scheme. Saya mendapat tempat di Preston University dan saya salah seorang daripada lima pelajar.

“Itu yang saya kahwin cepat, konon mahu bawa isteri ke Amerika tetapi entah apa puncanya, tidak jadi ke Amerika. Daripada kami berlima, hanya dua yang ke Amerika,” katanya ketawa.

### REZEKI TAK SALAH ALAMAT

Begitupun, tiada rasa kesal buat dirinya yang berpandangan ada hikmah di sebalik apa yang berlaku. Positif saja, katanya dengan alasan: “Kalau saya pergi, saya mungkin tidak jadi KP tetapi jadi pensyarah muzik. Kalau ikutkan, rezeki Allah yang tentukan.”

Jika diingati kembali, beliau yang sudah lama berkhidmat dengan JKKM memberitahu, awalnya namanya tidak meraih tempat.

“Semasa saya hendak temuduga kerja, nama saya dalam simpanan. Salah seorang yang diterima kerja adalah junior saya dan kini merupakan Dekan Muzik di UiTM tetapi pada masa sama, beliau ditawarkan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, ketika itu untuk menyambung pengajian ke Amerika, buat muzik.

“Itu membuka peluang kepada saya untuk menggantikannya sekaligus mendapatkan pekerjaan, tetapi itulah juga rezeki namanya. Kalau tidak, saya tidak berada di tempat ini. Sebelum itu, saya menjadi Pegawai Kebudayaan Majlis Perbandaran Petaling Jaya atau MPPJ

(kini Majlis Bandaraya Petaling Jaya) tetapi secara kontrak.

“Nak masuk ke sana, saya masih ingat, saya bersaing dengan Haliza Misbun (pelakon popular 90-an) semasa temuduga. Haliza adalah salah seorang calon tetapi saya percayakan Dia, segalanya adalah perancangan Dia,” katanya.

Jelas Mesran, peluang membangunkan beberapa projek bersama MPPJ menambah keyakinan terhadap keupayaannya.

“Saya buat, antaranya Konsert Kebudayaan Islam yang tidak pernah dianjurkan orang. Saya masih ingat, konsert yang berlangsung di Dewan Sivik, Petaling Jaya sekitar tahun 1992 dan 1993. Kumpulan masa itu, Nada Murni yang ahlinya kini menganggotai beberapa kumpulan nasyid popular seperti Hijjaz dan Rabbani,” katanya.

### TANDA MATA KECINTAAN PADA SENI

Beliau senyum, berkongsi cerita konsert itu meraih ulasan positif media, antaranya wartawan terkenal, Ku Seman Ku Hussein.

Lama juga beliau diam sebelum menyambung bicara: “Saya buat kerana minat, bukan untuk cari nama. Seandainya mahu dihargai, bagi saya sesiapa sajalah, haruslah dihargai betul-betul. Bagi saya, mungkin belum sampai masanya untuk kita mendapatkannya walaupun kita rasa sudah berusaha sebaiknya.

“Dan saya terfikir juga, mungkin apabila satu perkara itu kita mahukan dan kita memperolehnya, mungkin ia akan menjadikan kita seorang yang berbeza, mungkin jadi riak, misalnya. Jadi, saya positif saja. Itu tidak jadi hal buat saya, penting saya berikan yang terbaik, seikhlasnya sebagai tanda mata dan kecintaan saya pada seni dan budaya.”

Ditanya apakah mungkin beliau kembali meniup klarinet, beliau senyum lucu, menggelengkan kepala.

“Semasa belajar di ITM, saya tiada motosikal, tiada basikal. Jadi, ke kolej dan ke mana saja, berjalan kaki dan jadi sebahagian daripada senaman pernafasan. Sekarang? Cuba tiup, langsung tak ada bunyi,” katanya, ketawa lagi.



# SANGGUP BASAH BERMANDI HUJAN

“**JIKA** dulu, hampir setiap bulan saya ke Thailand, masuk Hat Yai bersama anak-anak. Percaya tak, hanya untuk pergi makan?” kata Ketua Pengarah (KP) Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), Tuan Haji Mesran Mohd Yusop, ketawa menceritakan ‘kegilaan’ beliau sekeluarga yang menjadikan kembara motosikal berkuasa besar sebagai cara meluangkan masa bersama.

“Pernah kami anak beranak ke Perlis, bertolak dari Kuala Lumpur (KL) jam 8 pagi dan tiba Perlis jam 2.30 petang. Pergi untuk makan ikan keli Kangar yang popular itu, kemudian balik KL dan malam sampai di rumah.”

Mengakui ia melelehkan, namun baginya pengalaman dicatat bersama keluarga membuatnya puas.

“Selain momen indah bersama keluarga, ia juga menyihatkan. Mungkin nasib juga bukan (naik) kapcai, kalau tidak mahu juga sakit pinggang. Penat juga tetapi selepas seminggu, dah rehat boleh *ride* semula,” katanya, ketawa lagi merujuk Honda Goldwing 1.8, antara tiga motosikal berkuasa besar dimilikinya.

Ikut melengkapi koleksinya ialah Yamaha Tracer 900 GT dan paling kecil, Honda X-Adv 750 selain Goldwing biru yang baru diperolehi tahun lalu usai melepaskan pemilikan ke atas satu lagi model sama, tetapi berwarna hitam lumut yang pernah menjadi saksi 12 tahun kembara hidupnya.

“Anak-anak saya juga adalah penunggang macam saya. Bila kami sarapan, kami *ride* sama-sama. Cukup-cukup tiga motor, kami enam beranak sering bersama ke mana saja,” katanya, bercerita lanjut mengenai kegiatan mereka sekeluarga.

Hobi itu turut dijadikan serampang dua mata dalamnya mendidik anak-anak kerana jelasnya: "Saya boleh kawal dan tahu pergerakan anak-anak. Saya beri kebebasan pada anak-anak tetapi masih dalam kawalan. Ia jadi mudah sebab mereka pun minat motor, syukur Alhamdulillah."

### KUDA BESI

Ditanya mengapa memilih kegiatan bermotosikal, beliau mengaitkan kecenderungannya dengan saranan Rasulullah SAW yang menganjurkan umatnya untuk belajar berenang, memamah dan berkuda.

"Tetapi kuda saya kuda besi. Memamah jarang dapat, saya suka memancing," katanya, geli hati sendiri.

Ditanya lagi apa yang membuatnya begitu meminati motosikal berkuasa besar, beliau diam seketika sebelum menjawab: "Saya tak tahu mengenai orang lain, tetapi saya hilang tekanan. Saya lepaskan (tekanan) atas motor, saya gembira. Saya enjoy, terutama apabila menunggang bersama keluarga."

Kembara bermotosikal, menurutnya juga memberinya peluang untuk menikmati keindahan yang dibentangkan Sang Pencipta. Berdarah Minangkabau, anak kelahiran Hulu Langat yang dibesarkan di Kampung Melayu Batu Caves ini mengakui jiwanya terasa tenang melihat keagungan-Nya yang diperlihatkan pada alam yang dilewati.

"Satu lagi, daripada segi kesihatan. Selain menghilangkan tekanan, menunggang motor juga mengurangkan berat badan tau!" katanya, bersungguh. "Sebab itu, apabila orang menaiki motor, misalnya dalam perlumbaan, mereka akan menimbang berat badan. Selepas perlumbaan, mungkin hilang sekilo sebab panas, peluh semua keluar. Jalan pula tidak rata, umpama kita berlari atau berjalan.

"Ia menjadikan kita seorang yang fokus, juga berdisiplin. Itu bagaimana saya mendidik anak-anak saya. Naik motor kena disiplin, sebab (tanpanya) bahaya. Kalau roda empat (kereta) pun bermasalah, apatah lagi roda dua. Itu saya pesan pada anak-anak, bawa motor mesti disiplin."

Pernah berkonvoi ke Phuket, Thailand sejauh 1,100 kilometer yang mengambil masa 10 jam perjalanan dengan singgah di empat perhentian, Mesran bagaimanapun mengakui lebih selesa menunggang dalam kumpulan kecil.

"Saya pernah menyertai kumpulan besar, antaranya bersama Timbalan Perdana Menteri, Datuk Zahid Hamidi yang sememangnya diketahui peminat motosikal berkuasa besar untuk satu program di Temerloh, Pahang. Tapi saya tak enjoy bila terlalu ramai, berkilometer panjangnya beratur. Jadi saya pulang seorang, singgah makan seorang, lagi saya enjoy."

Mencari kenikmatan dalam kembara mendorong Mesran untuk menubuhkan



Hobi menunggang motosikal turut disukai anak-anak Mesran.



Mengerjakan ibadah haji ketika menyandang jawatan sebagai Pengarah JKKN, Sabah.

kumpulan motosikalnya sendiri yang digelar Wing 5. Kenapa Wing 5?

“Wing atau sayap sebagai simbolik kepada asas lima Rukun Islam,” katanya, penuh falsafah. “Iaitu, lima waktu kita solat. Kumpulan kecil mudah dikendalikan, dan apabila kami hendak ke mana-mana semuanya satu kepala. Makan, sekali. Sembahyang, pergi sama-sama.”

“Jika menunggang dalam kumpulan besar, cabarannya berbeza ada yang mahu makan dulu, ada yang mahu sembahyang dulu. Riding lima, enam motor saja dalam Wing 5. Tidak ramai, tidak lebih daripada 10 motor biasanya. Itulah satu tujuannya, untuk enjoy saja.”

### IBARAT PADI YANG MENUNDUK

Wing 5 kini, dalam selorohnya, diibaratkan hidup segan, mati tak mahu. Ditanya, beliau mengakui memilih untuk fokus menunggang bersama keluarga yang mulanya hanya diikuti anak sulungnya tanpa menduga ia mencambahkan minat adik-adiknya. Kekangan masa akhir-akhir ini, disebabkan tugasannya sebagai Ketua Pengarah membuatkan sedikit masa yang terluang sebolehnya didahulukan untuk keluarga.

Jelas Mesran lagi, minat dalam dunia

permotoran bercambah 16 tahun lalu selepas melihat rakannya menunggang motosikal berkuasa besar walaupun asalnya berdepan kesukaran memahirkan diri bermain *clutch*.

“Ketika itu, 250cc saja tetapi dah rasa besar sangat. Saya bawa ke Kuala Pilah, tetapi rupanya orang buat tidak kisah saja sebab ada motosikal lebih besar,” katanya, mengimbuai cerita lama.

Tercabar, tawaran kerajaan yang membolehkan penjawat awam sepertinya memilih bersara secara berpencen, beliau memanfaatkan sebahagian caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) miliknya bagi membeli tundi Kawasaki Nomad 1.6 berharga RM89,000. Ia juga mencatat kembara motosikal kuasa besar pertamanya ke Phuket, Thailand sebelum beliau menjualnya bagi menampung sebahagian pembelian Goldwing pertamanya yang berharga RM169,000.

Kegilaannya terhadap motosikal berkuasa besar bukanlah rahsia. Boss yang disifatkan mudah didekati ini senang bermotor sehinggakan Goldwing, jika tidak Honda X-Adv, turut ditunggangnya ke pejabat di Menara TH Perdana yang berada di persimpangan sibuk di tengah kota Kuala Lumpur berbanding kereta rasmi.

Segak, walaupun bakal menamatkan perkhidmatan tahun depan, gaya rangnya yang sering mencuri perhatian itu menyerlahkan kesederhanaan sikapnya yang nyata amat disenangi ramai pegawai dan kakitangannya.

“Saya jarang pakai *pilot*,” katanya, merujuk pemandu yang dihadirkan sebagai kelebihan jawatan yang disandangnya kini.

“Saya lebih rela berbaju hujan daripada duduk tua di dalam kereta (berdepan kesesakan). Saya keluar rumah jam 7.30 pagi, kalau hujan saya berhenti, sarung baju hujan dan teruskan perjalanan ke pejabat.” Sambil senyum lebar, akunya lagi, “Cuma kalau (hujan) semasa balik, saya tidak akan pakai baju hujan. Biar basah bermandi hujan. Basah pun basahlah, tak kisahlah!”

### DUDUK SEBELAH PEMANDU

Diperuntukkan kemudahan, Mesran mengakui ada masanya formaliti membuatnya tidak selesa. Jurang yang terwujud, akunya tidak hanya dirinya jadi perhatian malah menyukarkan kelancaran pekerjaan, termasuk komunikasi bersama orang bawahan.

“Saya bukan jenis orang macam itu. Jika saya gunakan pemandu sekali pun, biasanya untuk majlis formal, saya tidak

suka diturunkan di depan pintu. Biar jauh sikit, saya berjalan kaki ke tempat itu. Itu cara sayalah.

“Dan saya tidak pernah duduk di belakang (tempat penumpang). Saya akan duduk bersebelahan pemandu, sebagai ketua jabatan dan dalam kenderaan rasmi. Saya malu duduk di belakang seorang, segan entah kenapa,” katanya.

Diminta menjelaskan, sambil membetulkan lipatan lengan kemeja birunya, senyumannya membayangkan ada kelucuan dalam jawapannya yang kemudian dituturkan: “Orang mungkin tidak cakap apa tetapi saya rasa macam berlagak. Jadi saya lebih suka duduk di depan. Pergi mana-mana, saya tidak pernah duduk di belakang.”

Ditanya kemungkinan kerana pembawaan dirinya, hasil daripada didikan orang tua, beliau tidak menolak.

“Saya orang susah,” katanya, berkongsi zamannya dibesarkan. “Ayah saya drebar (pemandu) saja, bawa lori. Mak saya surirumah, sudah meninggal dunia tetapi ayah masih ada, dah 81 tahun pun umurnya.

“Kesusahan jelas banyak mengajar saya tentang kehidupan, kalau tidak mungkin saya tidak akan berada di sini, hari ini.”



Bagi Mesran, bermotikal berinya peluang menghargai indahnya alam.

# ABDUL KADIR SHEIKH FADZIR

## SUMBER INSPIRASI

**IMPAK** diberikan tokoh politik kelahiran Baling, Kedah itu jelas menerusi kejayaan penjenamaan kempen seperti Citrawarna dan Cuti Cuti Malaysia yang diperkenalkan semasa beliau mengetuai Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan antara Januari 1999 hingga Mac 2004.

Akuinya, tempoh bersama Tan Sri Abdul Kadir cukup memberi kesan sepanjang 15 tahun beliau berkhidmat di bawah tiga menteri termasuk Allahyarham Tan Sri Sabbaruddin Chik, mantan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Juga kepada Tan Sri Dr Rais Yatim semasa menjawat portfolio Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KEKWA), Menteri Luar dan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan.

Ikuti pengalaman menarik dikongsi Haji Mesran bersama Citra Budaya dalam temubual di pejabatnya di Menara TH Perdana, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

**Tiga menteri yang pernah Tuan berkhidmat, semuanya semasa mereka menjawat portfolio membabitkan pelancongan dan kesenian.**

Ya, mereka bukan saja menteri kanan, malah antara yang terbaik tetapi kalau bercakap mengenai pelancongan dan budaya, paling menonjol ialah ketika era Tan Sri Abdul Kadir. Beliau bijak kerana menggunakan semua infrastruktur seni budaya yang dibina Allahyarham Tan Sri Sabbaruddin. Allahyarham adalah orang yang membina infrastruktur, misalnya Istana Budaya namun Tan Sri Abdul Kadir yang mengambil alih, merasmikan-



Tan Sri Abdul Kadir Sheikh Fadzir

nya seperti juga Balai Seni Visual. Allahyarham boleh dianggap sebagai menteri infrastruktur dan Tan Sri Abdul Kadir mencantikkannya lagi.

### **Di tangan Tan Sri Abdul Kadir sendiri, apa yang boleh Tuan katakan?**

Yang terbaik, Citrawarna. Bulan Ogos juga mengingatkan saya tentang kempen Bulan Kemerdekaan yang diraikan sebulan hasil cetusan idea beliau. Saya menjadi perantara, menyediakan skrip bagi khutbah Jumaat terakhir sebelum Hari Merdeka, termasuk doa selamat kemerdekaan yang dibaca selepas solat. Bagi beliau, Jumaat terakhir sebelum sambutan kemerdekaan negara adalah 'special, ini Jumaat special.'

Nasiblah semasa menuntut di ITM (Institut Teknologi MARA, kini Universiti Teknologi MARA) saya banyak terbabit merancang kegiatan keagamaan. Jadi, mudah bagi saya draf isinya sebelum diserahkan kepada JAKIM (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia) untuk dimasukkan ayat-ayat suci Al-Quran. Sambutan Hari Kemerdekaan pada zaman Tan Sri Abdul Kadir adalah paling meriah, antaranya menerusi kempen kibar bendera apabila beliau pada saat akhir, mengusulkan pembelian bendera bernilai RM3 juta untuk diagihkan kepada rakyat dan pemilik bangunan di seluruh negara. Jika mahu sesuatu, beliau bersungguh. Sebab itu, beliau adalah menteri terbaik dalam kalangan yang terbaik yang pernah saya khidmat.

### **Tan Sri Abdul Kadir ini, macam mana orangnya?**

Garang, tetapi ada masanya beliau sangat *fatherly*. Dan banyak juga cerita lucu sepanjang saya bersamanya. Itu yang saya suka mengenainya, seimbang. Jika mereka yang bekerja dengannya kena marah, satu lantai boleh dengar. Kami, pegawai yang berurusan terus dengannya, disediakan dua telefon setiap seorang di dalam pejabat. Satu telefon rasmi dan satu lagi, saya



Bagi Mesran, Tan Sri Abdul Kadir Sheikh Fadzir menteri yang sangat komited.

masih ingat warna biru, untuknya menghubungi kami secara terus. Setiap kali telefon biru berbunyi, kami cuak (ketawa), "Apa lagi dia nak?" Saya masih ingat, Allahyarham Pak Ngah (komposer Datuk Suhaimi Mohd Zain) yang banyak mengendalikan Citrawarna ketika itu, kalau dihubungi sampai susah hati jadinya (ketawa).

Namun itulah dia orangnya, Tan Sri Abdul Kadir yang sangat fokus bekerja. Lagi satu saya suka mengenainya, beliau akan selalu menekankan, 'The only one that can say NO is me, not you all.'

### **Apa maksud Tuan?**

Jika beliau suruh kita buat sesuatu, jangan sesekali katakan kepadanya, "Oh, ini tak boleh." Biasanya, beliau akan segera mengatakan, "No! No! You're not the one who says NO. I'm the only one who can say NO." Jadi, mahu atau tidak, kami kena buat juga. Baginya, ini kerana beliau orang terakhir yang akan memutuskan.

Biasanya, apa yang beliau mahu akan terlaksana. Jika beliau beri penerangan,

orang mudah faham. Kalau bercakap, lembut gigi daripada lidah (senyum). Tetapi antara pengalaman saya ialah setiap kali draf surat atau ucapan beliau, biasanya kita akan dipanggil berdiri di sebelahnya untuk dia perbetulkan. Saya belajar draf yang diperbetulkan, jangan dibuang supaya jadi bukti.

### Bukti apa pula?

Sebab apabila kita sudah draf surat baru berdasarkan pembetulan yang dibuatnya, selang sehari beliau akan bertanya siapa yang menyediakan surat atau ucapan berkenaan. Serta mula memper-tikaikan kandungannya kerana berasa ayat itu bukan daripadanya. Sebab itu, perlukan draf asal yang beliau sendiri betulkan dan selepas tersedar, beliau akan berlembut, "Okaylah, I sign."

**Lagu kempen Cuti Cuti Malaysia denda-n Dato' Seri Siti Nurhaliza, tercatat nama Tuan sebagai penulis liriknya untuk lagu ciptaan Datuk Ahmad Nawab yang diterbitkan pada 2001. Sudah 21 tahun berlalu, lagu itu nyata masih segar sampai kini.**

Ya, buat lirik itu pun sebab dipaksa Tan Sri Abdul Kadir (ketawa). "You buat," katanya kepada saya, satu hari. Biar pun saya berkelulusan muzik, saya tidak begitu selesa tetapi manalah berani

**"Sambutan Hari Kemerdekaan pada zaman Tan Sri Abdul Kadir paling meriah, antaranya kempen kibar bendera apabila beliau mengusulkan pembelian tiga juta helai bendera."**

lawan menteri. Bukan pandai pun, saya buat juga dan asalnya, lirik Cuti Cuti Malaysia itu saya kerang dalam bentuk pantun, mengenai kecantikan Malaysia. Jumpa Datuk Ahmad Nawab, barulah digubah semula mengikut melodinya. Itu yang ada lirik keluarga mentua, murid-murid... itu perkataan yang diarahkan Tan Sri Abdul Kadir untuk dimasukkan ke dalam lirik. Dan beliau jenis siapa saja pun beliau tegur. Lucunya apabila Datuk Ahmad Nawab yang senior dalam muzik itu pun ditegur sehingga katanya, "I ni dah 36 tahun tau dalam industri (seni)."

Tetapi Tan Sri Abdul Kadir pandai memujuk, lembut saja jawabnya, "Sorrylah, I kalut sikit. You bukan tak kenal I." Steve Thornton, seorang *percussionist* terkenal itu pun ditegur seolah-olah beliau lebih pandai bermain. Itu bagaimanapun



Bersama komposer legenda, Datuk Ahmad Nawab dan penyanyi, Razali Hussain.

menunjukkan keseriusan beliau dalam bekerja dan beliau akan menegur, tidak kira siapa kerana beliau mahu apa yang beliau mahukan.

**Boleh bayangkan bekerja dengannya suatu yang bukan mudah, malahan Tuan sendiri pernah diberi amaran oleh adik beliau, iaitu Datuk Aziz Sheikh Fadzir, bukan?**

Tiga kali saya minta berhenti sepanjang empat tahun bersamanya. Sebab tidak tahan, akhirnya saya hantar surat (berhenti kerja) sebagai Pegawai Khas Kebudayaan dan beliau juga mempunyai seorang lagi Pegawai Khas tetapi Pelancongan. Semasa saya hulurkan surat, beliau tengok saja dan selepas rakan itu turut beri surat, beliau pnyalah marah. Antara katanya, “*You nak betray I?*” sambil tinggikan suara.

Itu tahun ketiga kami bersamanya, tetapi entah macam mana kami jadi berani. “*Datuk Seri, let me explain to you okay.*” Kataanya, “*Okay, you nak cakap apa dengan I, Mesran?*” Beliau kemudian duduk bersilang kaki dan saya masih ingat, beliau bersandar dan berkata, “*Okay, you cakap, you cerita.*”

Lalu, dalam loghat Utara, saya berkata,

“*Datuk Seri, you nak tahu Datuk Seri? Cuma nak cakap dengan you, kami ni balik rumah nak ‘tidoq’ tak lena sebab dok ‘pikiaq’ esok nak kena marah apa lagi. Kami boleh buat, surat ini kami buat untuk Datuk Seri, letak dalam bilik dan kami punggah barang, kami pergi. Tapi kami masuk cara elok, nak keluar pun cara elok.*”

Sebaliknya, beliau mula berdrama dan lembut berkata, “*You hangpa bukan tak kenal I. You hangpa bukan kenal I setahun dua. You hangpa kenal I lama dah. I marah bukannya lama, I marah sat ja.*”



Tiga kali hantar surat berhenti tetapi Tan Sri Abdul Kadir Sheikh Fadzir bijak memujuk Mesran.

**“Untuk menaikkan pangkat saya, antara alasan beliau adalah kerana ‘tiada siapa boleh buat kerja macam yang Mesran buat.’ Itu antara cara beliau menghargai saya. Banyak jasanya dalam pengembangan kerjaya saya.”**



Malaysia Truly Asia antara kemuncak acara pada era Tan Sri Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

Lepas satu jam / okaylah. / koyak na?" Sambil berkata itu, beliau menunjukkan surat berhenti kerja kami dan kami pun tidak terkata apa apabila beliau mengoyakkan dan memasukkannya ke dalam tong sampah.

Dua minggu berikutnya, macam-macam beliau kipas tetapi selepas itu dimarahi balik, Aduh! (ketawa). Itulah Tan Sri Abdul Kadir. Surat itu adalah percubaan ketiga dan terakhir kami. Kali pertama dan kedua hanya bercakap mulut mahu berhenti.

### **Tentunya bukan itu saja yang Tuan kenang mengenai keperibadian Tan Sri Abdul Kadir?**

Beliau tahu kenang (jasa) orang. Pernah, di satu majlis di PWTC (Putra World Trade Center, kini World Trade Center), selesai majlis beliau bertanya, "Mesran, you punya *promotion* macam mana? Apa jadi dengan you punya *promotion*?" Saya menyangka beliau bertanyakan mengenai promosi kempen pelancangan dan seni, sebaliknya kata beliau, "Pasal you lah, pangkat you." Beliau berjalan sebelum berhenti dan bertanya lagi, "Kalau / bagi you naik pangkat, you boleh kerja dengan / lagi?"

Saya hanya katakan kepadanya, itu adalah hak beliau sebagai menteri untuk

memutuskannya. Saya kemudian mendengar cerita, untuk menaikkan pangkat saya, antara alasan beliau adalah kerana 'tiada siapa boleh buat kerja macam yang Mesran buat.' Itu antara cara beliau menghargai saya. Banyak jasanya dalam pengembangan kerjaya saya.

Pernah beliau menegur, katanya kenapa prestasi kerja saya merosot dalam sehari dua itu. Saya tidak sedar, tetapi mungkin kerana wajah saya tidak ceria dan beliau boleh membacanya. Itu sikap prihatin dan keseriusan beliau dalam bekerja.

Pernah dengar menteri menyapu pentas? Setahu saya, beliau saja. Di satu program sambutan Tahun Baru Cina, beliau naik ke pentas dan tiba-tiba minta penyapu. Ditanya, katanya sebab kotor. Ketika itu bakal berlangsung program di tapak Balai Polis Kota Bharu.

Saya katakan, nanti ada petugas yang akan menyapu tetapi beliau bertegas, "You ambil penyapu, / nak sapu." Itu cara beliau mengajar. Maknanya beliau ada jangkaan tinggi terhadap mereka yang bekerja dengannya. Boleh tahan *stress*. Ya, apabila beliau mahu buat sesuatu, beliau bersungguh. Misalnya, kalau ada berita membabitkan kementerian atau tugasannya, kami perlu



memastikan media tidak ketepikan beritanya atau wajahnya di akhbar. Boleh jadi *stress* tetapi kalau masa buat lawak, beliau memang menyeronokkan.

Ada cerita lucu mengenai beliau dan lampu kalimantang. Seheinggakan ada yang berjenaka, orang bisnes lampu tidak boleh buat duit semasa zamannya. Sebab pertunjukan pentas pun beliau tidak izinkan guna lampu selain lampu kalimantang. Katanya, "Kulit *I* dah lah macam ni, *you* hangpa dok pasang lampu lip lap mana nak nampak *I*." Biar dalam keseriusannya, kami seronok bekerja dengannya.

**Antara banyak pengalaman sepanjang bersama Tan Sri Abdul Kadir, mungkin ada yang paling menyentuh perasaan?**

Beliau orang pertama membawa saya menunaikan umrah. Kisahnya, kami ke Riyadh untuk Mesyuarat Menteri-menteri OIC (Pertubuhan Kerjasama Islam) Kebudayaan pada 2001. Untuk ke Madinah kemudiannya, beliau bertegas untuk menaiki kereta biarpun tidak disyorkan penganjur yang mahu kami menaiki pesawat. "No, Mesran. *You don't understand. I* nak naik kereta, tak mahu naik kapal terbang," katanya kepada saya.

Saya maklumkan kepada penganjur yang terpaksa beralah, lalu kami memandulah sejauh 1,000 kilometer dan sepanjang perjalanan, tiga empat kali jugalah disaman. Beliau akan duduk di hadapan manakala saya di belakang kerana beliau suka menikmati pemandangan. Sikapnya itu sering menimbulkan salah faham kerana apabila tiba di satu-satu majlis, orang akan membuka pintu belakang kerana menyangka beliau di kerusi belakang.

Setibanya kami di satu perhentian, beliau menyedari tiada apa yang hendak dinikmati namun saya katakan, "Ada unta liar."

Seronoknya beliau, orangnya boleh

diajak bergurau. Setibanya di Mekah, beliau menyedari saya pertama kali melihat Kaabah dan bertanya, "Mesran, *how do you feel?*" Beliau bertanya bila kami akan pulang ke tanah air dan apabila diberitahu keesokan harinya, beliau menggesa saya tinggal beberapa hari lagi di Mekah. "*I* balik seorang ke KL," katanya kepada saya. "*I* boleh datang bila-bila tapi *you* susah nak mai (datang)." Itulah bagaimana saya dapat ke Mekah, pertama kali mengerjakan umrah, iaitu sekitar tahun 2001.

Bunyinya macam beliau seorang yang sangat mengambil berat walaupun nampak garang. Di luar negara, beliau sangat *fatherly* walaupun di tanah air macam bapa tiri (ketawa). Beliau amat menghargai orang dan baginya, apabila kita melakukan sesuatu mesti dilakukan dengan serius. Pada masa sama, orangnya lucu seperti pada satu acara perarakan merdeka di Shah Alam, ada kapal terbang lalu semasa beliau bercakap, lalu meminta kami menyuruh kapal terbang itu berhenti supaya beliau boleh bercakap. Jadi, bayangkanlah orangnya seperti apa, memang lawak.

**"Biarpun nampak fokus pada pelancongan, beliau tidak mengabaikan kebudayaan. Programnya, seperti Citrawarna dimasukkan unsur kebudayaan."**

Antara pesanannya yang saya ingat, kata beliau kalau bangun pagi untuk Subuh, kena buat sepertimana beliau lakukan, iaitu mulakan hari kita dengan sentiasa berdoa pada Tuhan. Beliau juga tidak mengongkang, terutama apabila tugas di luar negara dan kami hanya dipanggil apabila diperlukan.

**Legasi ditinggalkan beliau juga masih berkesan sampai kini. Ini boleh dilihat dalam *posting* Tuan di media sosial mengenai peranan dimainkannya.**

Era beliau, pelancongan dan kebudayaan adalah masa terbaik. Saya tidak menafikan sumbangan dua menteri lain, misalnya Dr. Rais yang mengangkat budi bahasa tetapi seni budaya kini seakan makin tidak terbelah. Jika seorang budayawan sepertinya pun berdepan laluan sukar, apatah lagi kami. Saya harus akui, Tan Sri Abdul Kadir adalah yang terbaik dan beliau tahu apa beliau mahu.

Biarpun nampak fokus pada pelancongan, beliau tidak mengabaikan kebudayaan. Programnya, seperti Citrawarna dimasukkan unsur kebudayaan. Beliau malah masih seperti yang saya kenali apabila baru-baru ini, ada satu majlis dan beliau memanggil saya untuk kami bergambar sama. Masih dengan kelucuannya, beliau berkata, "Mesran, mai ambil 'gambaq' dengan I, dekat lampu sikit."

Oh! Suaranya, persis Allahyarham (Tan Sri) P. Ramlee kalau menyanyi. Satu hari, seseorang memberi saya satu kaset dan selepas mendengar saya sangkakan suara P. Ramlee, tetapi rupanya Tan Sri Abdul Kadir yang dirakam di studio di Janda Baik, Pahang dan diterbitkan Datuk Ahmad Nawab.

Pernah di satu tugasan di Kalimantan,

ada satu brass band dianggotai pemuzik agak berusia yang memainkan lagu P. Ramlee, Kau Laksana Bulan. Saya ternampak wajahnya dan tepat seperti diduga, beliau mahu menyanyi. "You pi tanya depa, depa boleh tak mainkan lagu tadi? I nak nyanyi," katanya kepada saya.

Dibenarkan, beliau bagaimanapun terlebih dulu mengeluarkan sesuatu daripada dompetnya. Rupa-rupanya lirik Kau Laksana Bulan (ketawa) memang dibawa. "You guide I tang bila nak masuk (nyanyi)," katanya selepas itu. Kalau menyanyi, beliau perlu dimaklumkan bila mahu bermula tetapi jujur saya katakan, suara beliau memang sedap.

Senang kata, kita sudah tidak ada lagi menteri seperti Tan Sri Abdul Kadir. Beliau satu-satunya seumpamanya.



Dulu, Citrawarna antara yang dinanti-nanti sempena kempen Tahun Melawat Malaysia.

# DNA SENI BUDAYA

## KUAT MENGALIR



**HAMPIR** empat dekad mendedikasikan diri kepada pembangunan seni dan budaya, membuatkan jiwa Tuan Haji Mohamad Razy Mohamad Nor sukar dipisahkan dengan dua elemen yang juga pendokong akar umbi negara ini.

Biar sudah mengucapkan selamat jalan kepada kerjaya yang dibina di bawah kementerian berkaitan sejak berusia awal 20-an, perkembangan seni dan budaya masih di dalam radar pemerhatiannya.

Bersara wajib pada Julai 2018 bukan alasan untuk menolak ke tepi rasa yang sudah sebatu dalam jiwa, malah figura yang selesa disapa sebagai Tuan Haji itu tetap menjadi pemerhati dari jauh. Bermula sebagai Pegawai Kanan Kebudayaan di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pada 1982, katanya karier ini membawanya melalui pelbagai pengalaman istimewa yang tidak dapat dinilai dengan wang ringgit.

Malah bukan sekadar menabur khidmat di Kuala Lumpur, individu dihormati yang kini sudah mencecah usia 64 tahun ini pernah mengemudi tugas hingga ke Sarawak dan Johor. Akuinya, warga Bumi Kenyalang yang terkenal sebagai negeri yang ditunjangi berbilang etnik merupakan kenangan terindah untuk dikongsi bersama anak cucu.

“Karier ini turut membawa saya bertemu ramai orang daripada latar belakang berbeza, mengenali aneka budaya dengan lebih mendalam selain berpeluang mendekati masyarakat setempat. Antaranya berkhidmat di Kuching, selepas empat tahun bertugas yang membolehkan saya lebih mengenali adat resam setiap etnik dan masyarakatnya yang peramah.

“Hampir lapan tahun di sana, pelbagai perkara dan ilmu dapat saya raih. Keindahan budaya rakyat Malaysia

yang berbilang bangsa dan warisan ini yang membuatkan negara kita unik. Malah setiap negeri yang berpayung di bawah panji negara mempunyai identiti budaya tersendiri yang seharusnya kita hargai serta jaga sebaik mungkin.

“Begitu juga ketika berkhidmat di Johor pada 1997, banyak input diperoleh sekaligus dijadikan landasan untuk menyemarakkan semangat cintakan warisan bangsa menerusi penganjuran aneka program. Dari peringkat desa, daerah, negeri hingga kebangsaan bersama Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negara (JKKN), kami laksanakan pementaan budaya di segenap peringkat,” katanya.

Beliau yang bersara ketika duduk di kerusi Timbalan Ketua Pengarah Sektor Dasar dan Perancangan JKKN, mengakui semua itu tidak mampu dilakukan tanpa sokongan seluruh keluarga besar agensi terbabit.

### **RINDU SEMANGAT KERJASAMA**

Bahkan katanya, penggiat seni sama ada individu, pertubuhan mahupun karyawan muda di peringkat pusat pengajian tinggi memainkan peranan penting sebagai pemangkin terhadap visi dan misi JKKN.

“Dasar dan perancangan saja tidak mencukupi andai tidak disertai sokongan terutama daripada kakitangan JKKN

dan pemain industri. Sememangnya setiap kali hari penting negara termasuk musim perayaan atau Hari Kebangsaan, kami merancang pelbagai acara bagi menyemarakkan sambutan.

“Namun kami tidak melupakan aktiviti kesenian yang seharusnya diadakan tanpa mengira musim seperti pertandingan teater, pementasan, tarian, pesta makanan, permainan tradisional dan sebagainya. Semua rencana ini dapat direalisasikan hasil sokongan pelbagai pihak yang mahu menyaksikan warisan budaya kita terus dihargai tanpa menunggu sambutan tertentu.

“Perkara ini juga yang membuatkan saya rindu, terutama melihat semangat mereka bersatu-padu memastikan setiap projek menepati sasaran. Tanpa mengira kaum dan agama, mereka berganding bahu menjayakan sesuatu acara. Inilah semangat Keluarga Malaysia yang saya banggakan,” katanya.

Pemegang Ijazah Sarjana Sastera dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ini juga yakin legasi ditinggalkan tetap diteruskan pengganti walau dirinya tidak lagi bersama agensi berkenaan.

Jauh di sudut hati, beliau berbangga melihat dedikasi setiap warga JKKN yang tidak kenal erti lelah dalam menunaikan amanah. Katanya, bukan sekadar menjadi pelaksana program atau saluran untuk memilih pihak yang layak men-



Mohamad Razy rindu semangat kerja kakitangan JKKN.



Mohamad Razy masih mengikuti perkembangan seni dan budaya biarpun telah bersara pada 2018.

**“Ia serampang dua mata dalam menggembeng elemen seni budaya untuk meningkatkan jati diri dan mampu menyumbang kepada pertumbuhan pelancongan budaya.”**

dapat dana penganjuran sesuatu program budaya, kepakaran petugas JKKN turut dimanfaatkan demi pembangunan seni.

“Sejak JKKN dinaiktaraf pada 2005, kami terus menggandakan usaha bergerak sebagai peneraju seni budaya termasuk membantu menjana pendapatan kepada pemain industri ke arah pembentukan jati diri dan kesejahteraan masyarakat.

“Usaha memantapkan, memulihara, mengekal, mengembang dan menyemarak seni budaya warisan negara dan

serentak pada masa sama diharap dapat memberi pendapatan kepada penggiat. Ia serampang dua mata dalam menggembeng elemen budaya untuk meningkatkan jati diri, kesejahteraan dan perpaduan negara ini mampu menyumbang kepada pertumbuhan aktiviti pelancongan budaya.

“Bersama insentif yang disalurkan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), ramai kakitangan terlatih daripada pelbagai cabang seni turut membantu memberi bimbingan kepada persatuan yang memerlukan.

“Malah sebahagian besar daripada 14 JKKN negeri juga mempunyai fasiliti yang boleh digunakan penggiat untuk menganjurkan apa-apa program berkaitan. Semua elemen ini serta hasil kerja kreatif pemain industri yang membuat saya teruja untuk mengikuti perkembangan seni dan budaya biarpun tidak lagi bersama mereka. Kiranya DNA budaya sudah sebatikan dalam diri saya,” katanya.



# MENJUAL SENI DI PLATFORM **TIKTOK**

**PANDEMIK** yang pernah melanda dunia dalam tempoh dua tahun lalu masih meninggalkan impak terhadap sosio ekonomi masyarakat di seluruh pelosok tempat, tidak kira negara maju, apatah lagi penduduk di benua yang sememangnya sedang berhadapan krisis, semua berhadapan kesulitan untuk memulakan kembali kehidupan.

Biarpun situasi kini sudah dianggap melegakan apabila orang ramai kembali keluar bekerja selepas melalui fasa 'terkurung' pada 2020, langkah berjaga-jaga daripada terdedah semula dengan serangan Covid-19 serta penyakit bawaan lain masih diberi perhatian.

Melihat kepada perkembangan masa kini, sejak industri seni hiburan turut dibuka semula sekitar awal tahun ini, ramai penggiat mampu menarik nafas lega apabila periuik nasi mereka kembali berasap. Jika tidak, sepanjang fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) membuatkan anak seni perlu memikirkan alternatif lain mencari pendapatan bagi meneruskan kehidupan.

Situasi ini turut menarik perhatian mantan Timbalan Ketua Pengarah Sektor Dasar dan Perancangan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), Tuan Haji Mohamad Razy Mohamad Nor yang berharap semua penggiat seni



Perkenalkan budaya menerusi platform media sosial.

budaya melihat kesan pandemik ini sebagai cabaran untuk lebih berdaya saing.

Katanya, bukan sekadar bidang kesenian, sektor lain turut berhadapan ujian sama yang mengakibatkan penggiat seakan bertatih untuk kembali bangun mengatur langkah semula.

“Saya yakin seperti penggiat seni hiburan perdana yang banyak terbabit dalam persembahan terbuka, pejuang seni budaya juga berdepan kesulitan sama. Namun apabila sekarang keadaan semakin pulih dan sudah banyak persembahan terbuka atau konsert diadakan, secara tidak langsung ia menunjukkan tanda positif terhadap aktiviti kesenian dan kebudayaan.

“Walaupun saya sudah bersara pada 2018 iaitu kira-kira dua tahun sebelum

**“Saya melihat aplikasi TikTok antara medium yang mampu sampai kepada pengguna tanpa mengira geografi atau faktor usia.”**

pandemik, saya akui melihat sendiri kesukaran ramai selain masih mengikuti setiap perkembangan arena seni budaya serta JKKN.

“Saya memahami kesulitan serta keangan besar perlu dilalui pelaksana dasar terutama aktiviti yang membabitkan orang ramai seperti program kebudayaan.

“Dalam rancak merealisasikan pelbagai aktiviti yang mungkin sudah tertangguh sebegitu lama, pihak berkenaan juga saya pasti teliti memikirkan kaedah untuk mengelakkan perkara tidak diingini. Lebih-lebih lagi dalam keadaan negara yang sentiasa mengutamakan kesejahteraan rakyat supaya terhindar daripada risiko.

“Apapun, semangat untuk melihat seni dan budaya ini bangkit telah dibuktikan menerusi penganjuran pelbagai program di peringkat negeri dan kebangsaan. Inilah daya saing yang saya nampak. Keluarga besar JKKN nyata fokus terhadap misi dan visi, namun pada masa sama tetap menjaga kesejahteraan penggiat seni,” katanya.

### **TRANSISI MEDIUM MAYA**

Akuinya yang memulakan kerjaya di Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan pada usia 24 tahun, sebelum ini beliau melihat program dilaksanakan secara maya berikutan pandemik, kini persembahan terbuka sudah dapat dijalankan sekaligus memberi kelebihan kepada penggiat.

Begitupun katanya, segala bentuk kaedah maya untuk berhubung selain laman sosial sebagai medium promosi yang digandakan penggunaannya masih perlu diteruskan atau digandakan lagi. Baginya, pertambahan bilangan pengguna medium sosial ini harus dimanfaatkan semua pihak termasuk agensi kerajaan seiring dengan perkembangan semasa.

“Transisi menggunakan medium maya

dan laman sosial ketika masyarakat dunia melalui fasa *lockdown* yang menyekat sebarang perjumpaan fizikal hakikatnya mengajar kita untuk memanfaatkan teknologi sepenuhnya.

“Walaupun sekarang kehidupan sudah berjalan seperti biasa, manakala semua sektor termasuk hiburan juga telah beroperasi semula, kenapa tidak kita seiringkan penggunaan teknologi ini.

“Dari segi promosi, saya melihat aplikasi TikTok antara medium yang mampu sampai kepada pengguna tanpa mengira geografi mahu pun faktor usia. Segala-galanya sampai di hujung jari dengan pantas malah jika kena kaedah atau pendekatan, kandungan (*content*) yang dikongsi boleh tular ke mana-mana saja.

“Bukan sekadar pengisian yang orang muda kata sekarang *hype*, seni dan budaya juga boleh dicanangkan keunikannya menerusi medium yang diikuti ramai ini.


“Begitu juga dengan Instagram dan

Twitter, kedua-dua aplikasi ini tetap relevan dalam memperkenalkan warisan kita kepada dunia. Cuma kita kena tahu kaedah yang terbaik. Selain menjayakan program di peringkat tempatan, kita dapat ‘jual’ produk kita secara meluas menerusi aplikasi popular ini.

“Malah di platform serupa juga kita masih boleh menganjurkan aktiviti pertandingan yang turut dibuka untuk kalangan masyarakat antarabangsa serta rakyat Malaysia yang berada di luar negara.

“Hakikatnya pertambahan bilangan pengguna semua aplikasi komunikasi ini memberi kelebihan untuk kita mengambil peluang memanfaatkan semua platform terutama TikTok sebagai pemangkin mempromosikan khazanah bangsa,” katanya.

Jauh di sudut hati, figura budayawan berasal dari negeri Che Siti Wan Kembang itu berharap selepas ini akan muncul ‘TikTokers’ atau Instafamous dalam kalangan pejuang seni budaya dari Malaysia.



Akaun Tik Tok JKKN yang sedang mengembang.

# CUNGKIL PELAPIS, PENERUS WARISAN

**PENCAPAIAN** Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negara (JKKN) sebagai pemangkin Program Pelancongan Budaya yang mengangkat keunikan seni setempat hingga ke peringkat luar, sememangnya tidak mampu dinafikan.

Warisan seni dan budaya yang menjadi akar bangsa serta pelbagai etnik masyarakat di seluruh negara nyata bukan hanya dapat menyuntik keharmonian dan semangat Keluarga Malaysia, malah turut menjana ekonomi.

Dalam menghadapi gelombang pembangunan, JKKN sentiasa agresif mengajur serta menyemarakkan rasa cinta kepada budaya warisan menerusi aneka aktiviti serta program yang turut mampu mencungkil bakat baharu dalam kalangan generasi muda.

Seperti penggiat hiburan arus perdana, pejuang seni budaya juga harus digilap bagi membolehkan warisan kebanggaan nenek moyang ini dapat diperurunkan kepada generasi seterusnya.

Tidak sekadar menjadi jaguh di persada nasional, kelahiran lebih ramai bakat baharu atau penerus tradisi bangsa ini diharapkan dapat membawa seni budaya warisan masyarakat majmuk Malaysia ke peringkat antarabangsa.

Hasrat ini dikongsi mantan Timbalan Ketua Pengarah Sektor Dasar dan Perancangan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), Tuan Haji Mohamad Razy Mohamad Nor yang menyatakan keyakinan terhadap kemunculan ramai anak muda mahupun kumpulan berbakat besar.



Mohamad Razy berharap ada pelapis untuk bawakan seni budaya ke mata dunia.

Katanya, semua pihak wajar memberi sepenuh kerjasama kepada JKKN dan agensi berkaitan dalam menggembelng usaha menggilap bakat baharu atau menghasilkan seni kontemporari yang masih berciri tradisional untuk dikedentengahkan.

“Sebelum ini JKKN banyak menganjurkan pertandingan daripada peringkat akar umbi bagi mencari pelapis yang dapat diketengahkan serta menjadi pemangkin meneruskan warisan ini.

“Hasilnya memang tidak mengecewakan apabila ramai yang berpotensi untuk berdiri sebaris dengan penggiat senior biarpun masih memerlukan pendedahan dan pengalaman. Kita juga mempunyai banyak pertubuhan kesenian yang mempunyai kesungguhan luar biasa sama ada dalam teater, tarian, muzik dan sebagainya dengan keunikan tersendiri.

“Saya masih ingat dalam satu pertandingan tarian, JKKN selaku penganjur memberikan kriteria untuk peserta budaya tampil bersama lenggok tarian baharu, namun tetap bercirikan gerak tarian tradisional.

“Dari situ kita dapat lihat ada banyak pasukan yang berani menyahut cabaran sekaligus menghasilkan satu tarian tradisional baharu yang menarik dan unik,” katanya.

### **BUKAN MENDERHAKA**

Pejuang seni budaya yang empat dekad menabur bakti sebagai kakitangan awam itu mengakui keberanian serta berfikir di luar kotak mampu melahirkan individu yang lebih kreatif. Bagi pesara berusia 64 tahun itu, tidak bermakna kita ‘menderhaka’ kepada bangsa jika mempunyai keinginan mencipta sesuatu yang kontemporari di bawah elemen tradisional.

“Sampai bila kita hanya mahu bersandarkan pada tarian zapin, asyik atau sebagainya sedangkan hakikatnya kita punya ramai kelompok penari berpengalaman yang turut mendapat pendedahan di luar negara.

“Mereka ini bukan calang-calang anak seni, tetapi kadangkala disebabkan kekangan dan stigma kita hanya ada tarian yang sudah lama jadi budaya, mereka takut untuk tampil bersama leng-

**“JKKN banyak anjurkan pertandingan daripada peringkat akar umbi bagi mencari pelapis yang dapat diketengahkan serta menjadi pemangkin meneruskan warisan ini.”**

gok tarian tradisional yang baharu.

“Tidak bermakna kita lupakan yang lama apabila tampil bersama konsep baharu yang tetap bercirikan warisan bangsa kerana seni budaya bukan sesuatu yang jumud. Tarian hanya sebagai contoh, kerana banyak cabang budaya lain juga masih boleh diteroka dan kita garap lagi supaya lebih banyak jenis hasil budaya daripada golongan lebih muda ini diketengahkan.

“Jangan dipersiapkan keupayaan ramai bakat pelapis dan ilham yang datang kerana jika bukan kita sendiri yang merealisasikannya, siapa lagi? Sudah pasti kita perlu bagi sokongan kepada mereka untuk berani tampil ke depan dan pada sama kita juga harus bersikap terbuka dalam menerima sebarang pembaharuan atau penambahbaikan,” katanya lagi.

### **TONJOL SENI BUDAYA DALAM FILEM**

Pada masa sama, Mohamad Razy yang bermula sebagai Pegawai Kanan di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pada tahun 1982 ini berharap JKKN meneruskan usaha mengadakan lebih banyak pertandingan.

“Dalam situasi masa kini yang mengejar arus pembangunan, seni budaya antara pemangkin untuk seluruh masyarakat tidak melupakan warisan bangsa dan negara. Jadi menerusi pertandingan serta jelajah juga kita dapat mengenalpasti individu mahupun perkumpulan yang mempunyai iltizam tinggi sebagai pejuang seni.

“Mereka ini harus diberi platform atau ruang untuk menonjolkan diri supaya bakat dan idea yang mungkin selama ini terpendam dapat diketengahkan,” katanya.

Mohamad Razy turut meluahkan rasa bangga dengan penonjolan elemen seni budaya menerusi filem seperti Mat

**“Jangan dipersiapkan  
keupayaan bakat pelapis  
kerana jika bukan kita yang  
merealisasikannya,  
siapa lagi?”**

Kilau Kebangkitan Pahlawan yang mencipta fenomena dengan kutipan pecah panggung lebih RM100 juta.


Akuinya, penerangan elemen tradisional yang dipaparkan menerusi adi busana, senjata serta pelbagai unsur lain yang menjadi latar kepada filem epik itu nyata mendedahkan penonton terhadap warisan budaya Melayu.

“Saya berbesar hati apabila ramai menonton dan memperkatakan mengenai Mat Kilau yang sarat dengan tema keterampilan warisan tradisional.

“Gelanggang filem antara platform yang mampu mendekati lagi masyarakat dengan keindahan dan kehalusan seni budaya kita. Apabila filem ini ditayangkan di luar negara, secara tidak langsung ia juga memperkenalkan budaya kita kepada masyarakat luar.

“Sudah pasti saya harap lebih banyak syarikat produksi menyahut cabaran memperbanyakkan lagi penerbitan seumpama ini yang menonjolkan tokoh pejuang negara serta mengangkat keunikan warisan budaya sebagai teras utama,” tambahnya.

Antara tiga buah filem tempatan yang mengangkat seni budaya Melayu.



# CINTA FAUZIAH TAK PERNAH PADAM



**PRINSIP** yang dipegangnya tetap utuh. Baginya, setiap apa juga pekerjaan yang dilakukan perlu disertakan dengan minat dan kecintaan yang mendalam supaya kepercayaan dan tanggungjawab yang diamanahkan dapat dilunaskan dengan baik serta meninggalkan impak kepada semua pihak yang terbabit.

Barangkali rutin harian mantan Pengarah Bahagian Bimbingan Seni Budaya, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), Fauziah Zakaria, 62, kini sudah berubah selepas meninggalkan alam pekerjaan dua tahun lalu, namun prinsip yang sama masih diterapkan, terutama ketika menjalankan aktiviti kemasyarakatan dan suka-relawan.

“Jika dulu, saya sibuk dengan rutin tugas di pejabat, sekarang suasananya berbeza. Mungkin kerana sudah terbiasa bekerja, saya tidak betah hanya duduk diam di rumah. Masa saya terisi dengan aktiviti seperti mengikuti kelas agama secara atas talian semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Covid-19 dan kini hadir ke kelas setiap pagi, selain aktif menyertai aktiviti bersama pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

“Inilah masanya untuk saya tebus kembali apa yang tidak sempat saya lakukan sebelum ini,” katanya ketika menyingkap rutin hariannya selepas bersara dalam satu per-



Puan Fauziah Zakaria bersama anak-anak.

muan di kediamannya di Rawang, Selangor, baru-baru ini.

Mengimbuai laluan kerjayanya, lulusan Sarjana Muda Sains Politik (Kepujian) dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang bersara pada 2020 selepas 26 tahun berkhidmat ini, memulakan kerjaya sebagai Pegawai Penyelidik dan Dokumentasi di Lembaga Muzium Negeri Pahang pada tahun 1988.

### **KENAL SEJARAH NEGERI**

Meskipun kerjaya yang diterokai berbeza dengan bidang pengajiannya, Fauziah berkata, kecenderungannya terhadap sejarah dan kebudayaan memang sudah lama.

“Ketika menuntut di UKM, saya mengambil Pengajian Persuratan Melayu dan mula didedahkan dengan sastera, budaya dan bahasa (linguistik). Bertitik tolak dari situ, saya mendalami ilmu dan semakin berminat untuk lebih dekat dengan seni dan budaya.

“Meskipun bidang tugas saya lebih memberi fokus kepada sejarah dan kebudayaan negeri Pahang, ia sebenarnya memberi impak apabila saya mula kenal sejarah negeri dan budaya

masyarakat secara mendalam menerusi pembacaan, kajian artifak serta koleksi yang terdapat di muzium berkenaan.

“Bidang kerjaya itu memberi nilai yang signifikan kepada pengetahuan budaya negeri. Banyak yang saya pelajari daripada bahan sejarah, artifak dan harta kebudayaan itu. Malah pertemuan dengan tokoh seni dan budaya sebagai rujukan memberikan lebih kefahaman dan kecintaan terhadap bidang tugas itu,” katanya.

Minat yang dipupuk dengan kesungguhan mencambahkan lagi kecintaan yang amat sangat terhadap lapangan kerjaya yang diceburi. Fauziah berkata, jiwa sentiasa membara dan mendorongnya untuk sentiasa berani mencabar diri dan meneroka pelbagai bidang baharu bagi mengukuhkan lagi laluan kerjaya pilihan.

Selepas lima tahun di Muzium Negeri Pahang, Fauziah memohon jawatan Pegawai Kebudayaan dan berjaya mendapat tawaran di Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan pada September 1993. Tanpa menoleh ke belakang, Fauziah menerima tawaran itu dan ditempatkan di Bahagian Kebudayaan.

Pada tahun 2005, Bahagian Kebudayaan dinaikkan status sebagai JKK dan di sini beliau berpeluang melaksanakan tugas yang sentiasa mencahar kredibiliti dan kemampuannya.

“Saya bukan jenis orang yang suka melakukan rutin kerja yang sama. Dalam apa juga kerja yang dipertanggungjawabkan, saya akan pastikan apa yang saya lakukan itu meninggalkan impak.

“Saya pula jenis yang pantang dicabar. Saya berani redah untuk menyahut cabaran itu dan akan buktikan saya mampu melunaskan tanggungjawab yang diberikan. Saya berusaha untuk belajar perkara baharu kerana hanya daripada proses pembelajaran itu, saya dapat melihat dan mengenal pasti potensi diri yang sebenar,” katanya.

Fauziah memberitahu, sepanjang 26 tahun itu, beliau pernah ditempatkan di pelbagai bahagian termasuk Bahagian Pemuliharaan Seni Budaya, Bahagian Dokumentasi dan Penerbitan, Bahagian Pengukuhan Seni Budaya, Bahagian Pengembangan Seni Budaya dan terakhir di Bahagian Bimbingan Seni Budaya.

Setiap bahagian kata Fauziah, mempunyai fungsi dan peranannya yang tersendiri, lantas mendesaknya supaya proaktif untuk beradaptasi dengan tuntutan tugas. Akunya, semua tuntutan tugas itu tidak mampu dilunaskan dengan berkesan tanpa kerjasama daripada rakan sejawatan dan tunjuk ajar pegawai atasannya.

Wanita yang dilahirkan pada 30 Januari

**“Saya dipertemukan ketua yang tegas dan pentingkan ketelitian dan saya mengambil cabaran itu sebagai pemangkin dalam membentuk diri lebih kuat dari segi dalaman.”**

1960 itu sangat berterima kasih kepada mantan ketua- ketuanya dan paling lama dan terakhir ketua beliau ialah Tan Sri Norliza Rofli, yang banyak membentuknya dalam hal berkaitan disiplin kerja, ketegasan dan kepimpinan.

“Sepanjang 26 tahun berkhidmat sebagai kakitangan kerajaan, saya dipertemukan dengan ketua yang tegas dan mementingkan ketelitian. Ketegasan dan ketelitian mereka menuntut komitmen dan kekuatan fizikal serta mental yang sangat tinggi, tetapi saya tidak mengeluh.

“Saya mengambil cabaran itu sebagai pemangkin dalam membentuk diri menjadi pegawai lebih kuat dari segi dalaman, berkeyakinan dan berketrampilan. Saya pernah bekerja di bawah beberapa ketua, tetapi paling lama ditempatkan di bawah Tan Sri Norliza iaitu selama 16 tahun.

“Banyak yang saya pelajari daripada ketokohan beliau sebagai seorang ketua. Dalam bekerja, beliau seorang yang cekap, teratur, berdisiplin, komited dan pintar dalam membuat keputusan.



Selepas bersara, Fauziah kini aktif dalam komuniti tempat tinggalnya di Rawang.



Kenangan bersama JKKN yang ketika itu diterajui oleh Tan Sri Norliza Roffi.

Itu antara sifat positif beliau yang saya sentiasa contohi," katanya.

### TERIMA KASIH TAN SRI NORLIZA

Berterimakasih atas pengalamannya yang mematangkannya, Fauziah berkata, menerusi Tan Sri Norliza, beliau belajar banyak perkara, terutama dalam penghasilan dokumen yang kemas, lengkap, sentiasa proaktif, positif selain mendesak diri supaya sentiasa kreatif mencari idea menyelesaikan masalah, menghasilkan suatu kerja yang berimpak tinggi, menaikkan profil jabatan dan dapat meninggalkan kesan kepada umum.

"Disiplin tinggi yang diterapkannya membuatkan saya tidak memandang ringan setiap tanggungjawab yang diberikan. Malah hingga hari-hari terakhir saya di JKKN, saya tetap bersemangat menyiapkan semua kerja supaya tidak memberi masalah kepada pengganti," katanya.

Mengimbuai perjalanan berkhidmat di JKKN, Fauziah bersyukur diberi kepercayaan untuk memelopori beberapa inisiatif yang mencabar, tetapi pada masa sama memberi kepuasan tersendiri yang sukar diungkapkan dengan perkataan.

Fauziah berkata, antara tugas yang menguji kemampuannya adalah memelopori usaha pengurusan kapal karam di Tanjung Tuan, Melaka yang menuntutnya supaya pantas mendalami pelbagai perkara baru, termasuk mempelajari terminologi dan pengurusan dalam perkara berkaitan.

Selain itu katanya, beliau juga antara pegawai terawal yang terlibat dalam penganjuran Anugerah Seni Negara iaitu anugerah seni tertinggi dalam bidang seni yang diperkenalkan pada 1993.

Satu lagi program penting dan mencabar ialah apabila saya diminta mene-



Teman-teman seperjuangan di JKKN tetap di hati Puan Fauziah.

raju program GENIUS Seni (sebelum ini dikenali sebagai PERMATA Seni) yang bertujuan mencungkil bakat kanak-kanak yang berpotensi tinggi dalam bidang seni.

“Kanak-kanak yang berusia antara 7 hingga 12 tahun (Koir & Tari) dan 7 hingga 14 tahun (Muzik) diberi pendedahan dan latihan supaya potensi, kebolehan dan bakat mereka dapat dikembangkan ke tahap yang lebih tinggi, termasuk di peringkat antarabangsa.

“Saya berbangga kerana pelbagai inisiatif di bawah program ini dapat direalisasikan serta memberikan impak yang sangat besar kepada peserta dan program itu sendiri. Dengan sasaran tinggi yang diletakkan, pasukan pegawai bahagian saya berhempas-pulas tanpa mengenal erti susah dan penat, memastikan peserta program ini mendapat pengiktirafan, malah bakat mereka diperakui dengan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) iaitu setaraf Sijil Pelajaran Malaysia, diberi kepada kanak-kanak seawal usia 13 tahun,” katanya.

Meskipun kini tidak lagi terikat dengan tugas di pejabat, Fauziah berkata, beliau sentiasa memastikan dirinya sibuk kerana tidak mahu mindanya beku apabila terlalu banyak berehat.

**“Saya berbangga kerana pelbagai inisiatif di bawah GENIUS Seni dapat direalisasikan serta memberikan impak besar kepada peserta.”**

“Dalam masa dua tahun ini, saya dapat rasai nikmat mencari ilmu khususnya ilmu agama dan berjumpa rakan baru dari pelbagai peringkat. Saya seronok setiap kali dapat turun padang untuk menjayakan aktiviti kemasyarakatan kepada khalayak baru seperti mana saya lakukan semasa masih berkhidmat sebagai pegawai kerajaan.

“Alhamdulillah, dengan pengalaman saya dulu, dapat juga saya berbakti kepada masyarakat sekeliling. Tidak mengapa penat sedikit kerana saya gembira dapat menjalin ukhuwah bersama rakan baru menerusi aktiviti yang kami jalankan.

“Meskipun aktiviti kami tidak besar tetapi saya seronok kerana kami dapat menghidupkan suasana ukhuwah. Tiada apa yang lebih menggembirakan apabila usaha kecil kami ini dihargai dan mendapat sokongan masyarakat dan pemimpin setempat,” katanya.

# LESTARI WARISAN MELALUI TEKNOLOGI TERKINI



**PENGGIAT** seni perlu sentiasa melengkapkan diri dan bersedia untuk beradaptasi dengan perubahan teknologi bagi memastikan usaha melestarikan warisan seni dan budaya negara mencapai objektifnya.

Mantan Pengarah Bahagian Bimbingan Seni Budaya, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), Fauziah Zakaria berkata, perkembangan pesat teknologi turut membentangkan cabaran kepada penggiat seni, ditambah kecenderungan khalayak, terutama generasi muda yang lebih terarah kepada cabang seni yang bersifat komersial, JKKN berdepan cabaran untuk memastikan warisan seni dan budaya terus diminati dan dihormati.

**“Sesi dialog penggiat seni budaya perlu diperbanyakkan untuk perkongsian ilmu yang dapat mengumpul pelbagai isu baharu bagi memenuhi kehendak khalayak dan pasaran semasa.”**

“Teknologi sentiasa berkembang dan ia menuntut semua pihak, termasuk penggiat seni supaya sentiasa melengkapkan diri dan bersedia untuk berhadapan dengan perubahan. Mereka perlu kreatif dan sentiasa inovatif dalam menjalankan usaha menyemarakkan kembali aktiviti seni dan budaya.

“Ia menuntut komitmen yang tinggi dan jitu, malah penggiat seni perlu berani dan bersedia mengambil risiko dengan melakukan pembaharuan untuk disesuaikan dengan tuntutan semasa supaya warisan seni dan budaya kita tidak terpinggir.

“Penggiat seni perlu kreatif mencipta dan mencari peluang baharu, pada masa sama, masih mempertahankan nilai serta keaslian sesuatu karya itu. Setiap pembaharuan atau inovasi yang dilakukan perlu dibuat dengan teliti supaya bergerak mengikut landasan yang betul,” katanya.

### SUNTIKAN ELEMEN KONTEMPORARI

Justeru, kata pesara ini, peranan pentadbir budaya sangat penting. Mereka perlu sentiasa melengkapkan diri dengan ilmu serta pengetahuan, terutama berkaitan teknologi terkini untuk memastikan aktiviti seni dan budaya terus subur serta mendapat tempat di hati masyarakat.

“Jika dulu aktiviti melestarikan seni dan budaya lebih tertumpu kepada secara fizikal. Pandemik Covid-19, bagaimanapun telah mengubah banyak aspek kehidupan apabila masyarakat cenderung menjalankan urusan menerusi platform digital.

“Perkara itu saya rasa turut dititikberatkan JKKN yang dilihat begitu teknologi dalam meneruskan usaha pembangunan dan pengembangan seni dan

budaya. Namun, seperkara yang perlu diberi penekanan adalah pembangunan pengisian kandungan supaya apa yang diberikan memenuhi kehendak dan citarasa khalayak semasa.

“Banyak aspek perlu diperincikan supaya pengisian yang diketengahkan mempunyai nilai tarikan dan mampu memikat khalayak. Suntikan elemen komersial dan kontemporari dalam pengisian kandungan turut berperanan untuk menarik minat ramai, terutama generasi muda.

“Selain itu, aspek teknikal dan kreativiti seperti penataan cahaya, visual, reka-bentuk dan seumpamanya juga harus diberi perhatian untuk menghasilkan karya yang berkualiti. Semua ini menuntut pentadbir budaya supaya melengkapkan diri dengan pengetahuan mengenai teknologi terkini. Ia perlu diperkukuhkan dan dimantapkan supaya JKKN tidak ketinggalan dalam usaha mendekati khalayak,” katanya.

### PENTINGNYA ASPEK TULAR

Fauziah tidak menafikan elemen tular turut memainkan peranan dalam usaha memartabatkan warisan seni dan budaya. Pembabitan nama berpengaruh seperti selebriti dan mempengaruhi media sosial mampu mengangkat pengisian seni dan budaya ke tahap yang lebih baik dan meluas.

Kerjasama dengan personaliti media



**“Daripada kita membiarkan masyarakat buta pada seni dan budaya, ada baiknya kita menyuntik sedikit elemen komersial supaya lebih meluas diterima, dan secara perlahan-lahan boleh membawa mereka untuk memahami akar umbi sesebuah karya seni.”**

sosial itu katanya, membuka ruang akses yang lebih luas kepada masyarakat untuk mendekati seni dan budaya tradisi. Bagaimanapun, pengisian kandungan perlu dikawal selia supaya jalinan kerjasama itu menepati objektif sebenar.

“Pentadbir budaya perlu mengenal pasti pendekatan yang bersesuaian dengan kelompok sasaran. Kita kena akui, aspek viral sangat penting. Untuk permulaan, tidak salah jika JKKN turut mengambil pendekatan serupa untuk menarik perhatian umum tetapi perlu ada seliaan.

“Apabila sudah berjaya mengumpul kelompok sasaran, baru kita ambil langkah seterusnya dengan memasukkan elemen-elemen lebih besar yang dapat mengangkat dan memartabatkan seni serta budaya.

“Sesi dialog antara penggiat seni budaya pelbagai latar belakang dan pelbagai peringkat antara senior dan muda juga perlu dipertingkatkan dan diperbanyakkan. Menerusi sesi dialog dan perkongsian ilmu ini akan dapat mengumpul pelbagai isu baru yang boleh ditangani untuk memenuhi kehendak khlayak dan pasaran semasa. Di samping itu mampu membentuk generasi muda menghargai dan berbangga dengan seni budaya tempatan,” katanya.

### **MEDEKATI AUDIENS BAHARU**

Fauziah juga menegaskan, aktiviti berkaitan seni dan budaya tidak seharusnya tertumpu kepada aspek manifestasi semata-mata. Sebaliknya, pentadbir budaya perlu memikirkan pelbagai alternatif lain dengan menggunakan pelbagai medium elektronik dan digital.

Menyentuh keterbukaan penggiat seni untuk menyuntik elemen kontemporari dalam persembahan, Fauziah berkata,



Bagi Fauziah, pentadbir budaya perlukan alternatif mendekati audiens baharu.

mereka perlu berlapang dada dengan pembaharuan sekiranya ingin mencari dan mendekati audiens baharu.

Katanya, perkara itu perlu dilihat dari perspektif positif kerana khlayak pencinta seni dan budaya terdiri daripada pelbagai kelompok serta peringkat usia.

“Daripada kita membiarkan masyarakat buta pada seni dan budaya, ada baiknya kita menyuntik sedikit elemen komersial supaya lebih meluas diterima. Dari situ, kita secara perlahan-lahan boleh membawa mereka untuk memahami dan mendalami akar umbi sesebuah karya seni.

“Bagi saya, tiada masalah untuk kita mengkomersialkan sebahagian seni dan budaya yang sesuai asalkan ada pihak yang memantau untuk memastikan nilai keasliannya masih terpelihara. Secara tidak langsung, usaha itu akan mengangkat nilai patriotisme dan kecintaan dalam diri masyarakat apabila mereka lebih menghargai khazanah seni dan budaya bangsa,” katanya.



## MELENTUR BULUH DARI USIA REBUNG

**BAGI** memastikan warisan kesenian dan kebudayaan terus bernyawa, negara bukan hanya memerlukan pelapis baru untuk menggerakkannya, malah perlu sokongan masyarakat termasuk audiens baru.

Bagaimanapun untuk menarik audiens baru menyukai seni dan budaya ini, mantan Pengarah Bahagian Bimbingan seni dan Budaya, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), Fauziah Zakaria berpendapat perlunya program yang mampu membuat audiens hari ini tertarik termasuk adaptasi teknologi.

Ikuti bual pendek pesara wanita yang pernah terlibat di dalam program GENIUS Seni (PERMATA Seni) ini.

**Bagaimana untuk meningkatkan minat masyarakat, terutama generasi muda supaya lebih menghargai seni dan budaya?**

Ia perlu dipupuk sejak usia muda dan ini boleh dilakukan dengan menganjurkan program yang selari dan bersesuaian dengan kelompok sasaran. Menerusi program dan aktiviti ini, kita boleh menyuntik elemen baharu yang bersesuaian dengan minat untuk membangkitkan elemen kekaguman yang secara

tidak langsung akan memberikan impak kepada mereka.

Kerjasama dengan Kementerian Pendidikan juga perlu diperkukuhkan. Menerusi kerjasama ini, kita dapat melatih kelompok pelapis yang akan meneruskan legasi seni dan budaya. Apabila mereka mempraktikkan apa yang dipelajari, usaha itu membantu perkembangan seni dan budaya bangsa akan terus subur.

**Secara peribadi, apakah Puan melihat karya seni dan budaya tempatan masih terkapai-kapai dalam mencari khlayak?**

Kita perlu sentiasa berusaha mencari audiens baharu dan tidak hanya bergantung kepada khlayak sedia ada supaya karya seni dan budaya terus dihargai. Kita sebenarnya tidak mempunyai masalah untuk mendapatkan audiens baharu. Cuma, kualiti karya dan strategi promosi perlu tepat dengan khlayak yang disasarkan.

Di samping itu audiens mahu menikmati persembahan yang berkualiti, digarap dengan menarik dan tidak dilakukan sambil lewa. Saya ambil contoh seperti Festival Kesenian Kanak-Kanak dan

Konsert Permata Seni. Kedua-dua acara ini mempunyai kelompok pengikut yang tersendiri. Begitu juga dengan Festival Tari dan Festival Teater yang turut mempunyai peminatnya. Cuma sekarang, platform mengetengahkan karya seni agak terbatas kerana negara masih dalam peralihan ke fasa endemik.

Memang kita boleh mempromosikan seni dan budaya menerusi media sosial, tetapi penonton tidak akan dapat kepuasan sebenar. Ini kerana mereka hanya berpeluang menonton sedutan atau sebahagian sahaja persembahan, bukan persembahan penuh.

**Bagaimana pula dengan usaha mencari bakat pelapis? Apakah kita mempunyai pelapis seni yang mencukupi untuk memastikan legasi seni terus dipertahankan untuk dinikmati generasi akan datang?**

Saya akui, kita berdepan kekurangan pelapis yang berminat untuk meneruskan legasi seni pengkarya terdahulu. Dulu, kebanyakan penggiat seni agak keberatan untuk berkongsi dengan orang luar daripada kelompok keluarga mereka sendiri. Namun, kita boleh melaksanakan program seperti pemindahan ilmu melalui latihan dan bimbingan dengan mempelbagaikan modul seni, mewujudkan jurulatih yang bertauliah dan bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan untuk melaksanakan program bimbingan di sekolah rendah dan menengah agar mereka dibimbing seawal usia.

Cara ini bagi saya, lebih sistematik dan

berstruktur dalam membimbing dan mencungkil bakat pelapis. Pada masa sama, peranan institusi pendidikan seperti Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) juga penting untuk melahirkan penggiat seni yang berilmu dan ada kredibiliti.

**Apa peranan yang perlu dimainkan JKKN untuk memastikan graduan seni tidak terpinggir?**

JKKN perlu bekerjasama dengan institusi pengajian tinggi untuk mengesan graduan dalam bidang seni budaya supaya rekod dan data mereka dapat dikumpul dan dimanfaatkan dalam melaksana pembangunan seni budaya. Tidak terkecuali data penggiat seni dan budaya, terutama kumpulan-kumpulan yang aktif sebagai pelatih dan penggiat seni supaya di mana khidmat mereka boleh membantu pengembangan seni setempat secara lebih menyeluruh.

Mereka adalah tenaga mahir yang mampu memberi anjakan kepada pengembangan seni dan budaya. Data ini akan memudahkan JKKN untuk melihat dan memantau perkembangan serta impak program yang dijalankan di mana sahaja dilaksanakan.

Tidak dinafikan, aktiviti seni dan budaya lebih banyak tertumpu dan berkembang di bandar besar. Jadi JKKN, terutama di peringkat negeri perlu lebih aktif dan merencana lebih menyeluruh untuk mendekati khalayak di semua peringkat dan lokasi, membawa dan melaksanakan aktiviti seni budaya agar dirasai dan dinikmati oleh masyarakat.



GENIUS Seni antara program yang berjaya mewujudkan bakat pelapis budaya.



# SUKARNO

## SI ENSIKLOPEDIA BERGERAK

“**SAYA** tidak seperti insan lain yang dikurniakan kelebihan atau bakat dalam bidang seni dan budaya. Ringkasnya saya tiada kebolehan untuk menari atau menyanyi. Saya memang tiada latar belakang seni budaya, saya dilahirkan dalam keluarga pendidik, ibu bapa saya sehingga ke akhir perkhidmatan adalah guru sekolah,” kata bekas Timbalan Pengarah Bahagian Polisi dan Perancangan di Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), Mohd Sukarno Abdul Wahab.

Situasi berkenaan merupakan salah faham yang sering timbul seawal beliau menggalas tugas sebagai Pegawai Kebudayaan pada 1982 di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KBBS)

yang ketika itu diterajui Allahyarham Datuk Mokhtar Hashim sebagai menteri. Dan setiap kali mengenangkannya akan sering mengundang persoalan tentang dunia kebudayaan di mana mula dan akhirnya.

“Masa mula-mula kerja dulu, naik bas untuk balik kampung, biasanya penumpang sebelah akan menyapa bertanya ‘Encik kerja mana?’ dan apabila saya beritahu saya Pegawai Kebudayaan di KBBS, biasanya orang akan membalas, ‘Seronoklah (kerja) dok menari.’

“Persepsi sebegitu bukan pada waktu itu saja, malah sekarang pun ada. Sebut budaya, orang mesti ingat kita penari. Saya pernah mengajar di ASWARA (Aka-



Sukarno akui wujud kekangan bajet tetapi JKKN tetap berjuang melestarikan budaya negara.

**“Cabaran untuk membangunkan budaya sebelum ini memang sukar, antaranya kerana kekangan bajet tetapi kita berjuang untuk itu dan lagi pula, kita ada menteri yang bagus.”**

demis Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan), ada ibu bapa yang datang menghantar anak mendaftar pada hari pertama bertanya, ‘Apa prospek anak saya (belajar seni), jadi penari saja ke?’ katanya.

Di bawah pentadbiran Tun Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri ketika itu, kebudayaan dasingkan daripada belia dan sukan, dan menjadi sebahagian daripada Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan yang menyaksikan Allahyarham Tan Sri Sabaruddin Chik dilantik sebagai menterinya.

#### **MEMBANGUN BUDAYA SATU CABARAN**

“Saya memutuskan untuk menyertai kementerian baharu dan ketika itulah, kita dapat melihat budaya beroleh bajet untuk dibangunkan sebagai pelancongan budaya. Ia seperti mana dilaksanakan negara seperti Indonesia dan Thailand yang menarik pelancong menerusi budaya.

“Cabaran untuk membangunkan budaya sebelum itu memang sukar kerana antara rintihan kita ialah kekangan bajet tetapi kita berjuang untuk itu. Lagi pula, kita ada menteri yang bagus, Ketua Setiausaha yang bagus selain penaja seperti Yayasan Hasanah dan Sime Darby, jadi kita hidup. Perancangan membangunkan kebudayaan dan kesenian lebih fokus, terarah dengan sokongan mantap sektor swasta,” katanya.

Biarpun tanpa latar belakang budaya, kerja-kerja pengurusan yang didedahkan kepada Mohd Sukarno yang pada awal pelantikannya diserap ke Cawangan Urusetia dan Perhubungan Antarabangsa KBBS adalah apa yang membuatnya tertarik terhadap kebudayaan.

“Pada awal penyertaan di KKBS, saya diletak di bawah Unit Antarabangsa. Saya mengendalikan banyak program antarabangsa yang dikawal selia di bawah kebudayaan, antaranya ASEAN



Selaku pesara, Sukarno kini menjalani kehidupan aman bersama keluarga serta anak cucu.

Committee for Culture and Information (COCI) bagi mewujudkan kerjasama di antara pemimpin dan rakyat, khususnya di rantau ASEAN,” katanya.

Banyak menghabiskan masa menjelajah atas urusan rasmi menghadiri mesyuarat rasmi, pengurusan projek kerjasama antara negara ahli ASEAN, termasuk ke negara asing, membuahakan pengalaman bermakna buatnya.

**“Orang mungkin ada yang tidak suka tetapi kita kena tengok norma dalam hidup kita di Malaysia. Ini berkait jati diri dan mungkin, ketidakpedulian kita kepada budaya.”**

“Saya sangat muda ketika itu dan ia pekerjaan pertama saya. Kerap ke mesyuarat negara ASEAN sehingga pasport saya pun kerap berganti, tetapi saya seronok kerana ia adalah satu bidang dalam budaya yang boleh dibangunkan, bekerjasama dengan negara jiran seperti Thailand, Vietnam dan Brunei.

“Saya rasa beruntung sebenarnya dan saya tidak silap ketika memutuskan untuk jadi Pegawai Kebudayaan. Ia melonjakkan keupayaan saya, antaranya apabila turut diberi tanggungjawab menyiapkan

laporan COCI dalam bahasa Inggeris, menurut kaedah antarabangsa dan membentangkannya.

“Saya anak Melayu, bersekolah Melayu. Jadi, saya mahu buktikan keupayaan diri yang mungkin tidak begitu pandai berbahasa orang putih ini dapat melaksanakan tanggungjawab itu. Bepeluh jugalah kerana jam sudah 2 pagi masih berusaha menyiapkannya, dan membentangkannya di hadapan wakil-wakil ASEAN pada keesokannya, ia momen yang buat saya bangga,” kata lulusan ijazah Sains Politik ini.

#### MEMBESAR DENGAN NILAI-NILAI

Pendedahan seawal menjadi Pegawai Kebudayaan, antara lain menyedarkan beliau mengenai pentingnya peranan pengurusan budaya dalam usaha membangunkan satu-satu budaya untuk sebuah negara. Ini termasuk mengenai norma dan nilai dalam budaya yang juga pernah disentuh oleh Tan Sri Dr. Rais Yatim yang mengambil alih Kementerian yang kemudian dikenali sebagai Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KEKWA).

“Orang mungkin ada yang tidak suka tetapi kita kena tengok norma dalam hidup kita di Malaysia. Ini berkait jati diri dan mungkin, ketidakpedulian kita kepada budaya. Orang kita macam mana? Makin kuat (budaya), atau makin hilang ke?

“Sebagai orang Islam, Melayu ada nilai-nilainya. Kita dibesarkan dengan nilai-nilai, ibu bapa sudah ajar kita nilai-nilai itu. Jadi, asasnya sudah ada tetapi sampai ke mana kita amalkan, kita cakna nilai kita? Juga kaum Cina, mahupun penganut Hindu, Buddha, semuanya ada nilai yang baik. Kita selalu bagi contoh (orang) Jepun atau Korea, padahal kita sendiri ada (nilai baik).

“Jadi, kenapa tidak diperkukuh, diban gunkan? Sains, teknologi tidak boleh diketepikan dan anak- anak kita main game, kita tidak boleh halang perubah an tetapi macam mana kita nak buat untuk perkukuh nilai itu?” jelasnya.

### PUAS BILA DAPAT KONGSI ILMU

Pernah berpeluang menjalani latihan selama sebulan di ibu pejabat UNESCO di Paris, di bawah program SUKOM Kementerian Pelajaran, pendedahan menerusi program organisasi antara bangsa seperti itu penting terhadap perkembangan pegawai muda dalam usaha membangunkan nilai budaya sesebuah negara.

“*Southeast Asian Ministers of Education Organization, Regional Project for Archeology and Fine Arts* yang dikenali sebagai SEAMEO SPAFA yang berpang kalan di Bangkok, antara program yang melihat soal kebudayaan dan pendidikan sebagai satu.

“Kala kita mungkin melihat budaya sebagai budaya saja, bagi mereka ia adalah sebahagian daripada pendidikan. Semasa menjadi tenaga pengajar, saya sempat membentangkan kertas kerja di Bangkok mengenai budaya dan pendidikan dengan melihat peranan

dimainkan Akademi Seni Kebangsaan (ASK).

**“Louvre Museum di Paris, mungkin mengenakan bayaran yang kita rasakan mahal tetapi tidak bagi mereka yang menghargainya.”**

“Saya berkongsi mengenai kepentingan institusi seni seperti ASK ketika itu. Iktukan, bukan saja Thailand, malah Vietnam dan Laos yang dulunya dilihat sebagai negara komunis, juga melihat revival budaya menerusi pendidikan,” katanya yang memberi contoh bagaimana rejim komunis turut membunuh rakyat menerusi budaya, iaitu dengan cara mengha- puskan kebudayaan sesuatu penduduk.

Pernah beliau terfikir sekiranya budaya tidak lagi dihargai di tanah airnya.

“Louvre Museum di Paris, misalnya mung- kin mengenakan bayaran yang kita rasakan mahal tetapi tidak bagi mereka kerana pengharganya begitu. Seperti juga menonton Kabuki di Jepun tetapi bayangkan kita letak harga RM200 untuk menonton Makyung, adakah yang mahu membeli tiket?”

“Masyarakat yang menghargai budaya- nya sedia untuk berbelanja bagi seni- nya. Kita mungkin masih payah, tamba- han ada yang mungkin lebih suka bola, contohnya daripada menonton Rosnan Rahman (penggiat seni) bermain Makyung. Itulah mungkin perlunya ada kajian mengenai penghargaan, persepsi terhadap nilai-nilai rakyat Malaysia untuk mendalami hal ini,” katanya.



The Louvre Museum Paris antara simbol pengiktirafan seni yang tinggi. - Sumber gambar: <https://www.france-hotel-guide.com>

Mohd Sukarno sememangnya tidak jemu belajar benda baharu dan berkongsi ilmu, selain didorong minat membaca lantaran diinspirasikan oleh bapanya. Padanlah mengapa warga JKKN menggelarnya 'Ensiklopedia Bergerak.'

Beliau ketika mendengar gelaran itu, ketawa. Namun, akunya ia mungkin kerana minat beliau yang suka membaca dan banyak membeli buku, selain gemar berkongsi, termasuk dengan pelajar sekolah dan penuntut di institusi pengajian tinggi, terutama hal kebudayaan di Malaysia.

"Orang tua saya dulu cikgu besar (guru besar). Ayah suka beli buku, kiranya saya terikut-ikut macam ayah, suka beli buku. Dulu saya berbelanja antara RM100 hingga RM150 sebulan untuk beli buku. Juga kalau ke mana-mana tempat, atau di lapangan terbang sempat saya mencari buku, antaranya genre motivasi, biografi atau novel seperti Dan Brown, asalkan buku yang boleh dikongsi ceritanya nanti.

"Saya paling suka novel Melayu. Saya tak suka novel cinta, tetapi lebih pada karya penulis terkenal seperti Allahyarham Othman Puteh atau Allahyarham Azizi Abdullah. Dan apabila dapat berkongsi ilmu, saya rasa puas," katanya.

### MANUSIA YANG BERADAB

Sempat beliau berseloroh: "Dah pencen ni kurang sikitlah membeli (buku) sebab isteri saya bising, banyak sangat (koleksi) di rumah. Katanya, bila nak baca? Betul, rumah saya memang penuh buku."

Pada usia 64 tahun kini, bapa enam anak yang kini banyak menghabiskan masa di rumah, termasuk bersama empat cucunya, mengakui perkara yang paling dirindui ialah untuk berkongsi ilmu.

"Untuk kongsi ilmu, kita sendiri kena cari ilmu, kena tahu. Ilmu tidak boleh hanya yang lama, kena ada yang baharu. Sebab itu, saya selalu menggalakkan pegawai kebudayaan di JKKN mendedahkan diri kepada benda-benda baharu kerana ada banyak perkara berlaku dalam hidup kita, hampir setiap hari ada perubahan.

"Kena peka dengan benda baharu, misalnya muzik, tarian seperti di China dan India yang berubah walaupun ia seni tradisional, iaitu bagaimana mereka



Antara memori yang dirakam bersama JKKN.

membangunkan seni tradisional menjadi suatu yang ada nilai ekonomi, apa yang kita panggil sebagai industri kreatif. Bukan nak melacurkan namun bagaimana kita membangunkan budaya," katanya.

Mohd Sukarno juga berpandangan bahawa manusia yang beradab adalah manusia yang berpengetahuan.

Katanya, budaya adalah satu perkara yang luas dan beliau berharap agar pembangunan budaya diberi penekanan, termasuk dengan mengangkat mereka terbabit dalam bidang masing-masing sebagai penghargaan selain memupuk kekuatan dalaman sesebuah masyarakat.

"Contohnya, jika anda bergiat dalam Makyung, jadilah pakar di dalam bidang anda. Juga kena banyak membaca, jadikan tabiat membeli buku, jangan kedekut untuk beli buku. Buku-buku itu, ada masa kita akan guna dan kalau bukan untuk kita pun, mungkin anak cucu kita," katanya.



# MENJANA EKONOMI MELALUI FK RK

Selepas dua tahun 'bercuti' daripada penganjuran fizikal, Festival Kesenian Rakyat Kelate (FKRK) 2022 bagaikan 'melepas angin' apabila tahun ini menyaksikan bukan sahaja pengisian yang lebih padat malah himpunan terbesar pengunjung selama tiga hari program berlangsung.

Seramai 55,841 pengunjung direkod secara rasmi sepanjang program berjalan dan ini merupakan kehadiran pengunjung yang paling ramai setakat penganjuran FK RK di Pantai Geting, Tumpat, Kelantan. Kali terakhir dianjurkan ialah pada 2019, manakala tahun 2021 diadakan secara maya.

Menurut Penelaras Projek FK RK 2022, Mohd Zanidizam Mohd Dila, pengisian penganjuran kali ini sangat padat dengan aktiviti-aktiviti menarik demi memberi kepuasan serta manfaat kepada pengunjung.

"FKRK 2022 memberi peluang dan ruang kepada masyarakat dan pelancong untuk mendekati serta merasai sendiri keindahan seni budaya dengan menampilkan persembahan kesenian Dikir Barat, Wayang Kulit, Makyung Extrava ganza patuh syariah, Forum Agama, Simfoni muzik, demonstrasi permainan sukan rakyat, seni pembuatan kraftan gan, pameran dan jualan serta perkhidmatan komuniti daripada agensi kerajaan, syarikat swasta dan juga badan bukan kerajaan.

"FKRK 2022 adalah salah satu program MYSenibudaya iaitu Pelancongan Budaya (Culture Based Tourism) yang menjadi program teras JKKN di peringkat negeri untuk mengangkat keunikan seni budaya setempat serta bertujuan memulihara dan mengekalkan seni budaya negara.

"Malah program begini juga mampu

menjana ekonomi melalui seni dan budaya serta memupuk semangat kerjasama, meningkatkan toleransi, keharmonian dan perpaduan ke arah kesejahteraan masyarakat di Kelantan khususnya dan Malaysia amnya," kata Mohd Zanidizam.

### KEKAL LOKASI TUMPAT

Mohd Zanidizam yang juga Pegawai Kebudayaan JKKN Kelantan berkata, penganjuran festival ini telah bermula sejak tahun 2017 dan merupakan program di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) yang diselaraskan oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) dan dilaksanakan oleh JKKN Kelantan.

Bagi tahun versi 2022, festival ini masih mengekalkan Pantai Geting Tumpat sebagai lokasi penganjurannya yang dilaksanakan bermula 16 hingga 18 Jun 2022 lalu.

Menurutnya, pengekalan Pantai Geting dilakukan kerana selain kawasan tumpuan pengunjung untuk beriadah, kedudukan pantai dan kemudahan infrastruktur sedia ada juga mempengaruhi pemilihan Pantai Geting sebagai lokasi FKRR.

"Daerah Tumpat adalah salah sebuah daerah di Kelantan yang mempunyai NGO Seni Budaya sangat aktif dan ramai tokoh kesenian budaya lahir di sini termasuk untuk seni Rebana Ubi, Kertuk, Rebana Kercing, Main Puteri, Dikir Labo,

**"Sambutan kali ini amat memberangsangkan, mungkin sebab sudah lama masyarakat tidak dihidangkan dengan hiburan seumpama itu sejak tergendala akibat serangan Covid-19 dua tahun lalu."**

Wayang Kulit dan Menora. Malahan banyak lagi aktiviti budaya masyarakat yang masih diamalkan sehingga sekarang," katanya.

Beliau memberitahu, FKRR 2022 dianjurkan secara kerjasama oleh JKKN Kelantan, Majlis Daerah Tumpat, Pusat Penerangan dan Pelancongan Negeri Kelantan dan Kelab Seniman Jalanan Kota Bharu serta mendapat kerjasama yang baik daripada agensi dan jabatan kerajaan peringkat persekutuan dan negeri, syarikat swasta serta badan bukan kerajaan di negeri Kelantan.

"Penganjuran FKRR 2022 melibatkan beberapa pertandingan kesenian seperti Pertandingan Dikir Barat, Pertandingan Mewarna, Pertandingan Memasak, Pertandingan Karaoke, Pertandingan Battle Of The Bands, Pertandingan Abe Kkate (Badan Cantik), Pertandingan Biri-Biri Jangok (Biri-Biri Cantik), Pertandingan Ayam Serama, Pertandingan Sukan Rakyat, Apresiasi Rebana Ubi, Kayuhan Basikal dan banyak lagi.



Festival Kesenian Rakyat Kelate diadakan pada 16 hingga 18 Jun 2022.

“Alhamdulillah, sambutan terhadap kesemua aktiviti pertandingan amat membeberangsangkan, mungkin sebab sudah lama masyarakat tidak dihidangkan dengan hiburan seumpama itu sejak tergendala akibat serangan Covid-19 dua tahun lalu.

“Tidak ketinggalan penyertaan sebanyak 45 yang terdiri jabatan persekutuan dan negeri, syarikat swasta dan juga badan bukan kerajaan yang mengadakan jualan, pameran serta perkhidmatan kepada komuniti, sekaligus merencanakan lagi penganjuran FKRK 2022.

“Selain penglibatan dan sokongan agensi kerajaan persekutuan dan negeri, syarikat swasta serta badan bukan kerajaan, festival kali ini juga telah mendapat tajaan daripada rakan-rakan strategik antaranya Makmur Gold, F&N, Adabi Sdn Bhd, Manja Kasih, WMD Store dan Gagar FM,” katanya.

Menurut Mohd Zanidizam, acara kemuncak perasmian dan penutupan FKRK 2022 telah berlangsung pada 18 Jun 2022 yang disempurnakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) MOTAC, YBr. Encik Norazman Othman.

### **SIMBOLIK REBANA MANGKUK**

Turut hadir pada malam tersebut ialah Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan dan NGO Kelantan merangkap ADUN Pengkalan Kubor, YB. Haji Wan Roslan Wan Hamat serta Ketua Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Tuan Haji Mesran Mohd Yusop.

“Paluan Rebana Mangkuk menjadi gimik pelancaran pada malam itu yang mana Rebana Mangkuk telah diangkat sebagai simbolik acara pelancaran kerana kesenian alat muzik ini semakin pupus di Kelantan.

“Pentas diserikan lagi dengan persembahan oleh seramai 150 artis termasuk meli-



Rebana antara kesenian Kelantan yang turut dipersembahkan di FKRK.

batkan penyanyi tempatan negeri Kelantan antaranya Roy Kapilla, Emie Sukma Sari, Jemi Intan Berlian dan Irfan Mutiara Biru,” katanya.

Mohd Zanidizam berkata, persembahan kesenian malam itu juga membabitkan tarian dan muzik yang dijayakan oleh Kumpulan Kesenian Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Kumpulan Jastera, Persatuan India Kelantan, Kumpulan Sri Cahaya Kampung Laut, Kumpulan Rebana Ubi, Kertuk Bukit Marak dan Sri Tujoh, Kumpulan Seni Budaya Sri Gelam, Persatuan Tiong Hua Kelantan, Kumpulan Rebana Mangkuk Kemahang, Kumpulan Rebana Kercing Kampung Laut, Kumpulan Lewaris UMK, UiTM Kelantan dan Guru-Guru negeri Kelantan.

“Malam itu turut diadakan Pertandingan Akhir Dikir Barat yang menampilkan dua kumpulan iaitu Bentara Sukma dan Medan Kemalang beradu nasib, namun



Kelantan antara negeri yang kaya dengan seni dan budaya.

kemenangan berpihak kepada Bentara Sukma apabila diangkat sebagai juara dengan membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM5,000.

“Dengan penganjuran FKRK 2022 yang diisi dengan kepelbagaian aktiviti kebudayaan dan kesenian serta kemasyarakatan ini akan memberi kepuasan

kepada semua pengunjung yang hadir dengan merasai sendiri kemeriahan dan keseronokan program.

“Semoga apa yang telah dianjurkan ini dapat menjadikan negeri Kelantan sebagai salah satu negeri tarikan pelancong di Malaysia,” kata Mohd Zanidizam.



Pertandingan Dikir Barat antara yang menyemarakkan pengisian FKRK.



# PESTA ANGIN TIMUR ANGKAT WARISAN TRADISI

“**MATLAMAT** utama pesta ini adalah untuk mempromosikan aktiviti kebudayaan tempatan sebagai salah satu produk industri pelancongan di negeri Perlis serta menyemarakkan kesenian, kebudayaan dan tradisi masyarakat tempatan kepada masyarakat luar. Di samping itu, ia sebagai satu usaha menjadikan negeri Perlis sebagai sebuah negeri yang masih utuh dengan memaparkan kesenian tradisional sebagai tarikan kepada pelancong.”

Demikian ucapan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya ketika itu, Dato' Sri Hajah Nancy Shukri semasa majlis pelancaran program Pesta Angin Timur Perlis

2022, Mei lalu. Pesta Angin Timur Perlis 2022 @ Hibrid (PAT) mengambil nama sempena peredaran musim sejuk kepada musim panas dan mengangkat aktiviti-aktiviti di dalam bendang yang memaparkan keunikan cara hidup masyarakat petani di Perlis.

Bagaimanapun untuk edisi kali ini, menurut Pegawai Kebudayaan di Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Perlis, Normila Mohamad Said, ia dilaksanakan Auditorium Kompleks JKKN Perlis dan bertepatan dengan konsep hibrid, Pesta Angin Timur turut dipancarkan secara langsung menerusi saluran Facebook JKKNTV.



antara lainnya mempromosi dan menyemarakkan aktiviti kebudayaan tempatan kepada pelancong domestik dan antarabangsa sebagai salah satu produk industri pelancongan negeri Perlis.

“Selain itu, ia juga bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan apresiasi seni kepada masyarakat ke arah pembentukan sebuah bangsa Malaysia yang harmoni serta sebagai landasan kepada usaha-usaha transformasi kerajaan merealisasikan konsep rakan strategik gandingan kerjasama di samping membantu menjana ekonomi penggiat seni dan masyarakat setempat,” katanya.

### **NILAI TAMBAH EKONOMI PERLIS**

Majlis pelancaran telah disempurnakan secara bersama oleh Dato' Sri Hajah Nancy Shukri dan Menteri Besar Perlis, Dato' Seri Azlan Man. Turut hadir ke majlis tersebut ialah Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis, Datuk Seri Haji Hasnol Zam Zam Haji Ahmad; Timbalan Ketua Setiausaha (K) Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Hajah Saraya Arbi; Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Negeri Perlis, Puan Asmaiza Ahmad; Ketua Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Haji Mesran Mohd Yusop, serta Pengarah JKKN Perlis, Cik Norazlin Nordin.

Memetik intipati ucapan Dato' Seri Azlan Man pula, beliau menyifatkan program ini telah memberikan nilai tambah ekonomi negeri Perlis setiap tahun di mana pada tahun 2020 penganjuran Pesta Angin Timur yang dilaksanakan secara fizikal telah menjana RM490,873.00 melalui aktiviti, jualan gerai, pameran, sewaan khemah penjaja, tempat letak kereta awam serta penginapan.

Menurut Normila, JKKN sentiasa berusaha dalam menyemarakkan dan mengangkat kembali keunikan kesenian serta warisan tradisi rakyat Malaysia melalui aktiviti dan pengisian yang dilaksanakan PAT 2022@Hibrid kepada generasi muda agar ia tidak ditelan zaman dan pada masa yang sama, dapat mempromosikan gaya hidup sihat melalui acara-acara yang dianjurkan.

“Semua kandungan sepanjang dua hari program berlangsung telah dirakam terlebih dahulu dengan pematuhan SOP yang ketat. PAT 2022@Hibrid dimeriahkan lagi dengan persembahan Kumpulan

“Seperti tahun-tahun sudah, program dianjurkan secara bersama oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya dan Kerajaan Negeri Perlis yang dikendalikan oleh Majlis Kebudayaan Negeri Perlis dan JKKN Perlis. Ia turut dijayakan secara kolaborasi dengan penglibatan pelbagai agensi persekutuan dan negeri, swasta serta Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang menaja dan menyelaras aktiviti tertentu sebagai rakan strategik.

“Penganjuran yang berlangsung pada 21 dan 22 Mei lalu bermula jam 10.00 pagi hingga jam 10.00 malam ini menyasarkan beberapa objektif yang



Ramai tokoh budaya Perlis diketengahkan menerusi Pesta Angin Timur.

Kesenian JKKN Perlis seperti tarian kesenian Perlis, persembahan kesenian Siam, deklamasi sajak berkisarkan bendang serta persembahan nyanyian oleh artis-artis tempatan.

“Persembahan kesenian autentik negeri Perlis seperti teater Hadrah, Ali Bunyi dan Ghazal Party turut disusun sebagai pengisian PAT 2022@Hibrid. Program ini turut dilengkapi dengan persembahan khas oleh artis jemputan iaitu Ezad Lazim,” katanya.

### **DOKUMENTARI TOKOH**

Sepanjang dua hari penganjuran PAT 2022@Hibrid, pelbagai program sisipan turut disusun untuk para penonton antaranya beberapa siri dokumentari seperti Pembuatan Pekasam Perlis, permainan Cakplong, Pembuatan Baju Kurung Perlis, Kisah Kerbau Besi dan Si Penjerat Burung Bendang.

Selain itu katanya, dipaparkan juga dokumentari tokoh dan penggiat seni negeri Perlis, antaranya ialah Tharumaraj - Permata Seni Perlis, Pak Yaakob - Seni-

man Serba Boleh, Mencari Tokoh - Pak Romli Si Awang Batil dan Pak Yus Dalam Kenangan. Di samping itu, diselitkan segmen jualan produk yang mana pelbagai produk usahawan negeri Perlis dipromosikan dan dijual secara dalam talian.

Program ini juga kata Normila, memaparkan segmen Imbasan PAT di mana Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Negeri Perlis, Puan Asmaiza Ahmad, bercerita mengenai penganjuran Pesta Angin Timur bermula tahun 2014 sehingga kini.

Selain itu, program ini turut dilengkapi dengan segmen Forum Santapan Rohani yang diserikan dengan kehadiran Ustaz Shamsul Debat dan Da’i Aiman.

“Selain persembahan kesenian dan dokumentari, beberapa pertandingan turut dianjurkan dan mendapat sambutan yang memberangsangkan daripada masyarakat setempat. Antaranya adalah PAT Got Talent, Miss Kebaya Perlis, Badang Perlis dan Pertandingan Mema-sak Berasaskan Mentarang,” katanya.

# PANGGUNG SENI TRADISIONAL LANGKAH PEMULIHARAAN SENI

**UMUM** mengetahui dunia diuji ancaman wabak Covid-19 dan Malaysia sendiri melalui beberapa fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mengekang penularan wabak ini, sekaligus sedikit sebanyak telah membataskan penyampaian hasil karya seni kepada orang ramai.

Bagaimanapun, pelbagai kaedah dirancang dan disusun sebagai alternatif untuk menyajikan seni persembahan tradisional kepada khalayak. Pada tahun 2020 dan 2021, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) terus komited melaksanakan beberapa aktiviti dan program secara hybrid atau dalam talian bagi memastikan kelestarian seni persembahan tradisional berkesinambungan dan sebagai langkah pemeliharaan dan pengkalan seni warisan negara.

Panggung Seni Tradisional (PST) turut dilaksanakan secara norma baharu dan mengguna pakai kaedah proaktif pada dua tahun berkenaan demi kelangsungan seni tradisional negara.

Menurut Pengarah program PST, Muhammad Faizal Ruslee, impak pelaksanaan itu menampilkan hasil selepas PST mendapat khalayak baharu di mana statistik laporan tayangan secara *live* melalui Facebook menunjukkan seramai 48,281 jumlah tontonan dari seluruh dunia bagi lima kumpulan persembahan pada tahun 2021.

“Secara dasarnya penganjuran program ini sebagai langkah pemuliharaan dan pengkalan seni warisan dalam memartabatkan ke tahap yang lebih cemerlang. Konsep PST amat menitikberatkan



Tarian klasik Cina bertajuk "Eternal Love".



Pelbagai budaya majmuk Malaysia ditampikan Panggung Seni Tradisional.

keaslian sesebuah persembahan tradisional itu sebelum dipentaskan kepada penonton.

“Selain itu, ia adalah serampang dua mata dengan menjadikan Kuala Lumpur sebagai hab persembahan tradisional dan PST sebagai salah satu produk pelancongan negara,” katanya yang juga seorang Pegawai Kebudayaan (Penyelidikan) 1.

### KUMPULAN PERANTISAN

Sejak pelaksanaan pada tahun 2013 hingga 2021, kata Muhammad Faizal, sebanyak 51 kesenian tradisional yang merangkumi tiga genre iaitu tari, muzik dan teater telah dipentaskan dengan melibatkan 103 kumpulan kesenian terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan, universiti awam dan NGO.

Beliau yang bertugas di Bahagian Dasar dan Penyelidikan berkata, bagi memastikan legasi kesenian tradisional terus disemarakkan oleh generasi muda, kumpulan perantisan di bawah kelolaan JKKN negeri turut diberi peluang menjayakan PST bersama kumpulan persembahan profesional yang terlibat.

“Antaranya dari negeri Kelantan, Kumpulan Makyung Kijang Emas (Makyung) dan Kumpulan Menora Sri Timur (Menora), Persatuan Penggerak Warisan Seni Budaya Negeri Kedah (Mek Mulung), Persatuan Seni Tradisional Setia Jaya, Perlis (Jikey) dan Kumpulan Boria Angkatan Budayasari Pulau Pinang (Boria).

“Syukur pada tahun ini, prosedur operasi *standard* (SOP) bagi persembahan pentas dan khalayak telah diberi kelonggaran oleh kerajaan Malaysia bagi menyokong industri seni tanah air yang terjejas akibat pandemik. Justeru itu, bertempat di Dewan Tunku Abdul Rahman, Pusat Pelancongan Malaysia (MaTiC), PST2022 sekali lagi menemui peminat seni tradisional dengan menyajikan lima pengisian,” katanya.

Lima pengisian tersebut ialah Teater Tradisional Wayang Kulit –

Pertembungan Tiga Dalang dengan tajuk Derhaka Tiga Pengasuh pada 27 dan 28 Mei 2002 oleh Akademi Arjunasukma; Himpunan Zapin Alam Melayu bertajuk Nuansa Zapin pada 24 dan 25 Jun 2022 oleh Nyala Dance Theatre; Gendang dan Tari Etnik Punjabi pada 22 dan 23 Julai 2022 dengan tajuk Sounds of Punjab oleh Dhol Alliance; Kelab Tarian Han Fong Kuala Lumpur membawakan muzik dan tarian klasik Cina bertajuk Eternal Love pada 23 dan 24 September 2022; serta Himpunan Terinai Perlis oleh Jabatan Tari Fakulti Seni Kreatif Universiti Malaya dan KESUMA dengan tajuk Restorasi Terinai Perlis pada 21 dan 22 Oktober 2022.

“Harapan JKKN agar pelaksanaan PST ini menjadi medium yang sangat bertepatan dalam usaha menyemarakkan seni budaya warisan Malaysia di samping memupuk minat masyarakat untuk menghayati keindahan seterusnya mencintai khazanah negara yang tidak ternilai ini. Semoga warisan seni tradisional bangsa dan negara tidak lapuk ditelan zaman bahkan terus membara untuk generasi akan datang,” katanya.



JKKN tidak pernah lelah membangunkan PST.

# ROSNAN NORDIN

## IDEA SEKEPING TISU



**JANGAN** takut untuk bermimpi kerana sesuatu yang bermula dengan angan-angan sekiranya disertakan iltizam dan komitmen padu pasti membentangkan laluan kejayaan yang memberikan kepuasan jitu pada diri.

Bagi Timbalan Ketua Pengarah Sektor Kebudayaan dan Kesenian, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), Rosnan Nordin, selagi masih diizinkan Allah SWT ruang membuktikan kemampuan, selagi itu manusia mempunyai peluang untuk mengukir kejayaan.

Paling penting katanya, jangan sesekali takut untuk keluar dari ruang selesa, selain sentiasa tanamkan dalam diri dengan nilai-nilai positif kerana pegangan itu akan membantu seseorang untuk menggapai apa yang diimpikan.

“Kita kena berani untuk memikul tanggungjawab dan jangan sesekali biarkan kata-kata negatif menghalang kita daripada mendapatkan apa yang kita inginkan.

“Kita juga perlu berani mencuba sesuatu yang baharu dan jangan berkata tidak selagi kita belum berusaha melakukannya. Kita kena sentiasa yakin dan percaya diri kerana tiada yang mustahil untuk kita capai jika kita meletakkan sepenuh kesungguhan dalam apa juga yang kita kerjakan,” katanya.

Rosnan yang bermula sebagai Pegawai Kebudayaan pada tahun 1993 di JKKN Negeri Pahang mengakui, perjalanan hampir tiga dekad itu menemukan dirinya dengan pelbagai momen manis yang sentiasa terpahat kemas dalam kotak ingatannya.

Pernah menggalas tanggungjawab sebagai Pengarah Bahagian Pembangunan Produksi dan Artistik dan juga Bahagian Pembangunan Seni Budaya, Rosnan berkata, beliau sentiasa mencabar diri untuk tampil dengan idea dan konsep segar dalam usaha memartabatkan warisan seni serta budaya tempatan.

**“Saya sering melihat persekitaran dan banyak mendengar kerana semua itu memberikan putaran ilham yang turut membantu dalam merangka konsep program.”**

Kepuasan katanya, hanya dirasai apabila hasil usaha keras bersama warga JKKN dapat menyumbang sesuatu yang bernilai dan dihargai, tidak hanya oleh rakyat tempatan tetapi juga orang luar, sekali gus memahat nama negara di mata dunia.

“Proses kreatif ini adalah anugerah Tuhan menerusi cetusan idea atau ilham yang ada ketikanya datang secara spontan. Dalam merealisasikan konsep sesuatu acara, saya banyak membuat rujukan antaranya dengan mengkaji penganjuran program dari luar negara, selain menonton produksi TV dan filem asing.

“Saya juga sering melihat persekitaran dan banyak mendengar kerana semua itu memberikan putaran ilham yang turut membantu dalam merangka konsep program. Saya sangat meminati filem yang digarap Steven Spielberg kerana beliau sering menyajikan sesuatu yang di luar jangkaan penonton.

“Begitu juga dengan produksi dari Korea Selatan yang kreatif dalam mempelbagaikan genre untuk dipersembahkan kepada penonton. Mereka sentiasa tampil dengan idea baharu dan ini memberikan saya cabaran untuk menggarap konsep yang di luar kotak mengikut acuan kita sendiri,” katanya.

### **BERANI AMBIL RISIKO**

Lulusan Sarjana Muda Seni Halus (Lakonan dan Pengarahan) dari Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang itu berkata, antara pengalaman yang tidak dapat dilupakannya adalah ketika menggarap konsep perjalanan acara majlis makan malam Menteri-Menteri Luar ASEAN yang berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

“Cetusan idea untuk menggarap konsep perjalanan acara pada malam itu bermula daripada sekeping tisu. Tugasan itu agak mencabar kerana saya perlu pastikan semua tetamu yang hadir



merasai suasana konsep yang diketengahkan dari awal kaki mereka melangkah masuk ke dewan.

“Memang saya mengambil risiko menerusi konsep yang mengetengahkan elemen suasana Borneo untuk dihayati dan dirasai tetamu ketika menikmati jamuan makan malam. Alhamdulillah, ia dapat direalisasikan dengan teknologi persembahan pentas seperti paparan skrin LED yang banyak membantu menghidupkan perjalanan acara.

“Dalam hal ini, kita perlu memahami dan menyesuaikan diri dengan persekitaran. Saya tidak akan ambil risiko jika tidak mempunyai kemampuan yang dapat menyokong konsep yang cuba digarapkan,” katanya.

Rosnan berkata, pengalaman menyertai pelbagai festival kesenian dan kebudayaan di luar negara seperti di Zargoza, Sepanyol; Milan, Itali dan Kazakhstan turut mencetuskan pelbagai idea untuk diterapkan dalam program tempatan.



Sejak diperkenalkan pada 2012, Iftar@KL terus menjadi keperluan pelancongan.

Turut berpengalaman menjadi pengarah bersama bagi penganjuran acara hiburan berprestij, Anugerah Seri Angkasa, Rosnan juga antara tonggak penting bagi program tahun terbesar JKKN, Iftar@Kuala Lumpur.

### IFTAR@KL TARIKAN DUNIA

Iftar@KL katanya yang mula diperkenalkan pada 2012 kini terus menjadi keperluan industri pelancongan Islamik dan platform yang memperkasakan Kuala Lumpur sebagai pusat seni dan budaya di peringkat global.

“Program ini bermula pada skala kecil dengan hanya menarik lebih 500 pengunjung, tetapi jumlah pengunjung terus meningkat setiap tahun hingga pernah mencecah jumlah 90,000 orang.

“Program ini tidak hanya menarik perhatian rakyat Malaysia, malah itu turut mendapat perhatian pelancong luar dari Jepun, Korea Selatan dan Amerika Syarikat untuk merasai bersama suasana kemeriahan berbuka puasa pada bulan Ramadan.

“Sebelum pandemik Covid-19, ada pelancong dari Iran yang saban tahun pasti tidak akan melepaskan program ini. Melihat reaksi positif seperti ini, ia membuatkan saya terharu kerana dapat menyumbang sesuatu kepada masyarakat dan negara, sekaligus memberikan impak kepada industri pelancongan,” katanya.

Pengalaman Rosnan dalam menggarap

**“Kita perlu menilai dari pelbagai sudut termasuk kesesuaian persekitaran dan cuba mengadun dengan idea untuk mencapai titik persefahaman.”**

idea turut dicurahkan untuk konsep persembahan pembukaan acara Sukan SEA 2017 di Kuala Lumpur, selain program Citrawarna dan Asia Pacific Master Games di Pulau Pinang.

“Pengurusan kreatif sangat memainkan peranan penting kerana ia membantu dalam memberikan impak kepada setiap program atau acara yang diperkenalkan. Banyak aspek dan perkara perlu diberikan fokus untuk memastikan ia mencapai sasaran ditetapkan.

“Dalam melontarkan idea, ada ketika kita perlu mencari titik tengah dan berkompromi dengan cadangan serta usul pihak lain kerana setiap individu mempunyai aliran pemikiran yang berbeza.

“Kita perlu menilai dari pelbagai sudut termasuk kesesuaian persekitaran dan cuba mengadun dengan idea yang ada untuk mencapai titik persefahaman. Paling penting, apakah idea yang diketengahkan itu relevan dengan program yang dianjurkan kerana kita mahu memberikan yang terbaik kepada semua pihak yang terlibat,” katanya.

Rosnan juga mampu berbangga kerana kredibiliti dan kreativitinya terbukti menerusi penganjuran program berprestij seperti Festival Muzik Kuala Lumpur, Konsert Rohani, Konsert Hijau, Konsert World Music, Konsert Lelaki Ini - Anuar Zain dan terbaru, Konsert Seniman Negara Datuk Seri Dr Ahmad Nawab yang berlangsung dari 1 hingga 3 Julai lalu di Istana Budaya.

### CIPTA RUANG KERJA PENGGIAT SENI

Sebagai TKP Sektor Kebudayaan dan Kesenian, Rosnan tetap bersemangat meneruskan inisiatif menggerakkan aktiviti seni dan budaya meskipun berdepan cabaran selepas lebih dua tahun negara berdepan dengan pandemik Covid-19.

Antara inisiatif yang digerakkan adalah memperkenalkan platform JKKN TV yang memberi ruang kepada jabatan berkaitan untuk mempromosikan program yang telah dirancang dalam bentuk rakaman visual.

Bersiaran tiga kali seminggu, Rosnan berkata, ia menjadi tanggungjawab mereka untuk meneruskan aktiviti seni dan budaya, di samping mencari peluang mencipta ruang kerja kepada penggiat seni yang turut terkesan de-

ngan penularan pandemik Covid-19.

“Program seperti ini susah untuk mendapat tempat di saluran televisyen kerana mereka tidak berminat untuk tayang. Jadi, kami perlu melakukan sesuatu dan tidak boleh hanya berdiam diri kerana penggiat seni juga perlu keluar untuk mencari makan.

“Ketika penularan Covid-19, kami menggerakkan aktiviti Seni Dalam Talian dengan menganjurkan program seperti teater, webinar, monolog dan program mencipta lagu raya. Sambutan diberikan di luar jangkaan.

“Jika kita hanya melihat pada kekurangan, kita akan biarkan diri terkongkong. Kita perlu kreatif mencipta peluang dan ruang untuk pengkarya, tidak boleh hanya duduk menunggu kerja datang.

“Dalam hal ini, JKKN cuba memberi pancing dan umpan, tetapi pengkarya perlu berusaha mendapatkan ikan. Menerusi program terbaru seperti Citrawarna, Pesta Angin Timur dan Konsert Sape, JKKN dapat menyumbangkan sesuatu kepada pembangunan seni dan budaya, sekali gus membantu menaikkan ekonomi penggiat seni kita,” katanya.



Rosnan (tengah) ketika mengarah pementasan Bangsawan Sinbad Dendam Ratu Kala pada tahun 2014.



## INSENTIF JKKN SEMARAK INDUSTRI

**DALAM** mendepani arus kemodenan dan perkembangan teknologi, seni serta budaya tetap menjadi keutamaan negara sekaligus diangkat sebagai elemen mampan dalam membangun jati diri modal insan.

Melihat kepada kepentingan seni budaya tanah air, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) menerusi Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) menggalakkan pelaksanaan aktiviti yang menyemarakkan lagi rasa cinta terhadap akar umbi budaya.

Bukan sekadar menggalakkan penggiat dan pertubuhan seni bukan kerajaan (NGO) aktif berkarya dengan menyediakan pelbagai platform sokongan, JKKN turut menawarkan Insentif Seni kepada mereka yang layak dan menepati syarat.

Pengarah Bahagian Pengukuhan Seni Budaya JKKN, Marina Abu Bakar, memaklumkan sejak diperkenalkan pada 2019, insentif kewangan dengan nilai maksimum RM15,000 telah memberi manfaat kepada hampir 200 pemohon



Marina Abu Bakar

**“Sebenarnya jawatankuasa penilai sangat terbuka dalam sesi saringan bagi memilih siapa yang layak untuk meraih insentif kewangan ini kerana mahu lebih ramai terima manfaat.”**

yang menepati syarat membabitkan nilai sebanyak RM1.67 juta bagi tempoh empat tahun ini.

Katanya, Insentif Seni JKKN adalah penjenamaan semula beberapa bentuk bantuan dan perkhidmatan sedia ada di bawah kepada NGO seni budaya dan penggiat seni budaya bagi menambah upaya mereka untuk melaksanakan program.

“Sebelum ini JKKN sudah menyediakan pelbagai ruang dan kaedah dalam

menggalakkan pembangunan seni budaya namun bermula 2019, sistem tersebut diperkemaskan dalam Insentif Seni menerusi pemberian empat keperluan utama bagi sesebuah projek seni.

“Paling utama adalah sokongan kewangan menerusi Insentif Seni Kewangan dengan kadar maksimum sebanyak RM15,000 tetapi setiap pemohon akan menerima jumlah berbeza bergantung kepada keperluan.

“Dalam setahun dana diberikan adalah sekitar RM300,000, namun jika ramai pemohon yang layak, kami usaha menambahkan jumlah insentif bagi membolehkan lebih ramai penggiat serta



Insentif Seni JKKN galakkan pembangunan seni budaya.

persatuan mendapat manfaatnya.

“Daripada data terdahulu iaitu pada 2019, 121 permohonan diterima tetapi selepas tapisan, kelulusan diberikan kepada 64 permohonan sahaja. Disebabkan ramai layak, jumlah insentif berkenaan dinaikkan sehingga RM420,000.

“Tahun ini pula menyaksikan pertambahan permohonan selepas industri seni dapat bernafas semula berikutan kekangan pandemik yang memberi kesan terhadap industri seni khususnya persembahan terbuka.

“Januari hingga Julai 2022 menyaksikan 80 permohonan, manakala yang diluluskan adalah 54 permohonan dengan nilai RM559,000. Apabila penggiat dapat kembali bekerja, kami beri rangsangan untuk mereka menggerakkan aktiviti dengan menambahkan insentif supaya lebih banyak program dapat diadakan,” katanya.

### TIGA SESI SETAHUN

Menurut Marina lagi, kebiasaannya permohonan dibuka tiga kali setahun, namun untuk 2022 ia hanya ditawarkan sebanyak dua kali yang digerakkan antara Januari hingga Julai lalu.

“Sebenarnya jawatankuasa penilai sangat terbuka dalam sesi saringan bagi memilih siapa yang layak untuk meraih insentif kewangan ini kerana mahu lebih ramai terima manfaat. Malah andai sesebuah program kesenian itu meninggalkan impak, besar kemungkinan kesi-

**“2022 menyaksikan pertambahan permohonan selepas industri seni bernafas semula berikutan kekangan pandemik.”**

nambungan projek dapat diteruskan untuk masa akan datang dengan membuat permohonan baru.

“Mana-mana pihak yang terlepas tarikh permohonan atau sebelum ini permohonan tidak diluluskan, pihak tersebut masih boleh membuat permohonan semula untuk tahun depan,” katanya.

### GALAK PENGGIAT MOHON INSENTIF

Marina menjelaskan selagi memenuhi syarat kelayakan, tiada sebab permohonan tidak diluluskan apatah lagi bagi NGO, pusat pengajian tinggi awam dan yayasan seni yang aktif di peringkat negeri kerana JKKN negeri menjadi sumber rujukan untuk kelayakan.

Tambahnya, JKKN negeri antara badan pemantau terdekat yang bertanggungjawab sebagai rujukan untuk melihat sama ada pemohon serius serta aktif dalam pembangunan dan perkembangan seni budaya.

“Jalinan antara JKKN pusat dan negeri sangat kuat kerana setiap negeri mempunyai ramai pemain industri yang aktif, namun ia hanya dapat disahkan oleh JKKN negeri masing-masing. Sebab itu pentingnya pengumpulan data mem-

**“Mereka kena faham, semua insentif yang diberikan akan melalui proses audit. Jika tidak, bagaimana kita dapat memastikan wang disalurkan digunakan dengan sebaiknya.”**

babitkan NGO, pertubuhan seni serta universiti awam sebagai pemudahcara untuk penyaluran insentif sebegini.

“JKKN sendiri sentiasa mengemaskini laman sesawang yang memuatkan sebarang perkembangan terkini memabitakan acara, pengumuman, jawatan kosong, jadual persembahan, promosi dan sebagainya.

“Inilah pentingnya untuk mendapatkan maklumat tepat kerana selain cara mengisi borang permohonan, kaedah menulis laporan sesudah acara disempurnakan bagi mendapatkan baki insentif sebanyak 10 peratus lagi turut disediakan di laman web kami.

“Jadi tiada alasan untuk tidak melengkapkan borang sekaligus terlepas kelayakan mendapatkan wang tersebut. Pernah kita dapat aduan yang mengatakakan proses ini renyah, hakikatnya semua info serta cara permohonan sudah tersedia.

“Mereka kena faham, semua insentif yang diberikan akan melalui proses audit. Jika tidak, bagaimana kita dapat memastikan wang disalurkan digunakan dengan sebaiknya,” katanya yang turut memaklumkan semua pemohon wajib mendaftar sebagai NGO seni.

Antara syarat lain adalah NGO seni budaya mesti berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan Malaysia (ROS) mengikut Akta Pendaftaran Pertubuhan 1966; manakala pusat pengajian tinggi awam boleh memohon melalui Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (MAKUM).

Yayasan berkaitan seni budaya yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan bukan bersifat keuntungan boleh dipertimbangkan permohonannya dengan menyertakan dokumen tambahan.

Sementara itu, Marina juga menyatakan tiga saluran sokongan lain bagi memaparkan lagi seni budaya ialah Insentif Seni Ruang, Insentif Seni Kepakaran serta Insentif Seni Promosi.

## NILAI TAMBAH

Kesemua nilai tambah yang ditawarkan JKKN sebagai penggalak kepada pembangunan kandungan tempatan dan produk seni budaya terutama dalam penghasilan karya dan produk seni yang mempunyai kos rendah, tetapi berimpak tinggi.

“Semua insentif ini dijana bagi membangunkan bakat dan meningkatkan kemahiran dalam bidang sasaran malah di bawah Insentif Seni Ruang, Kompleks JKKN di setiap negeri dijadikan pusat sehati program dan aktiviti yang dirancang.

“Pada masa sama JKKN turut ditunjangi ramai pakar di setiap cabang dan mereka dapat berkongsi ilmu mahu pun kepakaran dalam merealisasikan sesuatu program.

“Insentif Seni Kepakaran ini tidak terhad kepada pementasan teater atau persembahan pentas lain, malah turut meliputi bengkel, kelas tarian, pembikinan buku, kongsi khidmat nasihat dan sebagainya.

“Menerusi Insentif Seni Promosi pula, JKKN bertindak sebagai jentera hebahan terutama di laman sosial bagi tujuan makluman selain meningkatkan kefahaman dan penghayatan masyarakat.

“Apapun keutamaan bagi pertimbangan kelulusan adalah bagi program atau aktiviti seni budaya yang mengangakat seni, budaya dan warisan Malaysia,” kongsi.

Ulas figura berpengalaman luas itu lagi, skop aktiviti seni budaya yang dipertimbangkan untuk bantuan memabitakan Pembangunan Kandungan; Pembangunan Kapasiti dan Sidang Keilmuan serta Penyelidikan dan Pembangunan Seni Budaya.

Selain itu, Pembangunan Modal Insan Seni juga berada di senarai teratas yang mendapat keutamaan dalam memartabatkan bidang ini ke tahap lebih tinggi.



# BAFTI HERA ULANG ALIK 280KM SEHARI

**TIDAK** penatkah berulang alik dari Melaka ke Kuala Lumpur setiap hari? Itu pertanyaan biasa mereka yang baharu mengenali pereka di Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), Baffi Hera Abu Bakar andai mengetahui dia menggunakan pengangkutan awam untuk ke tempat kerja di ibu negara.

Bayangkan lelah wanita yang menetap di Ayer Keroh, Melaka ini berada di dalam perut bas dan kemudian perlu bertukar kepada tren pula untuk sampai di ibu pejabat JKKN di Maju Junction sebelum jam 7.30 pagi.

Membuatkan ramai lebih mengagumi semangat ibu kepada tiga cahaya mata itu adalah rutin melalui perjalanan sejauh kira-kira 140 kilometer untuk sehala itu sudah ditempuhi hampir 15 tahun.

"Inilah rutin saya sejak hampir lebih sedekad bergelar warga JKKN. Saya sendiri tidak menyangka dapat bertahan selama ini kerana kalau ikut hati, dulu memang terdetik rasa penat.

"Namun lama kelamaan sudah jadi perkara biasa, malah dalam tempoh ini saya bertemu dengan ramai kenalan baharu yang sekarang bertukar kepada rakan baik sebab setiap hari kami menaiki bas bersama-sama.

"Bohonglah kalau saya cakap tiada langsung rasa letih, cuma keadaan tersebut dapat dikurangkan dengan sokongan suami yang banyak membantu melunaskan kerja rumah serta menjaga anak-anak.



Baffi Hera bersama suami dan anak-anak.

“Dibandingkan ramai lagi rakan lain yang melalui rutin berulang alik ke tempat kerja berlainan negeri, saya agak bertuah kerana ada beberapa kawan saya menaiki bas dari Tangkak atau Muar, Johor,” katanya.

### KATA-KATA SEMANGAT SUAMI

Dedah beliau, sewaktu menerima surat tawaran kerja di JKKM sekitar 2006, beliau masih dalam pantang melahirkan anak sulung, namun terus gagahkan hati meninggalkan si kecil dijaga ibunya di Gemas, Negeri Sembilan bersama restu suami.

Katanya yang selesa disapa Hera, pada awalnya beliau menyewa bilik bersama rakan lain dan hampir dua bulan baharu terdetik mahu berulang alik selepas berbual dengan seorang kenalan baharu di stesen bas ketika mahu pulang ke Melaka.

“Siapa yang tidak sedih tinggalkan bayi yang masih menyusu badan. Ibu saya dan suami bagi kata-kata semangat sebab tahu peluang berkhidmat di JKKM dalam bahagian rekaan memang kerjaya pilihan saya.

“Jadi saya cekalkan diri dan tinggal menyewa bilik di Sentul. Walaupun balik Melaka setiap Jumaat, saya kerap menangis apabila terkenangkan anak dan suami. Sukar hidup berjauhan ketika kami

baharu mahu menikmati momen dengan si kecil.

“Begitupun, selepas bertemu seorang wanita yang maklumkan dia berulang alik setiap hari dari Melaka ke Kuala Lumpur, hati saya berbunga-bunga mahu berbincang dengan suami mengenai perkara itu.

“Dan hari ini selepas 15 tahun saya masih cecal berulang-alik melakukan rutin yang sama. Antara saya dan suami, masing-masing saling memberi sokongan. Tiada sesalan.

“Kalau memandu sendiri bukan tidak boleh, tetapi apabila menggunakan bas kita dapat berehat secukupnya ketika pergi dan balik kerja. Sampai di rumah saya masih dapat masak dan tengok kerja sekolah anak.

“Peluang melelapkan mata di sepanjang perjalanan pergi pula seumpama kita mengecas bateri sekali gus mendorong saya melakukan kerja dengan lebih padu di pejabat,” tambahnya.

### KEJAR BAS 5 PAGI

Berkongsi pula perihal jadual harian, katanya bagi memastikan dapat sampai tepat pada masanya, beliau akan mengambil bas paling awal iaitu pada jam 5 pagi supaya dapat tiba di pejabat sebelum 7.30 pagi.

Katanya, dia masih sempat menyediakan sejenis dua lauk untuk makan tengah hari anak-anak yang boleh dipanaskan semula usai mereka pulang dari sekolah.

“Saya akan bangun jam 4 pagi untuk masak lauk ringkas dan kemudian bersiap-siap. Apabila melakukan rutin sama sejak dulu dan dibantu suami dan anak-anak yang semakin membesar, setiap tugas jadi mudah.

“Anak-anak sulung sudah cecah 16 tahun, dia pun banyak membantu meringankan kerja rumah, malah dua lagi adiknya yang sudah bersekolah rendah pun pandai berdikari sejak kecil.

“Syukur saya mempunyai sistem sokongan yang kuat termasuk ibu saya dan keluarga sebelah mentua. Tidak terkecuali ketua jabatan serta teman seperjuangan lain di JKKN yang sangat memahami.

“Jika dihitung, perjalanan pergi dan balik

dari kediaman saya di Ayer Keroh dengan pejabat di Jalan Tunku Abdul Rahman membabitkan jarak 280 kilometer dengan tempoh melebihi dua jam perjalanan kalau tiada kesesakan.

“Jika saya keluar sebaik waktu bekerja saya tamat iaitu selepas jam 4.30 petang dan tiada kesesakan dalam perjalanan atau tertinggal bas, saya boleh tiba di rumah menjelang Maghrib,” katanya.

### RUTIN ULANG ALIK BAGI HIKMAH

Berkongsi mengenai alasan tidak berpindah ke Kuala Lumpur, kata wanita asal Gemas itu, mereka suami isteri sepakat sudah selesa tinggal berhampiran kediaman keluarga masing-masing.

“Suami saya seorang guru di sebuah sekolah menengah di Melaka. Memang ada yang bertanya kenapa tidak minta suami berpindah saja ikut saya ke Kuala Lumpur.

“Sebenarnya dulu lagi kami sudah berbincang dan mengambil kira pelbagai faktor. Saya melihat semua ini mempunyai hikmah tersendiri buat kami sekeluarga.

“Bagi saya seperti ibu dan isteri lain yang berjaya, mereka juga berdepan cabaran. Cuma berbeza daripada saya, tetapi masing-masing punya cara tersendiri untuk mengalah cabaran kepada sesuatu yang positif.

“Ramai lagi yang melaksanakan rutin ke tempat kerja yang jauh dan pada masa mampu menunaikan tanggungjawab terhadap keluarga.

“Dalam konteks kami sekeluarga, apabila hari biasa kami sibuk dengan tugas, manakala anak-anak pula dengan sekolah dan aktiviti sampingan, hujung minggu atau cuti umum kami penuh waktu bersama-sama,” tambahnya.

Katanya, sokongan paling jitu tentu saja membabitkan semua di agensi yang memayunginya termasuk bekas Ketua Pengarah JKKN, Tan Sri Norliza Rofli.



Jarak perjalanan yang jauh tidak merendahkan semangat Baffi untuk terus berbakti.



Rakan-rakan sekerja sentiasa saling menyokong.

Hera, 39, mengimbas pengalaman lalu mengakui detik paling sukar ketika perlu banyak berjalan untuk 'mengejar' bas atau ke stesen keretapi ketika bekerja di JKKN berhampiran Jalan Dato Onn.

Ketika itu beliau yang sarat hamil anak kedua mengalami kekejangan otot di pejabat sehingga mereka menghubungi ambulans dan dimasukkan ke hospital serta-merta.

"Tempoh hamil memberi cabaran berganda terutama apabila kena banyak berjalan. Dari segi mental dan fizikal saya nampak kuat, tetapi badan pula tidak dapat bertahan.

"Doktor maklumkan saya perlu rehat secukupnya. Syukur sangat apabila kita dikelilingi kawan sepejabat dan bos yang sangat bertimbang rasa.

"Sewaktu kehamilan memasuki *trimester* akhir, pihak atasan memberikan pelepasan kepada saya untuk bekerja di JKKN Melaka hingga melahirkan.

"Syukur, sepanjang tempoh 15 tahun berkhidmat di sini, sudah empat kali saya menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang," kongsi wanita peramah itu.

Berkongsi lagi mengenai situasi sukar tersebut, kemuncak beliau nekad menyerahkan surat berhenti adalah ketika

sakit dihadapi semakin teruk hingga perlu berkampung di hospital dalam tempoh tertentu.

### NYARIS BERHENTI KERJA

Malah dia terpaksa menggunakan kesemua cuti sakit pada tahun tersebut yang membuatnya terfikir untuk melepaskan kerjaya disayangnya itu.

Begitupun pihak atasan menolak permohonan beliau, sebaliknya memberikan tempoh untuknya mendapatkan rawatan secukup serta mempertimbangkan kaedah bagi memudahkannya.

"Sakit pada tulang belakang ini sudah agak lama iaitu sejak peristiwa kekejangan hingga saya dimasukkan ke hospital dulu agak kronik. Alhamdulillah, keadaan saya tidak kronik seperti dulu.

"Apapun macam yang saya maklumkan, keluarga besar di JKKN banyak membantu malah kerana sokongan merekalah yang membuatkan saya mampu melaksanakan tugas dengan sebaiknya," ujarnya.

Luah Hera, pengalaman yang dilalui dirasakan sangat berharga. Bukan sekadar membuatnya menghargai setiap momen bersama insan tercinta, malah menikmati detik di JKKN dengan sepuh rasa teruja.

# MAJLIS كونه و كيشين KONVOKESYEN BADAN PENERAJU INDUSTRI SENI BUDAYA 2022

DEWAN SANGGAR PUJANGGA,  
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA  
23 JUN 2022 | 9.30 Pagi - 12.00 Tengah Hari

Disempurnakan Oleh:

DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI  
Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya



## ILB MENERAJU INDUSTRI SENI

**BUAT** julung kalinya, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) melaksanakan Majlis Konvokesyen Badan Peneraju Industri (Industry Lead Body - ILB) Seni Budaya 2022 bagi memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada 333 penggiat seni budaya berkemahiran yang diadakan pada 23 Jun lalu bertempat di Dewan Sanggar Pujangga, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), Putrajaya.

Dalam majlis penganugerahan yang disempurnakan oleh Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Dato Sri Hajah Nancy Shukri ini, 333 penggiat seni budaya adalah daripada bidang tari, teater, muzik dan pengurusan pentas.

Menurut Pegawai Kebudayaan JKKN, Amirulazam Ibrahim, JKKN dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) berkolaborasi bagi memastikan penggiat seni budaya menerima pengiktirafan kompetensi sebagai pekerja berasaskan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

"Daripada 333 penerima, 277 penggiat dipilih berdasarkan pencapaian melalui

**"ILB Seni Budaya bertanggungjawab terhadap 20 NOSS bidang seni budaya iaitu empat NOSS Tarian Tradisional, tiga NOSS Teater, sembilan NOSS Muzik dan empat NOSS Pengurusan Pentas."**

Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) yang melibatkan Tarian Tradisional (142 orang), Teater (41 orang), Muzik (54 orang) dan Pengurusan Pentas (40 orang). Manakala selebihnya iaitu 56 lagi dipilih berdasarkan pencapaian melalui Pusat Bertauliah Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) JKKN yang membabitkan 38 Perantis GENIUS Seni Tari bagi Tarian Tradisional dan 18 Perantis GENIUS Seni Koir untuk Nyanyian," kata Amirulazam.

Majlis bersejarah itu turut dihadiri oleh Ketua Setiausaha MOTAC, Datuk Hajah Saraya Arbi; Ketua Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Tuan Haji Mesran Mohd Yusop; Setiausaha Bahagian Dasar Kebudayaan MOTAC, Dr. Tan Awang Besar dan Penga-



Panel ILB mencari yang terbaik demi tanggungjawab terhadap seni budaya.

rah Bahagian Hubungan Industri dan Kerjasama Strategik JPK, Puan Faizah Harun.

### LIMA AKTIVITI UTAMA

Amirulazam berkata, JKKN dilantik oleh JPK di bawah Kementerian Sumber Manusia pada tahun 2018 sebagai Badan Peneraju Industri bidang seni budaya yang bertindak sebagai organisasi pemacu sesebuah sektor industri yang dilantik bagi melaksanakan fungsi-fungsi mengikut keperluan JPK dalam memperkasakan bidang kemahiran.

“Sebanyak 36 ILB telah dilantik oleh JPK merangkumi pelbagai sektor melibatkan agensi kerajaan, badan berkanun, swasta dan badan bukan kerajaan, di mana empat bidang utama di bawah JKKN diberi fokus seperti tari, teater, muzik dan pengurusan pentas.

“Sebagai Badan Peneraju Industri Seni Budaya, lima aktiviti utama JKKN adalah Pembangunan *Occupational Framework (OF)* berdasarkan *Malaysian Standard Industrial Classification (MSIC)- Section R: Arts, Entertainment and Recreation* melalui Bengkel dan Sesi Libat Urus bersama 436 penggiat industri seni budaya pada tahun 2018 dan 2019.

“Aktiviti kedua pula, pembangunan serta kajian semula Dokumen *National Occupational Skills Standard (NOSS)* oleh JKKN seperti Nyanyian Tahap 3 (2019), Operasi Produksi Pentas Tahap 2 (2020), Penyelia-

**“JKKN juga menerbitkan buku Stage Management Standard Operating Procedure (S.O.P) bertujuan mewujudkan garis panduan standard pengurusan pentas untuk digunakan oleh industri.”**

an Produksi Pentas Tahap 3 (2020), Koordinasi Pentas Tahap 4 (2021) dan Pengurusan Pentas Tahap 5 (2021).

“ILB Seni Budaya bertanggungjawab terhadap 20 NOSS bidang seni budaya iaitu empat NOSS Tarian Tradisional, tiga NOSS Teater, sembilan NOSS Muzik dan empat NOSS Pengurusan Pentas,” katanya.

Aktiviti ketiga pula ialah Persijilan Kemahiran Malaysia Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (SKM-PPT) bidang tari, teater, muzik dan pengurusan pentas secara penilaian portfolio melalui bimbingan Pegawai Penilai lantikan JPK atau penilaian amali melalui kerjasama strategik bersama Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) sebagai Pusat Penilaian Amali bagi calon ILB Seni Budaya.

Keempat, Pusat Bertauliah Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) JKKN melibatkan Perantis GENIUS Seni Tari dan GENIUS Seni Koir termasuk pelaksanaan program

**“Menjadi harapan JKKN agar graduan mampu memberi nilai tambah kepada pembangunan seni budaya negara, mencipta kegemilangan dan penjana ekonomi.”**

secara dua situasi pembelajaran iaitu 70% latihan amali (prestasi), penglibatan persembahan dan 30% pembelajaran teori (pengetahuan) di pusat latihan.

“Manakala yang kelima ialah Promosi Latihan Kemahiran Seni Budaya bertujuan mendapatkan penyertaan Penggiat Seni Budaya bagi program Persijilan Kemahiran Malaysia Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (SKM-PPT) dan syarikat bagi program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) yang dilaksanakan melalui siri jelajah, promosi dalam talian dan bengkel pemahaman *standard* kemahiran,” katanya.

**LIBAT URUS**

Bagi kerjasama strategik pelaksanaan program, panel pakar, panel penilai serta data pelaksanaan program kemahiran seni budaya, JKKN turut menjalin kerjasama dan libat urus dengan pihak berkepentingan seperti ASWARA, Istana Budaya, universiti awam, pusat kebudayaan, syarikat seni, persatuan seni

budaya, Pusat SLDN dan Prasarana Seni Persembahan.

“JKKN juga menerbitkan buku Stage Management Standard Operating Procedure (S.O.P) bagi mewujudkan garis panduan *standard* pengurusan pentas untuk digunakan oleh industri,” katanya.

JKKN turut melantik tiga panel bidang seni budaya sebagai Ahli Jawatankuasa Teknikal Standard (JTS) bagi sesi 2020 hingga 2022, bertujuan melaksanakan sebahagian fungsi Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKK) yang diperuntukkan di bawah Seksyen 4(a) Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 (Akta 652) iaitu meluluskan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (National Occupational Skills Standard - NOSS).

Panel yang dilantik ialah Dekan Fakulti Pengurusan Seni dan Budaya ASWARA, Mejar (PA) Ts. Zulkifli Ab Rashid; Vocal Master GENIUS Seni Koir, Datuk Syafinaz Selamat dan aktivis teater, Puan Rosminah Mohd Tahir.

“Menjadi harapan JKKN sebagai Badan Peneraju Industri Seni Budaya agar graduan mampu memberi nilai tambah kepada pembangunan seni budaya negara, mencipta kegemilangan dan penjana ekonomi melalui kemahiran yang dimiliki serta memartabatkan seni budaya ke aras yang lebih tinggi,” katanya.



Pembangunan teknologi membuka ruang untuk perkembangan seni budaya tempatan.



Amran ketika menerima sijil penghargaan daripada Datuk Seri Nancy Shukri.

# SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA PENANDA ARAS PRODUSER

**SARANAN** mantan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Seri Nancy Shukri supaya penggiat seni budaya tempatan memperoleh Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) sebagai satu cara untuk mengiktiraf bakat dan kemahiran mereka disambut positif pelakon, pengarah dan aktivis teater berpengalaman, Amran Nasrudin.

Amran yang juga salah seorang penerima SKM pada Majlis Konvokesyen Badan Peneraju Seni Budaya di Putrajaya pada Jun lalu, menyifatkan pengiktirafan yang diberikan sebagai pemangkin dan pembakar semangat untuk terus berusaha menyemarakkan aktiviti seni serta budaya tempatan.

Beliau yang menerima pengiktirafan itu bersama anak seni lain, antaranya Mu-

**“Pengiktirafan JKKN ini secara tidak langsung membuka ruang untuk saya lebih dekat dengan mereka yang menyimpan aspirasi untuk menyambung legasi seni.”**

barak Majid, Datuk Syafinaz Selamat, Jaclyn Victor dan Misha Omar bertekad menyumbang kepakaran serta pengalamannya untuk dimanfaatkan penggiat seni budaya generasi muda.

“Saya berterima kasih kepada Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) atas inisiatif mereka mengiktiraf bakat dan sumbangan anak seni tempatan.



Amran berharap usaha JKK dan ILB diteruskan.

“Secara peribadi, saya berpendapat pengiktirafan ini sepatutnya sudah lama dianjurkan sebagai dorongan kepada penggiat seni untuk melipatgandakan usaha mereka dalam menyemarakkan seni budaya tempatan.

“Pada usia begini, tidak banyak yang mampu saya lakukan apatah lagi kudrat juga semakin terbatas untuk saya terus turun padang berkongsi ilmu dan pengetahuan. Namun dengan kepakaran dan pengalaman yang ada, saya akan berusaha untuk mencurahkan ilmu kepada insan seni yang memerlukan,” katanya.

Pelakon yang sinonim dengan drama *Arbaie Kembali Bujang* itu berkata, meskipun tidak lagi aktif di hadapan

kamera, beliau sering menerima undangan sebagai penasihat dan penceramah pada bengkel seni yang dianjurkan pelbagai pihak.

“Saya kini lebih aktif di balik tabir yang memberikan saya kepuasan tersendiri apabila dapat berkongsi pengalaman serta ilmu dengan mereka yang berminat untuk menceburi dan mendalami industri seni.

“Pengiktirafan JKK ini secara tidak langsung membuka ruang untuk saya lebih dekat dengan mereka yang menyimpan aspirasi untuk menyambung legasi seni.

“Saya berharap usaha yang dicetuskan ini tidak hanya terhenti di sini, sebaliknya perlu ada kesinambungan, terutama dengan memberi pengiktirafan kepada insan seni yang sudah lama berkecimpung kerana jasa mereka terlalu besar,” katanya.

### **YAKINKAN PEMAIN INDUSTRI**

Amran berkata, kerjaya sebagai pelakon dan pengarah membawanya ke seluruh pelosok negara, seterusnya membuka ruang untuk beliau mendekati masyarakat secara langsung. Pertemuan itu katanya, membuka peluang untuk berkongsi ilmu seterusnya memupuk minat masyarakat untuk lebih memahami serta mendalami seni dan budaya.

“Dengan pengiktirafan dan sijil yang diberikan ini, ia meyakinkan mereka yang berada di luar industri supaya berani meneroka peluang baharu dan memperluaskan bakat yang mungkin selama ini terpendam begitu sahaja.

“Malah, pengiktirafan JKK ini juga sewajarnya menjadi penanda aras kepada produser dalam pemilihan barisan pelakon kerana mereka yang terpilih terdiri daripada insan seni yang berilmu, mempunyai pengalaman, berkaliber dan profesional.

“Mungkin untuk melihat perubahan dalam industri seni mengambil sedikit masa, tetapi ia sebenarnya memberi peluang kepada produser untuk menilai bakat sedia ada, seterusnya memberi mereka ruang untuk terus mengasah kemampuan.

“Sudah tiba masanya penggiat seni mencari formula dan pendekatan baha-

ru supaya mereka yang berbakat besar dihargai serta tidak dipinggirkan disebabkan produser hanya melihat pada pelakon yang mempunyai nilai komersial, sedangkan kemampuan sebenar mereka masih diragui,” katanya.

### LALUI UJI BAKAT YANG KETAT

Amran tidak menafikan, industri mempunyai ramai pelakon yang hebat, berbakat besar dan mempunyai potensi untuk terus menyinar. Namun katanya, tidak semua pelakon yang popular itu memahami falsafah dunia lakonan.

Situasi itu katanya, membuatkan persembahan mereka di skrin televisyen dan layar perak hambar serta tiada jiwa sedangkan mereka mampu memberikan mutu lakonan yang jauh lebih berkesan sekiranya menuntut ilmu.

“Di sini, tenaga berpengalaman seperti kami diperlukan. Kebanyakan pelakon senior bermula di pentas teater, di mana kami diajar untuk memahami ideologi, falsafah lakonan, karakter dan penguapan dialog.

“Kami juga terpaksa melalui sesi uji bakat yang ketat sebelum diberi kepercayaan untuk beraksi di pentas teater dan skrin televisyen. Tetapi, situasi itu sudah jauh berbeza sekarang.

“Kebanyakan penerbit seperti menidakkan potensi pelakon berbakat hanya kerana mereka tidak mempunyai nilai komersial, sebaliknya mengutamakan pelakon berdasarkan paras rupa dan jumlah pengikut di media sosial.

“Penonton sekarang semakin matang

dan mereka tidak mahu melihat pelakon yang kacak atau cantik semata-mata. Mereka mahu melihat karya seni yang mempunyai jiwa dan pengisian lakonan tidak kosong.

“Apabila berlaku kecenderungan seperti ini, sukar untuk pelakon yang mempunyai bakat sejati ke depan dan ini merugikan industri seni,” katanya.

### JANGAN BIAR DIPERKOTAK-KATIKKAN

Amran juga mengingatkan penggiat seni supaya mengenali dan mempertahankan nilai bakat mereka supaya tidak sewenang-wenangnya diperkotak-katik oleh segelintir pihak yang cuma mahu mengambil kesempatan.

Disebabkan tidak mempunyai jumlah pengikut yang ramai di media sosial, ada antara anak seni berbakat terpaksa menerima tawaran yang tidak setimpal dengan tenaga yang dicurahkan.

“Daripada melakukan kerja separuh hati, lebih baik tolak sahaja tawaran itu. Kita mahu bekerja dalam suasana gembira dan semua pihak berpuas hati, tetapi itulah realiti yang berlaku, terutama kepada pelakon senior apabila bakat dan pengalaman mereka adakalanya tidak dipandang penerbit.

“Kami tidak meminta diberikan layanan istimewa, tetapi hargai kerja keras kami selama ini dengan memberikan ganjaran yang setimpal. Setiap pelakon ada nilainya dan jangan rendahkan kredibiliti mereka yang telah berhempas-pulas memartabatkan industri seni hanya kerana mereka tidak lagi berada dalam senarai popular,” katanya.



Amran mahu penggiat seni pertahankan bakat mereka.

# SYAFINAZ SELAMAT TAMBAH BAIK SILIBUS

**KREDIBILITI** Datuk Syafinaz Selamat dalam industri seni suara dan pendidikan tanah air sememangnya meletakkan figura dihormati ini pada tahap tersendiri. Hampir seumur hidup berkongsi kecintaan terhadap muzik, penyanyi bervokal soprano itu menumpahkan kecintaannya dengan menurunkan ilmu dan pengalaman selaku pensyarah, konduktor koir, pengarah muzik serta *vocal master*.

Kerap diminta menduduki kerusi juri untuk aneka program televisyen mahu pun pertandingan, secara tidak langsung membuktikan pengiktirafan industri hiburan tempatan kepadanya. Begitupun, pada masa sama Syafinaz yang sentiasa merendah diri mengakui tidak pernah berpuas hati dengan pencapaian diraih, sebaliknya sentiasa dahaga untuk menambah ilmu.

“Tidak kira setinggi mana pun kita belajar, ia tidak akan pernah cukup kerana skop pengetahuan itu terlalu meluas. Belajar itu sendiri suatu perkara subjektif dan kita perlu lapangkan masa untuk menggali ilmu.

“Dalam kehidupan dan kerjaya, saya termasuk dalam kategori individu yang suka menaik taraf pengetahuan serta pengalaman yang ada menerusi kaedah berguru dengan orang lain. Saya suka sertai kelas secara dalam talian dan dengan adanya teknologi sedia ada yang membolehkan kita menyertai kelas dalam talian hingga ke luar negara.

“Sepanjang fasa pandemik dua tahun lalu, saya ambil peluang mendaftar untuk pengajian jarak jauh secara *online*. Jadi hakikatnya tiada alasan kalau kita memang serius,” katanya.



Datuk Syafinaz Selamat bersama pihak ILB dalam proses penambahbaikan silibus.

**“Bukan membuat pertukaran, sebaliknya lebih kepada penambahbaikan supaya silibus baharu yang diperkenalkan itu dapat menepati keperluan mahu pun situasi semasa.”**

Tidak hairan anak seni yang sebelum ini kerap dipilih membawa nama negara di pentas nyanyian antarabangsa turut meraih kepercayaan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) dalam mempertingkatkan silibus untuk pengajian seni nyanyian dan muzik.

Bersama rakan seperjuangan Misha Omar dan Jaclyn Victor serta panel lain, mereka sama-sama mencanai idea dalam menambah baik silibus program pengajian berkaitan nyanyian untuk digunakan di peringkat pengajian tinggi.

“Kami berasa terharu mendapat kepercayaan JKKN yang juga Badan Pengeraju Industri (Industry Lead Body - ILB) Seni Budaya yang dilantik Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) Kementerian Sumber Manusia untuk bersama dengan pakar lain memperincikan silibus bagi program tersebut.

“Bukan membuat pertukaran, sebaliknya lebih kepada penambahbaikan supaya silibus baharu yang diperkenalkan itu dapat menepati keperluan mahupun

situasi semasa. Sebelum ini mereka sudah ada modul, tetapi tidak mencapai piawaian sepatutnya. Gabungan idea serta penambahbaikan ini memantapkan lagi program yang boleh digunakan fakulti berkaitan.

“Usaha kementerian serta JKKN yang peka terhadap kepentingan pengisian untuk pembelajaran penuntut universiti mengikut modul lengkap dengan *standard* antarabangsa membuktikan kepentingan lapangan seni terhadap negara,” katanya lagi.

Atas sumbangan tersebut, Syafinaz turut menerima pengiktirafan Sijil Kemahiran Malaysia Badan Pengeraju Seni Budaya pada Majlis Konvokesyen Badan Pengeraju Seni Budaya anjuran Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC).

### JANGAN LOKEK TINGKAT SKIL

Sijil berkenaan disampaikan mantan Menteri Pelancongan Seni dan Budaya, Dato’ Seri Nancy Shukri dalam majlis khas yang berlangsung di ibu pejabat MOTAC, di Putrajaya baru-baru ini.

Pada masa sama, penerima pingat emas di World Championships of Performing Arts (WCOPA) 1999 di Los Angeles, Amerika Syarikat itu sentiasa memberi galakan kepada rakan artis untuk mempertingkatkan ilmu demi kerjaya mereka.

Biar mempunyai rutin jadual padat, beliau juga tetap bersedia membimbing penyanyi lain yang ingin memantapkan vokal bersama teknik yang betul. Baginya, individu bergelar penyanyi tidak kira bakat baharu atau lebih berpengalaman sewajarnya rebut peluang kemajuan karier mereka dengan meningkatkan skil.

### PELABURAN DALAM KERJAYA

Malah katanya, andai mereka yang berada dalam sektor lain sanggup meluangkan masa dan memperuntukkan sejumlah wang demi mempertingkatkan skil diri, kenapa tidak penggiat seni.

“Pelaburan dalam kerjaya tidak terhad kepada mereka yang berada dalam lapangan hiburan sahaja kerana pekerja di sektor lain juga kita boleh nampak usaha penambahbaikan tersebut. Contohnya doktor, mereka menghadiri konvensyen berbayar selain menanggung perbelanjaan untuk penginapan, pener-

baikan dan kos lain sebagai pelaburan karier mereka.

“Begitu juga individu di lapangan lain seperti pensyarah, mereka menghadiri program yang dapat memantapkan lagi skil dan ilmu. Semua ini berbayar, bukan percuma tetapi hasilnya memang berbaloi.

“Bagi penyanyi pula, sudah pasti suara kita adalah aset untuk bisnes kita. Kalau kita buat bisnes tetapi kita tak nak melabur, macam mana kita mahu dapat pulangan. Jangan lokek pada diri sendiri. Kenalah laburkan wang untuk dapatkan skil kerana apalah sangat contohnya bayar satu jam dari RM100 hingga RM400 untuk kelas dan mereka buat persembahan setengah jam dapat beberapa ribu ringgit.

“Dengan berguru kita dapat belajar teknik yang betul malah ilmu berkenaan boleh dimanfaatkan sampai bila-bila,” ulasnya lagi yang menuntut ilmu vokal



Dua antara pelajar Datuk Syafinaz yang turut menerima pengiktirafan.

dengan Siti Chairani Proehoeman dan penyanyi opera Jerman, Heidrun Maria Hahn.

Dalam senario landskap hiburan tempatan, Syafinaz mengakui berbesar hati apabila semakin ramai penyanyi yang terbuka untuk mengikuti kelas vokal atau memantapkan aspek persembahan di bawah tunjuk ajar pakar.

**“Dengan berguru kita dapat belajar teknik yang betul malah ilmu berkenaan boleh dimanfaatkan sampai bila-bila.”**

Katanya, perkara tersebut menunjukkan sudah ramai peka terhadap kepentingan memberi nilai tambah kepada diri sendiri sekali gus menjadi contoh kepada penggiat seni lain.

“Memang sejak bertahun-tahun dulu saya telah membimbing ramai penyanyi lain, namun dari semasa ke semasa semakin ramai yang berbuat demikian, maksud saya ramai juga berguru dengan orang lain. Itu petanda sihat.

“Ini sebagai penunjuk yang bagus kerana ramai juga yang datang sebelum terbabit dengan sesuatu projek. Seperti vokalis Search, Amy yang buat konsert sebelum ini, beliau antara mereka yang sedia belajar.

“Begitu juga Misha Omar ketika buat *single* baharu gunakan khidmat saya. Hakikatnya ramai penggiat seperti mereka yang nampak kepentingan masuk kelas semula sebagai persediaan awal.

“Pada saya situasi semasa ini sebagai satu senario yang baik untuk industri kita. Sebelum ini mungkin ada dalam kalangan penyanyi yang beranggapan sudah dianugerahkan bakat semula jadi.

“Sedangkan sebenarnya mereka perlu tahu mengenai teknik pernafasan dan sebagainya untuk melancarkan nyanyian. Menyanyi bukan sekadar lontarkan suara, kena ada tona, perlukan jiwa.

“Lihat saja senario K-pop, kenapa penyanyi di sana peruntukkan masa berbebas jam sehari untuk sesi belajar? Industri boleh berkembang jika penggiatnya sedia mahu majukan diri,” katanya.



Datuk Syafinaz Selamat ajak anak seni berguru.



Sumber gambar: Instagram Misha Omar

# 'SAMPAI BILA MAHU BERADA DI POSISI SAMA?'

**POPULARITI** yang diraih bukanlah untuk dibanggakan, sebaliknya ia datang bersama tanggungjawab besar yang perlu digalas untuk memastikan industri seni dihormati dan dipandang tinggi oleh masyarakat.

Bagi penyanyi yang mencipta nama menerusi lagu Bunga-Bunga Cinta, Misha Omar, populariti tidak pernah sesekali meletakkan dirinya pada kedudukan selesa, malah perhatian yang diberikan ramai menjadi pemacu untuk beliau terus membuktikan kemampuannya.

Melewati dua dekad usia pembabitan dalam bidang seni, Misha, 40, berkata beliau melalui pelbagai fasa dalam perjalanan untuk memahat nama pada kedudukannya hari ini.

"Dalam industri hiburan, kita dapat melihat dua kelompok penggiat seni. Satu kelompok mempunyai kesedaran untuk terus memajukan diri dengan memanfaatkan segala platform yang ada untuk memanjangkan jangka hayat mereka dalam industri hiburan.

"Mereka sentiasa mencari peluang untuk memperbaiki diri dengan mencari ilmu, bahkan sentiasa mengambil tahu di mana dan dengan siapa mereka perlu bertemu untuk mengasah dan memantapkan lagi skil serta mutu persembahan.

"Satu lagi kelompok adalah mereka yang selesa dengan apa yang dikecapi hari ini. Mereka membiarkan diri leka diulit keseronokan sehingga lupa, penggiat seni datang bersilih ganti. Mereka kena ingat, sekali tergelincir, tidak mudah untuk kita bangkit semula," katanya.

Bagaimanapun kata anak kelahiran Kelantan itu, desakan untuk menambah ilmu pasti akan datang apabila insan seni itu meniti fasa kematangan, di samping memahami peri penting serta kelebihan menjadi anak seni yang berilmu.

"Untuk bertahan lama dalam industri

**"Melayari hidup sebagai anak seni umpama kita menjalankan perniagaan yang pastinya membentangkan pelbagai risiko jika tidak diiringi dengan strategi dan setiap apa juga masalah perlu ditangani dengan matang."**

hiburan, ilmu pengetahuan sangat penting. Berurusan dalam hal-hal berkaitan tawaran kerja juga memerlukan kita mempunyai pengetahuan supaya tidak dipandang remeh dan diperlekehkan.

"Melayari hidup sebagai anak seni umpama kita menjalankan perniagaan yang pastinya membentangkan pelbagai risiko jika tidak diiringi dengan strategi dan setiap apa juga masalah perlu ditangani dengan matang," katanya.

Sehubungan itu, Misha yang juga antara penerima Sijil Kemahiran Malaysia, Badan Peneraju Seni Budaya anjuran Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) menghargai inisiatif yang dicetuskan pihak terbabit.

Baginya, pengiktirafan yang diberikan secara tidak langsung memberi lonjakan terhadap kerjaya seni, sekaligus membuktikan keprihatinan kerajaan terhadap usaha pengkarya dalam memartabatkan industri seni tempatan.

Katanya, sepanjang 20 tahun bergiat aktif sebagai anak seni, terlalu banyak duri dan cabaran yang dilaluinya, malah tidak semua jalan itu memberikannya pengakhiran yang manis.

Beliau juga pernah meniti jatuh bangun sebagai anak seni, namun perjalanan sukar itu tidak pernah membuatnya ber-



Misha hargai inisiatif JKKN menerusi ILB - Sumber gambar: <https://www.malaymail.com>

putus asa kerana Misha percaya, kejayaan tidak akan datang bergolek tanpa usaha dan paling utama, belajar daripada kesilapan.

“Saya sebenarnya teruja apabila diberi penghormatan untuk berkongsi pengalaman dan menjadi pemudah cara buat bakat baharu yang mencari peluang bertapak selesa dalam industri seni.

“Daripada apa yang saya lalui dulu, sama ada pahit atau manis, ia sebenarnya membuka jalan untuk saya lebih memahami dan belajar selok-belok membawa diri dalam industri. Menerusi pengalaman itu, lebih mudah untuk saya menjelaskan kepada mereka yang baru bertatih tentang cabaran dan rintangan apabila memilih bidang seni sebagai kerjaya,” katanya.

### TERUJA PENGIKTIRAFAN JKKN

Memuji dan menghargai inisiatif yang dilakukan JKKN itu, Misha berkata, pengiktirafan yang diterima mereka juga secara tidak langsung memberi pendedahan kepada orang awam dalam apa juga bidang pekerjaan yang diceburi, ilmu memainkan peranan yang sangat penting.

“Menjadi anak seni adalah satu bentuk

perniagaan dan kita sentiasa terdedah kepada risiko seperti ditipu promoter, bayaran tidak setimpal, malah dalam sesetengah situasi, hak sebagai pengkarya seni dinafikan.

“Banyak perkara perlu dititikberatkan, terutama dalam soal pengurusan kerjaya kerana tanpa pengurusan yang baik, sukar untuk karier seseorang anak seni itu berkembang,” katanya.

Sehubungan itu, kata Misha, beliau teruja apabila dipelawa penyanyi yang juga pensyarah vokal yang disegani ramai, Datuk Syafinaz Selamat bersama pengurusnya, Tunku Marina Tunku Datuk Zubir menyertai sesi lampias minda (*brainstorming*) dalam penyediaan satu modul khusus untuk pelapis penggiat seni.

“Sesi *brainstorming* itu disertai tidak hanya artis tetapi juga mereka yang terbabit secara langsung dalam industri hiburan. Pada sesi itu, kami berkongsi idea dan pengalaman dalam membentuk modul khas yang dapat dijadikan sebagai rujukan oleh pelapis industri hiburan.

“Modul itu mencakup setiap aspek yang bersangkutan-paut dengan kerjaya seni dan boleh dijadikan rujukan oleh pelapis

penggiat seni kerana mereka akan lebih memahami serta bersedia apabila mahu melangkah masuk dalam industri hiburan.

“Menerusi modul itu juga, mereka didekahkan dengan garis panduan bagaimana mahu berurusan dalam hal berkaitan kerjaya seni supaya tidak diperlekehkan,” katanya.

Misha berkata, modul itu menjadi permulaan langkah buat penggiat seni generasi akan datang untuk belajar supaya tidak ditindas dan diperkotak-katikan oleh segelintir pihak yang tidak bertanggungjawab serta hanya mahu mengaut keuntungan.

### AJAK SENIOR KONGSI PENGALAMAN

Misha juga mengalu-alukan pembabitan penggiat seni senior untuk berkongsi pengalaman dan membimbing bakat baharu yang masih mentah supaya lebih memahami selok-belok perjalanan dalam industri hiburan.

“Kita sudah melewati laluan yang agak panjang sebagai anak seni, untuk apa pengalaman itu disimpan tanpa dikongsi dengan mereka yang memerlukan. Saya terharu setiap kali diberi penghormatan untuk menjadi juri dalam program realiti yang mencungkil bakat baharu.

“Setiap kali diberi kesempatan untuk mengutarakan pendapat atau komen terhadap peserta, saya akan memanfaatkan peluang itu untuk berkongsi ilmu dan pengalaman yang saya lalui dalam bahasa mudah supaya mereka yang berada di luar turut memahami realiti sebenar industri hiburan.

“Saya juga perlukan lonjakan dalam kerjaya seni dan apa yang saya lakukan ini datang bersama tanggungjawab untuk dijadikan sebagai bekalan persediaan kepada generasi yang akan mewarisi industri seni.

“Saya juga sentiasa memberikan sokongan kepada bakat baharu yang berpotensi untuk ke depan. Saya sendiri pernah berada di tempat mereka, jadi kenapa tidak memberikan mereka sokongan yang sama seperti saya peroleh dahulu?” katanya.

Misha akur, anak seni mempunyai ego dalam mempertahankan prinsip dan identiti diri, namun katanya, kefahaman



Misha sentiasa belajar mantapkan karier. - Sumber gambar: Facebook

terhadap keperluan menuntut ilmu untuk terus menggali keupayaan akan membuatkan mereka merendah diri.

Katanya, proses itu menyedarkan seseorang anak seni diri mereka sebenarnya masih banyak kekurangan yang perlu diperbaiki dan apabila kesedaran itu hadir, mereka akan berusaha mencari ilmu untuk terus menyerlahkan potensi.

“Satu pesanan saya, jangan terlalu bersandar pada populariti dan nama semata-mata. Letak ke tepi perasaan ego itu kerana ia tidak akan membawa kita ke mana-mana. Sampai bila kita mahu seslesa berada pada posisi yang sama?”

“Sampai satu tahap, kita akan berdepan pertembungan dalam diri antara mempertahankan ego atau mahu terus berusaha memberikan yang lebih baik. Namun, apabila menyedari pentingnya ilmu, kita akan beralah.

“Proses pembelajaran anak seni tidak pernah selesai dan kita kena sedar, kita juga mempunyai peranan serta tanggungjawab bukan hanya kepada diri, tetapi juga industri. Jika mahu dihormati, usahalah mencari ilmu kerana kita tidak pernah sempurna,” katanya.

# MOTAC ANTARA TUNJANG UTAMA SENI BUDAYA



**TEMPOH** belasan tahun bergelar pejuang industri muzik membuatkan Jaclyn Victor sudah cukup memahami sepak terajang dalam arena serba mencabar ini. Akunya, minat atau personaliti menarik saja tidak mencukupi andai bukan disertakan kemampuan vokal serta semangat jitu agar perjalanan ke kemuncak berjalan tidak terhenti sekerat jalan.

Bagi kelompok anak seni, sokongan pihak berkaitan termasuk pengurusan, syarikat rakaman serta agensi kerajaan antara pemangkin untuk penggiat dan arena hiburan tempatan terus berkembang.

Katanya, selain Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) menjadi tunjang utama kepada perkembangan hiburan serta seni budaya negara.

Jaclyn yang selesa disapa Jac mengakui sepanjang tempoh karier, beliau teruja melihat transisi besar dilaksanakan semua agensi berkaitan terutama JKKN dalam memartabatkan seni budaya ke tahap tertinggi.

“Muzik, nyanyian, lakonan, persembahan pentas, tarian, adat resam, busana klasik, permainan tradisional dan sebagainya, saling berkait rapat, sekaligus menjadi harta berharga untuk warisan generasi akan datang.

“Jika tiada pihak seperti JKKN menjaga dan memastikan ia terus dapat dinikmati ramai termasuk orang luar, sudah pasti khazanah yang dibanggakan ini hanya statik tanpa sebarang penambahan.

“Bagi saya, seiring kepesatan teknologi masa kini dan perkembangan dunia maya, laman sosial juga antara pemangkin yang dapat dijadikan medium untuk memperkenalkan warisan budaya ini di mata luar.



Jac ditemubual media selepas menerima sijil pengiktirafan ILB.

“Pujian harus diberikan kepada agensi ini yang memanfaatkan laman sosial untuk berkongsi keindahan seni budaya kita malah banyak aktiviti kesenian di peringkat dasar turut meraih sokongan JKKN menerusi pemberian insentif.

“Walaupun bidang nyanyian bukan secara langsung membabitkan JKKN, penggiat seni suara dan hiburan masih berpeluang berada di pentas program dianjurkan agensi ini,” katanya.

### KEPERCAYAAN JKKN

Pada masa sama, pengalaman yang diraih sepanjang hampir dua dekad sebagai pejuang seni nyata turut dimanfaatkan bersama JKKN dalam berkongsi ilmu.

Bersama teman sealiran iaitu Datuk Syafinaz Selamat yang juga vokal master dan Misha Omar, mereka menggembeng idea menambah baik silibus program pendidikan institusi pengajian tinggi bagi kategori vokal.

Katanya, amanah daripada agensi terbabit yang memilih penggiat industri nyanyian untuk berada dalam panel bersama pakar lain sebagai satu penghormatan.

**“Bukan senang untuk senang, belasan tahun berjuang dalam industri ini membuat kita cekal dan matang dalam membuat sebarang pertimbangan, terutama berkaitan kerjaya.”**

“Sudah tentu saya berbesar hati dapat menyumbangkan sesuatu kepada golongan muda dengan membantu memperingkatkan silibus untuk pengajian seni nyanyian dan muzik.

“Jauh di sudut hati saya terharu mendapat kepercayaan JKKN yang juga Badan Peneraju Industri (Industry Lead Body - ILB) Seni Budaya yang dilantik Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) Kementerian Sumber Manusia.

“Perkongsian pengisian yang dilakukan sebelum fasa PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) itu diharap dapat memantapkan lagi silibus pengajian sedia ada.

“Modul memang sudah ada, namun penambahbaikan ini dapat memantapkan lagi program yang boleh digunakan fakulti berkaitan,” katanya lagi.

Sementara itu, mengimbas kenangan lalu, namanya terus mengingatkan penggemar muzik terhadap memori 'kelahiran' seorang bintang di pentas Malaysia Idol 2004. Umpama membawa pulang pingat emas di temasya Sukan Olimpik, kejayaan diraih Jac turut diraikan dengan penuh keterujaan hampir seluruh rakyat Malaysia.

Impak malam kemuncak pertandingan realiti popular tersebut membuatkan kelompok peminat wanita bervokal semakin bertambah. Malah lagu Gemilang gubahan Aubrey Suwito dan lirik Azmin Mudin, yang dialun sepenuh jiwa terus membuai rasa khalayak hingga kini.

Dari pentas tempatan, figura tinggi lampai itu mendominasi pula persada antarabangsa hanya dalam tempoh setahun memenangi pertandingan realiti tersebut.

### RAHSIA KEKAL MOMENTUM

Namun di sebalik kemanisan sudah pasti terselit dugaan serta cabaran, apatah lagi mahu mengekalkan momentum kerjaya. Penyanyi berusia 43 ini mengakui bakat dan semangat sahaja kurang mencukupi andai tidak disertai kerja keras.

"Bukan senang untuk senang. Saya bertuah dikelilingi keluarga yang kuat bagi sokongan, selain kata-kata semangat peminat muzik sejak dari dulu. Menang Malaysia Idol, kemudian diterima baik dan dapat bertahan dalam muzik arus perdana adalah sesuatu yang cukup istimewa.

"Belasan tahun berjuang dalam industri ini membuatkan kita cekal dan matang dalam membuat sebarang pertimbangan, terutama berkaitan kerjaya.

"Sebelum fasa PKP, saya banyak bawakan lagu kenegaraan seperti Demi Malaysia dan Aktif Negaraku. Apapun saya sentiasa menyanyi walau belum punya single baharu kerana mahu suara saya didengari, dan ingin terus bertahan menerusi usaha berterusan," katanya.

Tidak hairan, 18 tahun berlalu anak seni bersemangat jitu ini terus gagah melangkah dan sudah sebaris dengan nama besar lain di arena muzik tempatan. Aura ketika membawa nama negara di Festival Muzik Asia Shanghai 2005 yangenyaksikannya membawa pulang anuge-

**"Kita tidak perlu meniru orang lain dan serlahkan personaliti sendiri yang membolehkan orang ramai mengingati kelebihan kita, inilah saya sejak hari pertama saya bergelar penyanyi."**

rah emas menjadi lipatan sejarah.

Sejak itu Jac tidak menoleh lagi, satu persatu trofi kemenangan dibawa pulang termasuk Anugerah Industri Muzik (AIM), Anugerah Juara Lagu dan Anugerah Planet Muzik.

Pelbagai pentas gah juga sudah ditawan malah paling meraih tumpuan apabila beliau beraksi di acara penutup Sukan SEA 2017 hanya selepas seminggu melahirkan cahaya mata kedua.

### JADI DIRI SENDIRI

Sementara itu, luahnya faktor paling penting dalam memastikan kelangsungan perjuangan dalam dunia seni adalah mengekalkan *originality* atau keaslian.

"Kita tidak perlu meniru orang lain dan serlahkan personaliti sendiri yang membolehkan orang ramai mengingati kelebihan kita. Jadi inilah saya sejak hari pertama saya bergelar penyanyi dengan berbekalkan kemampuan vokal serta bakat sendiri, berbeza cuma kematangan.

"Apabila kita sudah nekad ingin menjadi penyanyi, cuba tampil dengan identiti sendiri. Jangan paksa diri untuk jadi idola kita kerana setiap penghibur itu berbeza auranya. Setiap individu juga berbeza, nasihat saya jangan takut untuk tunjukkan diri dan bakat sebenar kita," katanya.

Dalam kesibukan sebagai ibu kepada Jonah Joshiah Rivera, 7, dan Molly Marguerite Rivera, 5, beliau juga semakin selesa membahagikan masa dengan perniagaan.

Tidak pernah terbabit dalam bisnes, katanya pelawaan rakan untuk terbabit dalam pengurusan restoran dua tahun lalu dianggap sebagai pencetus kecintaan terhadap bidang baharu.

“Bagai cepat masa berlalu, dari kosong pengetahuan, saya kini rakan kongsi kepada dua restoran di Bangsar dan Kota Damansara. Saya belajar dari bawah mengenai pengurusan, pengendalian makanan dan sebagainya demi membangunkan perniagaan ini.

“Hakikatnya ini juga sebagai sebahagian daripada perancangan masa depan supaya kita mempunyai persediaan secukupnya berdepan situasi ekonomi semasa. Saya ambil peluang yang ada. Kiranya berbaloi usaha kami sepanjang tempoh dua tahun ini. Sejak itu saya terus fokus pada dua restoran ini,” tambahnya.

Dedah anak jati Kuala Lumpur itu, pembabitan dalam bisnes penyediaan makanan tersebut bermula ketika fasa PKP yang menyekat beberapa sektor termasuk persembahan langsung.

**“Jangan paksa diri untuk jadi idola kita kerana setiap penghibur itu berbeza auranya, nasihat saya jangan takut untuk tunjukkan diri dan bakat sebenar kita.”**

Kata Jac, seperti orang lain sedikit sebanyak serangan Covid-19 turut memberi impak terhadap kehidupan serta perjalanan kerjayanya. Apabila sahabat terdekat membuka ruang untuknya terabit dalam bisnes yang masih punya potensi, tanpa bertelagah beliau terus merebut peluang berkenaan.

“Semua orang bergelut untuk meneruskan hidup ketika Covid-19 melanda dunia, namun saya enggan duduk saja sebaliknya berfikir kena berbuat sesuatu untuk hidup. Sekarang saya harus membahagikan masa antara anak, nyanyian dan restoran, tetapi melihat perkembangan setiap satunya membuatkan saya cukup bangga.

“Biarpun mempunyai rakan kongsi, saya tidak boleh lepas tangan. Dalam seminggu saya akan ‘turun padang’ untuk beberapa hari. Tanggungjawab saya lebih kepada menjaga akaun dan pengurusan perniagaan yang membolehkan saya mempelajari banyak ilmu baharu,” katanya yang menjuarai *Gegar Vaganza* 2022.



Jac berbesar hati diajak membantu dalam pengajian seni nyanyian. - Sumber gambar: *Instagram Jaclyn\_Victor*



Penggunaan skrin LED bagi persembahan pentas kini lebih praktikal.

## TEKNOLOGI SEIRING PERSEMBAHAN SENI

**PENGUNAAN** teknologi di dalam bidang seni hiburan di Malaysia bukan perkara baru, malah telah dipraktikkan secara meluas dalam pelbagai bentuk persembahan atau pementasan termasuk teater, tarian, muzik dan filem sekaligus meletakkan negara kita di tahap membanggakan seiring dengan negara-negara maju.

Perkembangan ini diakui oleh Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Pembangunan Produk Seni Budaya, Suhaimi Abdul Rahim yang menyifatkan masyarakat dunia sudah jauh ke hadapan dengan kehidupan peradaban yang lebih moden, pemikiran yang kreatif dan inovatif.

“Oleh itu, sebagai usaha untuk menarik minat masyarakat untuk menghargai seni, para pengkarya atau penerbit dalam bidang hiburan akan memikirkan sesuatu yang lebih menarik dan lebih kreatif.

**“Merujuk kepada beberapa persembahan yang dipentaskan di Istana Budaya, penggunaan inovasi teknologi dalam persembahan teater sudah menjadi bualan khalayak ramai.**

“Begitu juga dengan perkembangan teknologi dalam dunia penerbitan filem, penyiaran dan seni persembahan pentas. Dalam masa kurang dari sedekad, kreativiti bekerja seseorang semakin berubah. Antaranya perubahan yang signifikan ialah peralihan daripada analog ke digital.

“Mengikut sejarah melalui Teori Evolusi dapat menerangkan pembangunan di dalam industri perfileman iaitu sebab utama bangkitnya wayang gambar

bergerak pada tahun 1890 ialah dengan terciptanya kinetoskop oleh Thomas Edison setahun sebelumnya.

“Bagaimanapun perubahan masa dengan teknologi yang canggih perkembangan dunia filem misalnya telah berubah dengan suntikan elemen baru seperti filem animasi dan mencipta satu fenomena dunia perfileman terutamanya yang berunsur sains fiksyen dan filem kanak-kanak,” kata Suhaimi.

## OPTIMUM KEUPAYAAN DIGITAL

Menurutnya lagi, corak persembahan seni pentas pada era 1990-an amat memberangsangkan kerana banyak kumpulan yang bergiat aktif mementaskan produksi. Namun pada masa itu bentuk dan teknik persembahan amat terhad hanya menggunakan satu set atau latar statik.

Berbeza hari ini katanya, keupayaan mengoptimumkan penggunaan teknologi digital dalam persembahan pentas menampakkan satu perubahan. Keperluan teknologi dalam persembahan seni pentas misalnya banyak membantu memudahkan proses sesebuah produksi teater.

“Teater di Malaysia hari ini semakin berkembang, seiring kelahiran ramai pengarah teater yang menerima pendidikan dan bijak menggunakan teknologi untuk persembahan mereka. Merujuk kepada beberapa persembahan yang dipentas-

kan di Istana Budaya, penggunaan inovasi teknologi dalam persembahan teater sudah menjadi perbualan khalayak ramai.

“Mereka sentiasa menantikan kemunculan elemen *spectacular* yang baharu hingga pelbagai pendekatan digunakan dalam persembahan di Istana Budaya sama ada tari, teater dan konsert. Ketiga-tiga bidang ini tidak boleh berdiri dengan sendirinya tanpa ada sokongan elemen teknologi bagi memantapkan persembahan tersebut.

“Pendekatan teknologi seperti pencahayaan, bunyi, kesan khas, visual dan pentas sangat berkait rapat antara satu dengan lain. Pengenalan penggunaan istilah *projection mapping*, *virtual reality* (VR), *argumented reality* (AR), *motion capture* dan hologram adalah teknik-teknik yang telah digunakan dalam persembahan pentas,” katanya.

Suhaimi berkata, tuntutan penonton untuk menyaksikan persembahan ber corak *spectacular* atau magis yang menggunakan elemen canggih dalam seni pementasan tidak dapat dinafikan lagi. Ia bagaikan trend dan daya tarikan persembahan seni pentas. Isu tentang tuntutan penonton dalam persembahan pentas juga berlaku di mana-mana sahaja dalam dunia seni pentas.

“Menurut Thomas (1997), cabaran semasa tenaga produksi adalah untuk menghasilkan persembahan yang me-



Pekerja belakang tabir perlu peka dengan perkembangan teknologi semasa.



Skrin hijau antara yang memudahkan sesebuah persembahan pentas.

ngikut kehendak semasa penonton, iaitu sebuah persembahan yang mempunyai unsur kekaguman sebagaimana yang ditonton di televisyen atau filem.

“Tuntutan kepada kecanggihan persembahan pentas juga menjadikan daya tarikan kerana penonton sangat teruja apabila melihat sesuatu berlainan dengan persembahan lain.

“Kepantasan teknologi digital pada ketika ini sangat memberi kesan kepada industri seni budaya. Perubahan teknologi masa kini telah memberi impak yang positif dalam dunia seni persembahan terutama pementasan sebuah produksi teater, semakin berkembangnya teknologi semakin mencabar daya pemikiran seseorang menjadi lebih kreatif dan ekspresi,” sambungnya.

### CABARAN PENGARAH ARTISTIK

Persembahan seni teater adalah sebahagian daripada penghayatan watak dan karakter namun dengan adanya teknologi dalam teater, menjadikan seni lakon itu tidak ketinggalan. Bagi Suhaimi, teater adalah seni yang berkembang berdasarkan zaman persembahan tea-

**“Tuntutan kepada kecanggihan persembahan pentas juga menjadikan daya tarikan penonton.”**

ter tradisional hinggalah ke era teater yang berbentuk muzikal dan moden.

Katanya, dahulu peranan pereka artistik begitu terhad kerana penggunaan lampu, audio, set dan prop sangat terbatas. Namun dengan adanya teknologi, peranan pengarah artistik sangat mencabar dengan kemasukan teknologi dalam sistem muzik, pencahayaan, bunyi, teknik holografik, *projection mapping* dan *motion capture* membantu dalam kreativiti seni persembahan pentas.

“Peranan teknologi dalam seni persembahan juga memudahkan proses persiapan awal terutama bidang muzik yang menggunakan teknologi analog dan digital. Misalnya seorang pengarah muzik memerlukan 10 jenis alat muzik dengan berlainan bunyi untuk mencipta lagu dalam persembahan, namun dengan adanya bantuan teknologi ini, lagu

**“Elemen ruang, cahaya, bentuk dan dimensi adalah untuk mewujudkan suatu kolaborasi antara visual dan audio sebagai sebuah karakter yang membantu membentuk keseluruhan persembahan.”**

dapat dihasilkan tanpa perlu kehadiran pemuzik bersama alat-alat muzik tersebut.

“Dalam hal ini, ia dapat mengurangkan kos produksi teater. Begitu juga peranan teknologi cahaya yang sangat membantu dalam penataan cahaya. Dahulu dikendalikan secara manual namun penata cahaya hanya perlu memasukkan data dalam sistem komputer dan menyimpannya mengikut keperluan warna, babak dan senario dalam persembahan tersebut,” terang Suhaimi.

#### **PEMIKIRAN DAN ESTETIKA**

Baginya, kemajuan teknologi turut memberi pengaruh terhadap teknik pementasan di mana ia dimanfaatkan untuk memberikan impak yang lebih mendalam kepada penonton terhadap persembahan berkenaan. Misalnya dengan penggunaan LED di belakang pentas sebagai *backdrop* (latar skrin) bagi menggantikan set pentas, sangat memberi kesan kerana senario yang dipaparkan lebih jelas dan penonton merasakan mereka benar-benar berada dalam situasi tersebut.

“Latar skrin di belakang pentas bagi menggambarkan apa yang bermain dalam fikiran watak dan melalui teknologi ini, mesej teater itu tidak dipaparkan secara langsung sebaliknya dalam bentuk simbolik.

“Kecanggihan peralatan teknikal haruslah digembleng dengan kemahiran artistik yang tinggi khususnya yang berkaitan dengan kemahiran sinografi bagi setiap persembahan produksi. Elemen ruang, cahaya, bentuk dan dimensi adalah untuk mewujudkan suatu kolaborasi antara visual dan audio sebagai sebuah karakter yang membantu membentuk keseluruhan persembahan.

“Pengolahan cahaya kepada bentuk ekspresi amat penting dalam memberi

tenaga untuk setiap bentuk dan pergerakan. Kesempatan penggunaan kelengkapan teknologi diaplikasikan supaya ruang pemandangan akan memberi kesan kepada edifikasi visual yang boleh membentuk interpretasi secara radikal.

“Pengolahan dibantu dengan sistem teknologi seperti kesan multi imej dan penataan cahaya secara digital dapat memberi kepuasan bersama di antara tenaga artistik dan penonton,” katanya. Menurutnya, konseptual pentas berkait rapat dengan kepercayaan, budaya, norma dan nilai yang membentuk sesebuah masyarakat. Sebuah pentas bukan semata-mata bermakna persembahan dan hiburan yang beraksi di ruangnya, tetapi segala unsur yang berkaitan dengan bidang kehidupan yang bertaut dengan pemikiran dan estetika.

Katanya, pentas bukan hanya sebuah bentuk tetapi sebuah makna di dalamnya kehidupan bergerak. Oleh itu dengan ada teknologi dalam persembahan seni pentas, segala yang diimpikan boleh dipindahkan melalui idea terus ke pentas.

“Kecanggihan teknologi dalam seni persembahan memudahkan urusan produksi menjayakan sesebuah produksi. Produksi tidak perlu membina set pentas yang terlalu besar, kerana dengan adanya set hanya perlu digantung pada *flying bar* dan boleh bergerak dengan hanya menekan butang sahaja,” katanya.

#### **Rujukan:**

Anwar Din. 2007. Asas Kebudayaan dan Kesenian Melayu. Bangi. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Arnheim, Rudolf, 1954. Art And Visual Perception: A Psychology Of The Creative Eye. Berkeley: University Of California Press.

Bay, Howard. 1974. Stage Design. New York. Drama Book Specialists.

Bellman, Willard F. 1977. Scenography and Stage Technology: An Introduction. New York: Harper and Row.

Thomas, Terry, 1997. Create your own stage sets. London. A&C Black (Publishers) Limited.

# DR KANIT SRIPAORAYA EKSPRESI ARTISTIK MENORA



“**HARI** sudah lewat malam semasa saya membonceng motosikal bapa saudara menuju ke kuil (Buddha). Dari jauh, terdengar bunyi gendang dipalu, mengiringi melodi oboe, iaitu serunai selatan Thai. Setibanya kami, penari Nora sudah memulainya dan tak dinafikan, saya terpesona,” kata Dr. Kanit Sripaoraya, mengimbu kali pertama menonton Menora.

Lantas, katanya beliau menyedari rupa-rupanya bunyi-bunyian yang didegari semasa dalam perjalanan tadi mengisyratkan kepada para audiens bahawa persembahan di kuil berdekatan rumah datuk dan neneknya yang terletak di daerah Chawang, Nakorn Si Thammarat, wilayah selatan Thailand itu bakal bermula.

Kala matanya dijamu langkah lemah gemalai penari Nora, sebagaimana Menora dikenali di selatan Thailand, ada semacam perasaan dialami. Jelasnya: “Bukan disebabkan ilmu Tok Nora, tetapi ekspresi artistik seperti lantunan vokal yang berlagu, keunikan pergerakan tariannya dan muzikal yang dipersembahkan.”

Menora sebenarnya bukanlah asing buat Dr Kanit yang juga pengkaji seni berkenaan dan kini Pensyarah Kanan di Fakulti Kreatif, Teknologi dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) di Bachok, Kelantan.

Biarpun beliau hanya berpeluang menghadiri persembahan Menora pertamanya setelah berada di sekolah menengah, seni yang dikaitkan dengan masyarakat selatan Thailand itu sememangnya diwarisi daripada kedua-dua ibu bapanya yang berasal dari Nakorn Si Thammarat.

### **PENGHORMATAN KEPADA MOYANG**

Dilahir dan dibesarkan di Bangkok mungkin membataskan pendedahan Dr Kanit terhadap Menora pada usia muda, ditambah dengan ketidakfasihannya dalam dialek selatan Thailand namun beliau masih memahami apa yang dituturkan.

Pada 2011, atas nasihat penyeliannya, Prof Dr Cholthira Stayawadhana, barulah beliau belajar mempersembahkan Nora menerusi didikan seorang pembuat kostum dari Wat Tha Kae, daerah kecil di wilayah Phatthalung.

**“Kalau melihat sudut budaya, Nora dianggap sebagai satu persembahan silang budaya, misalnya kostum bermanik yang menyerupai milik kumpulan etnik di Semenanjung Melayu.”**

Kini, Dr. Kanit yang sering mempersembahkan Menora, terbaru pada akhir Ogos lalu di Konsulat Diraja Thai di Kota Bharu, menjelaskan Nora adalah pertunjukan ritual yang diadakan dalam pelbagai acara.

“Pertama, sebagai klan keluarga pewaris yang mempercayai nenek moyang Nora. Ia dipersembahkan, sama ada sebagai penghormatan kepada nenek moyang, untuk menyembuhkan penyakit yang sukar diubati, atau bagi memperakui Tok Nora yang baharu.

“Kedua, sebagai persembahan untuk hiburan. Ini boleh dilihat di banyak majlis sosial, keagamaan atau budaya. Nora dipersembahkan secara meluas di seluruh wilayah selatan Thai, terutama di Nakorn Si Thammarat, Songkhla dan Phatthalung,” ceritanya.

Dua faktor utama, menurutnya yang mempengaruhi persembahan Nora, iaitu budaya dan kedua, kepercayaan.

“Kalau melihat sudut budaya, Nora dianggap sebagai satu persembahan silang budaya. Ini boleh dilihat menerusi komponen persembahan, misalnya kostum bermanik yang menyerupai milik kumpulan etnik di Semenanjung Melayu, instrumen muzikal dan lagu yang digunakan menunjukkan persamaan dengan tradisional Melayu.

“Juga *ensemble* Siam atau Thai lama, cerita yang dimainkan seperti Sang Thong (Anak Raja Gondang) yang turut dipersembahkan dalam persembahan Makyung. Ini menunjukkan interaksi budaya antara kumpulan etnik atau, ia mungkin menandakan perkongsian akar budaya yang terjalin antara nenek moyang kita dulu,” katanya.

Manakala Nora daripada sudut kepercayaan, menurutnya adalah berasaskan animistik nenek moyang yang memainkan peranan penting dalam persembahan Nora. Sejak tersebarnya Brahmanisme



Dr. Kanit ketika upacara ritual belajar tarian Nora dengan Mahaguru Nora, Nora Sommai Ananti di Wat Khok Samankun, Hatyai pada 2015.

Hindu, dan kemudiannya Buddhisme Theravada di Siam dan Thailand, amalnya menjadi struktur persembahan, terutama dalam komponen persembahan.

"Pembukaan acara ritual, misalnya menyaksikan Tok Nora menyeru semua roh Nora, para dewa Brahman Hindu untuk melindungi tempat ritual. Beliau akan mengamalkan ajaran Buddhisme, mengikuti doktrin Buddhisme dan menggunakan ayat-ayat suci Buddhisme sebagai mantra bagi mengendalikan ritual.

"Boleh dikatakan komponen persembahan Nora adalah jalinan dan percampuran antara budaya, kepercayaan dan agama," tambahnya yang menghasilkan beberapa kertas hasil kajian akademiknya mengenai seni nenek moyangnya itu.

### ANTARA MISTIKAL DAN AKADEMIK

Tanpa selindung, Dr. Kanit menerusi kajiannya mengenai Nora diakui bermula dengan skeptisme dan ragu-ragu. Sungguhpun beliau, secara rohaninya, seharusnya mewarisi kepercayaan pada Nora memandangkan ibu bapanya berasal dari selatan Thailand, awalnya beliau sekadar pemerhati.

la dijelaskan di dalam artikelnya, 'Route of the Roots: Tai – Asiatic Cultural Interaction' di bawah siri 'Tai Culture. Interdisci-

plinary Tai Studies Series Vol 23' terbitan 2013 yang menyentuh kajian mengenai hubungan budaya antara komuniti Asia Tenggara, hasil pengaruh interaksi budaya Asia – ketamadunan Cina dan India, *Austro-asiatic*, *Austonesian* dan orang asal Asia Tenggara.

Penulisan itu, antara lain menyebut mengenai 'kuasa roh jahat yang terbabit' di dalam Menora yang menyebabkan beliau sekeluarga pernah menjauhkan diri daripada terbabit dalam sebarang ritual. Pemegang Ijazah Lanjutan Pengajian Asia dari Universiti Walailak, Thailand ini menekankan perlunya pemahaman terlebih dulu mengenai kepercayaan terhadap adanya roh Nora dan roh jahat.

"Roh Nora adalah nenek moyang Nora yang dihormati anak cucu Nora. Roh Nora berfungsi menguasai dan memantau perlakuan anak cucu. Jika baik, akan beroleh kurnia roh Nora. Jika sebaliknya, terutama melakukan perkara tidak bermoral atau kurang menghormati dewa, mengetepikan tradisi Nora, roh Nora akan memberi amaran dengan menurunkan penyakit yang tidak boleh diubati.

"Perlu diingatkan, roh Nora tidak akan mengapa-apakan mereka yang bukan anak cucunya," katanya.

Katanya, perlu difahami roh jahat bukan-

lah roh Nora, sebaliknya ia adalah roh tidak diundang yang boleh mengganggu sesiapa saja, termasuk anak cucu Nora. Ekoran itu, pembabitan dalam ritual Nora boleh membuka ruang seseorang diganggu roh jahat dan hanya Tok Nora yang mampu menghalauanya.

“Jadi, ada kebimbangan dilahirkan keluarga, ketika itu sekiranya saya terbabit atau mengamalkan tradisi Nora secara kerohanian, bimbang kalau saya dihubung oleh roh Nora atau diganggu roh jahat,” katanya lagi.

**“Saya tidak boleh mengatakan yang mana seni asli Nora kerana seni adalah warisan budaya tidak ketara yang selalu diselaraskan, diadaptasi dan berubah mengikut konteks.”**

Berkongsi kisah yang pernah diceritakan bapanya, moyangnya seorang pemuja roh Nora dan kemudian mewariskan tradisi ini kepada cucu-cucunya, namun tiada dalam kalangan keluarganya yang meneruskan lantaran komplikasi yang dihadapi untuk mengamalkannya. Ini ditambah kejadian yang disaksikan atau didengari mengenai mereka yang dipercayai dihukum kerana salah laku dan menyebabkan mereka terbabit secara langsung atau rohani dalam memuja nenek moyang Nora.

“Ayah, ketika mengetahui saya berminat untuk mendalami tentang Nora, menasihati saya agar tidak terbabit dengan ritual Nora kerana risau roh Nora dan roh jahat akan memberi kesan terhadap kehidupan saya.

“Namun saya berhasil meyakinkan mereka dan roh Nora dengan memaklumkan peranan saya dalam mendalami Nora, iaitu sebagai pengkaji Nora yang boleh mempersembahkan tarian Nora serta membentangkan ilmu bagi sumbangan akademik.

“Sepertimana Tok Nora menyumbang dan mengabdikan diri mereka bagi mempersembahkan ritual ini, saya akan memainkan peranan dengan berkongsi ilmu dalam aspek akademik,” jelasnya.

## IDENTITI SILANG BUDAYA MENORA

Di Kelantan, menurut artikel berjudul ‘Menora Masyarakat Siam-Kelantan Dalam Cerpen Karya Eh Deng Eh Chik’ tulisan Siti Rohayu Muhamad yang disiarkan JKKN Kelantan, Menora dikatakan bertapak kukuh sejak 1920-an.

Eh Deng, seorang penulis Kelantan etnik Siam yang banyak mengetengahkan budaya masyarakat Cik Sifi Wan Kembang turut merekodkan Menora dalam karya-karyanya. Di negeri itu, kemunculan kumpulan Menora disebut bertumpu di daerah yang mempunyai komuniti Siam seperti Tumpat, Tanah Merah, Pasir Putih dan Bachok.

Menora dari selatan Thailand, menurut artikel sama, telah dibawa masuk ke Kelantan sebelum Perjanjian Bangkok 1909. Sehingga hari ini, kawasan selatan Thailand terkenal sebagai ‘bumi Nora’ yang bermaksud bumi Menora.

Namun apakah Menora di Kelantan mengekalkan keaslian seninya, atau sudah melalui perubahan?

“Saya tidak boleh mengatakan yang mana seni asli Nora kerana seni adalah



Dr. Kanit dijemput mengetuai bengkel tarian di Southern Thai Nora sempena persidangan *The 2019 China-ASEAN Dance Education Forum*, di Universiti Kesenian Guangxi, Nanning, China pada 2019.

warisan budaya tidak ketara yang selalu diselenggarakan, diadaptasi dan berubah mengikut konteks. Apa yang saya boleh katakan ialah persembahan Menora di Kelantan adalah bentuk lama.

“Dibandingkan persembahan pada pertengahan kurun ke-19, persembahan berubah bergantung kepada dalaman pengamal itu sendiri, dan faktor luaran atau konteks. Kadang-kadang persembahan berubah kerana kreativiti pengamal itu sendiri, adakalanya terpaksa diubah ekoran limitasi dan tekanan tertentu. Jadi, saya boleh katakan persembahan Menora telah mengalami perubahan, secara dalaman dan luaran,” katanya.

**“Pertama, Menora mungkin wujud bagi tujuan pemujaan nenek moyang sebelum pemetaan negeri yang ada sekarang dan kedua, Menora mungkin dibawa masuk oleh orang Siam yang berhijrah ke Malaysia.”**

Dr Kanit, menerusi penulisannya banyak menyentuh mengenai silang budaya, antaranya dikupas di bawah judul ‘Neither Thai Nor Malay: The Cross-Cultural Identity of Menora Performance at Kelantan’ pada Simposium Antarabangsa Pertama Warisan Budaya pada 2021.

Diminta menyimpulkan penemuan itu dan bagaimana Menora di Malaysia berevolusi, beliau berkata pada dasarnya, tiada bukti kukuh untuk menjelaskan mengenai asal usul Menora di negara ini.

“Bagaimanapun ada dua pandangan yang saya boleh kongsi di sini, pertama Menora mungkin sudah pun wujud bagi tujuan pemujaan oleh nenek moyang sebelum pemetaan negeri yang ada sekarang. Kedua, Menora mungkin dibawa masuk oleh orang Siam yang berhijrah ke Malaysia.

“Artikel saya tidak bertumpu mengenai asal usul Nora, tetapi lebih menjurus bagaimana Menora di Kelantan dibentuk dan dicorakkan oleh identiti silang budaya. Penemuan saya menekankan mengenai identiti Tok Menora atau di Kelantan, juga dikenali sebagai Pho Nora, iaitu ketua kumpulan,” katanya.

Jelasnya, menjadi satu kemestian dalam sesebuah persembahan Menora untuk ketuanya menggunakan bahasa Siam tempatan dan keperluan hari ini memerlukan mereka menguasai sekurang-kurangnya tiga bahasa – dialek Melayu Kelantan, Cina dan Thai bagi memenuhi kehendak penganjur.

“Dalam persembahannya, Tok Nora mengubah-ubah identitinya. Sebagai orang Siam, beliau menggunakan bahasa ibundanya semasa membaca mantra Menora bagi berkomunikasi dengan roh Nora untuk acara ritual. Bahasa Cina, Melayu dan Thai wajib dikuasai untuk memahami dan mengekalkan keberuntungan kumpulan dan reputasi mereka.

“Justeru Menora yang layak menjadi pengamal ritual mestilah seorang penganut Buddha dan melepasi laluan ujian keagamaan, mendalami ilmu kuasa ajaib dan artistik Menora, dan diterima oleh komuniti Menora.

“Identiti silang budaya Menora Kelantan masih diperlihatkan menerusi sinkronisasi bentuk muzikal Melayu dan Siam-Thai, langkah dan pergerakan tarian, jalan cerita dan kostum yang boleh dipertontonkan lagi,” katanya.

Oleh itu, beliau berpandangan identiti silang budaya Menora dibina oleh perundingan, ketahanan, dan membabitkan budaya untuk menarik audiens dan mengekalkan pendapatan bagi kumpulan berkenaan.

## **PERLAMANGAN SIAM KELANTAN**

Menora Kelantan, menurut Dr Kanit, memperlihatkan identiti silang budaya antara Siam, selatan Thai dan Melayu, manakala Nora selatan Thailand menunjukkan interaksi budaya antara wilayah selatan dan pusat Thailand.

“Jika diperhatikan, Menora Kelantan mempunyai persamaan dengan Menora Melayu (Menora Khaek) di Pattani, Yala, wilayah-wilayah Narathiwat di Thailand kerana gaya persembahan ini mewakili interaksi budaya yang utuh antara Siam dan Melayu. Ini menjadikan Menora Kelantan unik dan berbeza dengan Menora Kedah dan Menora Selatan Thailand,” katanya.

Ditanya sejauh mana keupayaan Menora memainkan peranannya di

**“Identiti silang budaya Menora Kelantan masih diperlihatkan menerusi sinkronisasi bentuk muzikal Melayu dan Siam-Thai, langkah dan pergerakan tarian, jalan cerita dan kostum yang boleh dipertontonkan lagi.”**

Kelantan dalam memastikan kelangsungan identiti selatan Thailand, terutama dalam kalangan komuniti Thai di Malaysia, beliau berkata: “Berdasarkan pemahaman saya, orang Siam adalah satu kumpulan yang tinggal di Malaysia, manakala orang Thai adalah mereka yang bermigrasi dari Thai dan hidup atau kekal tinggal di Malaysia.

“Jika anda bertanya mengenai identiti selatan Thai mengikut Nora yang dipersembahkan di Thailand, jelaslah Nora mewakili identiti selatan Thai melalui bahasa yang digunakan, sebagaimana Makyung menggunakan dialek Kelantan dalam menyampaikan penceritaan. Gerak tarinya juga melambangkan sifat orang selatan Thai, muzik yang mengiringi juga menunjukkan ciri muzik selatan Thai.

“Jika anda bertanya mengenai identiti selatan Thai yang dipersembahkan Nora di Kedah, kita masih boleh melihat dialek selatan Thai yang digunakan dan gaya persembahan yang mempengaruhi, digunapakai atau diambil daripada Menora Selatan Thai.”

### **SOKONGAN KARAKTER WANITA**

Dr Kanit, menerusi artikelnya yang berjudul ‘Warisan Budaya Yang Dikongsi Dalam Persembahan Ritual: Satu Kajian Komparatif antara Nora Selatan Thai dan Makyung Melayu’ pada Sidang Antarabangsa ke-13 mengenai Pengajian Thai di Chiang Mai, Thailand pada 2017, melihat persamaan di antara dua seni berkenaan yang dianggap warisan klan, berfungsi sebagai persembahan ritual oleh anak cucu bagi memberi penghormatan kepada roh nenek moyang, selain mengubati penyakit.

Ia juga memaparkan tentang status wanita kerana menurutnya, tanpa karakter wanita atau tindakan oleh karakter yang disokong wanita, cerita daripada



kedua-dua persembahan Nora dan Makyung itu tidak akan wujud, selain menunjukkan persamaan antara nama, permulaan cerita, cerita selanjutnya dan konflik serta klimaks.

Tegas Dr Kanit, bagi Menora Kelantan, identiti budaya di dalam persembahannya adalah gabungan antara Siam dan Melayu. Sungguh pun Menora identiti orang Siam, katanya buat masa ini komunitinya berdepan cabaran kritikal bagi mengekalkan atau terus mengamalkannya berikutan faktor-faktor dalaman dan luaran yang menjadi punca asimilasi identiti.

“Menora Kelantan boleh digunakan sebagai usaha mengekalkan identiti orang Siam atau selatan Thai, namun struktur persembahan perlu dibina semula untuk mendalami kajian sehingga dapat mengenalpasti identiti budaya yang tertanam dalam persembahan Menora, dan membina semula identiti orang Siam.

“Jika kita berupaya melakukannya, kita bukan saja boleh menghidupkan semula persembahan Menora, malah menjulang identiti orang Siam atau selatan Thailand dengan pemahaman yang sebenar-benarnya,” tambahnya.



**KALAU** masyarakat Melayu terkenal dengan kepelbagaian persembahan wayang kulit, kaum Teochew terutama di Pulau Pinang pula tidak kurang hebatnya dengan persembahan boneka batang besi yang dibawa masuk ke negara ini pada abad ke-19 apabila mereka berhijrah ke Asia Tenggara akibat kegawatan ekonomi di Guangdong, China.

Melalui sebuah kajian terhadap kumpulan Teochew Puppet & Opera House oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), Pulau Pinang, mendapati persembahan boneka batang besi mampu bertahan hingga ke hari ini kerana persembahan boneka ini berkait rapat dengan unsur agama, kepercayaan dan pantang larang yang masih diamalkan oleh masyarakat ini.

Menurut Pegawai Kebudayaan JKKN Pulau Pinang, Zahir Ahmad, Opera Teochew adalah satu budaya yang menitikberatkan aspek spiritual, konteks dan proses pembelajaran. Teater atau Opera Boneka Teochew berasal daripada tradisi wayang kulit bayangan Cina tetapi tradisi ini berubah semasa zaman Dinasti Song (960-1279) apabila kaum asli Teochew dari bahagian utara China merantau ke Chaoshan di Timur Wilayah Guangdong.

Sejak itu katanya, boneka batang besi telah mengambil tempat bagi menggantikan wayang kulit bayangan sebagai konteks utama. Batang besi dijadikan sebagai bahan utama untuk menggerakkan watak-watak boneka dalam sesebuah cerita yang dipersembahkan.

“Opera Teochew yang dipersembahkan di Pulau Pinang masih mengekalkan dialek, cerita dan pakaian tradisi masyarakat ini. Kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti sejarah kewujudan boneka Teochew serta proses pembuatan boneka batang besi di samping menyelidik tatacara persembahan opera ini. Pengumpulan data dilakukan menggunakan kaedah temubual mendalam dengan informan yang dipilih.

“Apabila berlaku kegawatan ekonomi di China pada abad ke-19, kaum Teochew membawa bersama budaya warisan seni boneka batang besi dan dialek (Carsten, 2005). Walaupun pada masa ini tidak ramai audiens di Malaysia yang memahami dialek Teochew namun persembahan boneka ini tetap menggunakan dialek Teochew, mempersembahkan cerita masyarakat Teochew dan boneka memakai pakaian tradisi masyarakat Teochew. Tujuannya untuk mengekalkan tradisi budaya masyarakat ini

serta mencerminkan pemikiran dan falsafah kaum.

“Opera batang besi tidak begitu popular di Malaysia kerana faktor modenisasi, saingan daripada perkembangan teknologi maklumat yang pesat, dan ganjaran ekonomi yang tidak memberangsangkan. Selain itu kaum Teochew di Malaysia bukan kumpulan yang besar dan tidak banyak yang berminat untuk bergiat dalam seni budaya ini. Populasi Teochew hanya sekitar 5% daripada 25.56% kaum Cina Malaysia dan kebanyakannya tinggal di pantai barat Semenanjung Malaysia. Penempatan kaum Teochew tertumpu di bandar dan pinggir bandar iaitu di Bukit Mertajam, Pulau Pinang; Klang, Selangor; Ipoh, Perak dan sedikit di Johor serta Kelantan,” kata Zahir.

### PERINTIS OPERA BATANG BESI

Menurut Fan seperti yang dilaporkan di dalam *New Straits Times* terbitan Mac 2016, terdapat hanya lima kumpulan Teater Boneka Teochew yang masih aktif di Malaysia dan salah satunya adalah kumpulan Kim Giak Low Choon di Pulau Pinang. Kumpulan ini ditubuhkan pada 1989 dan sebagai perintis opera batang besi di Malaysia. Kumpulan opera ini dianggotai oleh 30 orang yang terdiri daripada ahli keluarga, serta saudara-mara dan rakan kumpulan terdahulu. Kumpulan Kim Giak Low Choon kemudiannya bertukar nama kepada Teochew Puppet & Opera House atau dipanggil Opera Boneka Teochew Pulau Pinang.

“Setakat ini kajian yang sistematik tentang teater boneka batang besi di Malaysia tidak banyak dilakukan. Oleh sebab boneka batang besi adalah salah satu seni warisan rakyat Malaysia, maka proses pendokumentasian wajar dilakukan. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sejarah kedatangan, cara pembuatan dan tatacara persembahan opera batang besi yang dipersembahkan oleh kaum Teochew di Pulau Pinang,” ujar Zahir.

Menurut Zahir lagi, kajian dibuat berdasarkan tiga objektif iaitu mengenal pasti sejarah opera boneka batang besi Teochew di Pulau Pinang, menghuraikan cara pembuatan boneka batang besi Teochew di Pulau Pinang dan menjelaskan tatacara persembahan opera boneka batang besi Teochew dalam Opera Boneka Teochew Pulau Pinang.

Secara umum masyarakat Cina mempercayai bahawa seni boneka mempunyai nyawa dan semangat yang berupaya mengawal kuasa jahat secara ghaib. Kepercayaan ini dikaitkan dengan konsep ketuhanan masyarakat Cina. Kenyataan ini diperkukuhkan oleh Chen & Clark (2010) yang menyatakan teater yang dipersembahkan di tokong suci adalah berdasarkan cerita rakyat China. Kajian mereka terhadap 13 komuniti yang mempersembahkan teater boneka di China, mendapati rupa bentuk seni boneka dalam setiap komuniti berbeza-beza.

### “Opera Teochew yang dipersembahkan di Pulau Pinang masih mengekalkan dialek, cerita dan pakaian tradisi masyarakat ini.”

Sehubungan itu katanya, kajian ini memperincikan rupa bentuk boneka batang besi Teochew yang terdapat di Malaysia dan tatacara persembahannya. Yee (2018) dalam kajiannya tentang opera Teochew di Puppet & Opera House di George Town, menyatakan sesuatu organisasi dapat kekal jika ia menggunakan teori sistem pembangunan organisasi Brown (2011).

Menurut Brown (2011, yang dipetik oleh Yee, 2018): “A system is a set of interrelated parts unified by design to achieve some purpose or goal. Organizations are systems.” Dalam hal ini, Teochew Puppet & Opera House sebagai suatu organisasi mengaplikasikan lima prinsip sistem iaitu:

- 1) sistem direka khas untuk mencapai suatu objektif;
- 2) sistem harus mempunyai aturan yang kukuh;
- 3) setiap elemen secara individu dalam sesebuah sistem saling berhubung kait;
- 4) sistem berkembang melalui aliran maklumat, tenaga;
- 5) objektif keseluruhan sistem penting daripada elemen-elemen individu.

Daripada segi rupa bentuk boneka, Kurnia Ganjar (2003) menyatakan di peringkat awal bentuk kepala boneka wayang golek adalah mendatar. Namun kemudian bentuk kepala boneka yang diukir menggunakan kayu diubah menjadi tiga dimensi agar lebih menarik dan hampir menyerupai manusia.

Wayang golek ini diperkenalkan di Jawa



Seni boneka dipercayai masyarakat Cina mempunyai nyawa dan semangat yang mampu mengawal kuasa jahat secara ghaib.

Tengah dan Jawa Timur pada awal abad ke-17 oleh Sunan Kudus, seorang tokoh agama Islam di Pulau Jawa sebagai medium menyebarkan agama Islam. Persembahan wayang golek menggunakan bahasa Jawa. Dalam hal ini, boneka Teochew juga menggunakan kayu sebagai bahan utama membentuk boneka.

Menurut Speaight (2015) pula, seni permainan boneka merangkumi pembuatan boneka dan memanipulasikan boneka dalam pementasan teater boneka. Rupa bentuk boneka yang dihasilkan merujuk kepada fizikal manusia, haiwan dan kadangkala bentuk abstrak merupakan watak bagi cerita yang dimainkan.

**“Peraturan yang ketat diwujudkan bagi memastikan kesejahteraan penggiat kerana ia dianggap ‘suci’ dan pelanggaran peraturan dipercayai mendatangkan impak negatif.”**

Dalam persembahan boneka manusia mengawal pergerakan boneka. Sehubungan itu, kajian yang dijalankan ini akan meninjau proses pembuatan boneka batang besi serta tatacara persembahan yang diamalkan oleh kumpulan Teochew Puppet & Opera House di Pulau Pinang.

“Berdasarkan kajian, opera batang besi di Malaysia hanya ada di Pulau Pinang. Kumpulan opera ini ditubuhkan oleh Toh Ai Hwa iaitu ibu Goh Hoi Ling salah seorang informan kajian ini pada tahun 1989. Kumpulan yang diberi nama Kim Giak Low Choon Teochew Puppetry Troupe ini berasal daripada kumpulan Lao Yong Siew Choon yang disertai oleh Toh Ai Hwa sejak beliau berumur 12 tahun.

“Setelah ketua kumpulan Lao Yong Siew Choon bersara, kumpulan opera ini diserahkan kepada Toh Ai Hwa yang kemudiannya menukar nama kepada Kim Giak Low Choon Teochew Puppetry Troupe. Kini, ia diserahkan kepada anak ketiga Toh Ai Hwa iaitu Goh Hoi Ling (juga dikenali sebagai Ling Goh).

“Oleh sebab minat yang mendalam keempat-empat anak Toh Ai Hwa yang

juga informan kajian ini turut melibatkan diri dalam seni opera batang besi. Untuk mempertingkatkan kualiti persembahan, mereka mempelajari sendiri semua aspek peralatan teknikal seperti boneka, alat muzik dan sistem siar raya.

### KEKALKAN KEASLIAN SENI


“Dari segi pencapaian, informan menjelaskan bahawa pada tahun 2008 kumpulan ini telah menerima anugerah Living Heritage Treasure oleh Penang Heritage Trust (PHT) sempena pengiktirafan George Town sebagai Tapak Warisan Sedunia UNESCO. Mereka sependapat bahawa anugerah ini adalah atas berkat usaha mereka yang tidak mengenal jemu.

“Mereka pernah mengubah aktiviti kumpulan ini daripada boneka batang besi kepada persembahan opera Teochew dengan menjemput pelakon dari China. Walaupun memenangi anugerah Overseas Cultural Propagation pada 2012, namun pada pertengahan 2013, persembahan mereka terpaksa dihentikan kerana masalah kewangan. Dengan bantuan dan nasihat Penang Heritage Trust Honorary Treasurer, Ling Goh

menubuhkan Teochew Puppet and Opera House pada penghujung 2013,” katanya.

Zahir berkata, berdasarkan kajian, walaupun penggiat opera ini tidak besar jumlahnya namun kewujudan seni ini menambah variasi seni warisan Malaysia. Penggiat opera cuba untuk mengekalkan keaslian seni ini dengan mempelajarinya daripada mereka yang arif di tempat asal seni ini wujud. Penggiat melibatkan diri dalam seni ini kerana minat dan mereka mempunyai kemahiran dalam aspek-aspek berkaitan opera. Mereka mengusahakan opera boneka daripada pembuatan boneka hingga kepada persembahan.

“Peraturan yang ketat diwujudkan bagi memastikan kesejahteraan penggiat. Ini kerana seni opera ini dianggap ‘suci’ dan pelanggaran peraturan dipercayai mendatangkan impak negatif. Di sebaliknya semua peraturan ketat terdapat kebaikan nilai yang harus ada pada setiap individu. Misalnya mulut tidak celupar bercakap perkara yang tidak baik, dan sentiasa bersyukur dan merendah diri di hadapan Tuhan atau dalam hal dewadewa,” katanya.



Penggiat boneka batang besi biasanya terlibat dari awal pembuatan boneka hingga mengadakan persembahan.



### Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara

Aras 16, 18, 19, 26, 27, 30 dan 34  
Lot 1001, Menara TH Perdana  
Jalan Sultan Ismail  
50250 Kuala Lumpur  
Tel: 03-2614 8200  
Faks: 03-2697 0884

### SALURAN MEDIA SOSIAL JKKN



**#MYSENIBUDAYA  
MALAYSIA**

### Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Perlis

Kompleks JKKN Perlis  
Persiaran Wawasan Kangar  
01000 Kangar  
Perlis Indera Kayangan  
Tel: 04-979 3604  
Faks: 04-977 0117

### Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Kedah

Kompleks JKKN Kedah,  
Lot Ptd 400,  
05250 Alor Setar,  
Kedah Darul Aman  
Tel: 04-731 5930  
Faks: 04-733 8128

### Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Pulau Pinang

Kompleks JKKN Pulau Pinang  
Kompleks Pusaka Warisan Seni  
Lot No. 2180 Jalan Rawang  
Off Jalan P. Ramlee  
10460 Pulau Pinang  
Tel: 04-281 7791/7792  
Faks: 04-281 7781

### Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Perak

Kompleks JKKN Perak  
Lot 20561 @ 20565, Jalan Cardwell  
Off Jalan Raja Dihilir  
30350 Ipoh  
Perak Darul Ridzuan  
Tel: 05-253 7001  
Faks: 05-241 7017

### Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Selangor

Ideal Convention Centre (IDCC) Shah Alam  
Tingkat 6, 6-01 Menara Korporat  
Kompleks IDCC, Jalan Pahat L 15/L  
Seksyen 15, 40200 Shah Alam  
Selangor  
Tel: 03-5543 1419  
Faks: -

### Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Wilayah Persekutuan

Kompleks JKKN WPKL  
Jalan Tun H.S Lee  
50000 Kuala Lumpur  
Tel: 03-2072 6431/6779  
Faks: 03-2070 4064

### Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Negeri Sembilan

Kompleks JKKN Negeri Sembilan  
Jalan Sungai Ujong  
70200 Seremban  
Negeri Sembilan Darul Khusus  
Tel: 06-767 6793/763 6308  
Faks: 06-763 4417

### Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Melaka

Kompleks JKKN Melaka  
Lebuh Ayer Keroh  
75450 Melaka  
Tel: 06-233 1790/233 1787  
Faks: 06- 233 1784

### Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Johor

Aras 6 Kiri, Wisma Perkeso  
No. 26, Jalan Susur 5  
Off Jalan Tun Abdul Razak, Larkin  
80200 Johor Bahru  
Johor Darul Takzim  
Tel: 07-224 8270/223 1249  
Faks: 07-223 9413

### Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Pahang

Kompleks JKKN Pahang  
Lot 57100, Jalan Tok Sisek  
25000 Kuantan  
Pahang Darul Makmur  
Tel: 09-517 8466  
Faks: 09-517 9466

### Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Terengganu

Kompleks JKKN Terengganu  
Kuala Ibai  
20400 Kuala Terengganu  
Terengganu Darul Iman  
Tel: 09-617 8831  
Faks: 09-617 8832

### Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Kelantan

Kompleks JKKN Kelantan  
Lot 1993, Seksyen 49  
Tanjong Chat  
15200 Kota Bharu  
Kelantan Darul Naim  
Tel: 09-741 7000  
Faks: 09-741 7004

### Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Sarawak

Tingkat 5, Bangunan Sultan Iskandar  
Jalan Simpang Tiga  
93000 Kuching  
Sarawak  
Tel: 082-422 006/423 106  
Faks: 082-244 394

### Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Sabah

Kompleks JKKN Sabah  
KM 4, Jalan Penampang  
88200 Kota Kinabalu  
Sabah  
Tel: 088-237052/051  
Faks: 088-242 052



IMBAS KATALOG ATAS TALIAN  
*SCAN FOR DIGITAL CATALOG*  
<https://issuu.com/jkkngov>

CAWANGAN DOKUMENTASI DAN PENERBITAN, JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA  
ARAS 16, 18, 19, 26, 27, 30 & 34, LOT 1001, MENARATH PERDANA, JALAN SULTAN ISMAIL,  
50250 KUALA LUMPUR ☎ 03 2614 8200 📠 03 2697 0884



SALURAN MEDIA  
SOSIAL JKKN **#MYSENIBUDAYA**  
MALAYSIA